

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 17	Rabu	18 Julai 2007
----------------	-------------	----------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007	(Halaman 32)
Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007	(Halaman 65)
Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007	(Halaman 76)
Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2007	(Halaman 79)
Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007	(Halaman 81)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – *T.M di JPM*
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik) (LS)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor) (PS)
21. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis) (LS)
22. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik) (LS)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL) (LS)
29. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
30. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
33. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. “ Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)

35. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik) (LS)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua* (LS)
41. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik) (LS)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Dato’ Rhina Bhar (Dilantik)
47. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
50. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
51. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan) (PS)
52. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik) (LS)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis) (LS)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik) (LS)
56. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato’ Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik) – *SUP* (LS)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis) (PS)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik) (LS)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
65. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah) (PS)
66. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

SETIAUSAHA DEWAN NEGARA

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Amran

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Leela binti Sahad

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Meraliti binti Mamat

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****RABU, 18 Julai 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan pertanyaan, saya pohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk saya melahirkan rasa ucapan takziah kepada enam mangsa helikopter Nuri yang terkorban. Mereka adalah wira negara kerana mereka meninggal dalam bertugas dan beruniform. Untuk tujuan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk Dewan ini bertafakur dan umat Islam membaca Al-Fatihah.

[Dewan bertafakur]

1. **Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) diamalkan sepenuhnya dalam sistem pendidikan kita, dan bagaimanakah penghayatannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan di negara ini adalah berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan.

Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah diasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pembangunan Negara, perkembangan dunia semasa, teori pembelajaran dan dengan izin, *the four pillars of education* iaitu *Learning to Know, Learning to Do, Learning to Live Together and Learning to Be*, saranan daripada UNESCO.

Dasar Pendidikan Kebangsaan pula dilaksanakan melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan perkara-perkara yang berikut:

- (i) Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama;
- (ii) Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama;
- (iii) pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya dan yang akan memenuhi keperluan negara; dan

- (iv) memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Semakan KBSR dan KBSM secara menyeluruh mulai tahun 2000 hingga 2005 adalah bertujuan untuk memantapkan dan menambah baik kurikulum yang sedia ada supaya ia relevan dengan kehendak semasa dan masa akan datang. Semakan ini juga bertujuan memenuhi keperluan pembangunan sumber manusia negara.

Untuk makluman, penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta pemupukan nilai dalam semua mata pelajaran terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral diharap dapat menjadi persediaan kepada murid untuk melalui realiti kehidupan sebenar serta boleh menyumbang kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Terima kasih.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat yang telah menjawab soalan saya tadi. Jawapan Yang Berhormat ialah kita telah mengamalkan dan menghayati semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan tetapi persoalan saya ialah apabila kita melihat keluaran graduan ataupun pelajar-pelajar sekolah hari ini, ia tidak memperlihatkan semangat seperti mana yang ditunjukkan. Persoalan saya ialah, adakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah gagal untuk melahirkan rakyat Malaysia seperti mana yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak gagal dalam tugas dan memang kita menafikan dengan tegasnya bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan juga Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah mengikut kehendak sebab kita menjalankan semakan dari semasa ke semasa. Dalam masa yang sama kita memberi fokus bukan sahaja kepada pencapaian pelajar dalam bidang kurikulum tetapi dalam bidang-bidang lain seperti dalam bidang kokurikulum dan ini telah dimantapkan dari segi kehendak pencapaian pelajar dalam bidang kokurikulum sebab kami memberi fokus dan memberi pengiktirafan bahawa kokurikulum adalah suatu yang baik dari segi pembinaan sahsiah pelajar.

Pada masa yang sama kami di Kementerian Pelajaran juga melaksanakan beberapa program untuk membantu murid-murid meningkatkan konsep sendiri supaya mereka ini dapat menghadapi cabaran kerjaya pada masa hadapan. Sebagai contohnya, di sekolah menengah murid-murid digalakkan agar mengambil ujian personaliti bagi menentukan kecenderungan personaliti masing-masing.

Berdasarkan kepada keputusan ujian personaliti ini murid-murid akan dibimbing dalam menentukan hala tuju kerjaya mereka. Pada masa yang sama juga untuk memperluaskan bidang pilihan untuk pelajar-pelajar, Kementerian Pelajaran juga menawarkan mata pelajaran vokasional atau MPV, di sekolah harian sebagai alternatif yang penting kepada murid-murid menguasai satu kemahiran tertentu bagi persediaan mereka apabila tamat persekolahan kelak. Terima kasih.

▪ 1010

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Falsafah pendidikan negara adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, tanggungjawab dan berkeupayaan serta mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan juga jasmani.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, pelaksanaan falsafah ini yang kita nak tanya kerana masa kini pelajar-pelajar terlalu menitik beratkan peperiksaan. Sampai mungkin mereka boleh lulus sesuatu mata pelajaran tetapi kelulusan itu tidak pasti mereka dapat memakai apa yang di belajar itu.

Seperti yang baru-baru ini yang kita nampak MUET ada enam *band* kelulusan, *band 1, 2, 3* sampai *band 6*. *Band 6* yang terbagus sekali, *band 1* yang agak lemah sekali. Namun *band 1, 2* dan *3* yang lemah itu mengandungi 80% pelajar berada di *band 1, 2 3*. Sementara itu yang cemerlang *band 4, 5* dan *band 6* tidak sampai 20%. Adakah ini satu kelemahan dalam sistem pendidikan kita? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua saya tak faham soalan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Dari segi pelaksanaannya.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya, dari segi pelaksanaannya mungkin pelajar menitik beratkan peperiksaan tetapi tidak dapat menggunakan apa yang dipelajari seperti MUET yang baru-baru keluar itu keputusan. Di mana, ujian ini untuk memeriksa kebolehan pelajar-pelajar menggunakan Bahasa Inggeris, ini tujuan peperiksaan ini. Ia ada enam *band* untuk, *band 1* yang sangat lemah tak dapat pakai bahasa Inggeris. Kalau dia dapat *band 6*, dia boleh tutur dan boleh pakai bahasa Inggeris. Terdapat peperiksaan yang dikeluarkan hari ini, 80% pelajar kita yang berada di *band 1, 2* atau *3*. Manakala yang baik dalam bahasa Inggeris itu hanya kurang daripada 20%. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menambahbaikkan *proficiency* dalam bahasa Inggeris adalah; pertama, memperkenalkan pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Kemudiannya kita ada beberapa program seperti NILAM untuk menggalakkan tabiat membaca buku pelajar-pelajar kita. Kami harap ini dapat menambahbaikkan kefasihan pelajar-pelajar dalam Bahasa Inggeris. Memang kementerian juga sedar bahawa fokus dan persepsi masyarakat boleh nampak di kementerian ini kami terlalu memberi fokus atau sistem pendidikan terlalu berorientasikan peperiksaan.

Beberapa langkah telah diambil oleh kementerian untuk mengurangkan fokus, supaya sistem pendidikan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil seperti yang saya katakan tadi, kita menggalakkan pelajar-pelajar kita menceburkan dalam bidang sukan, persatuan dan sebagainya. Di antara langkah-langkah lain, sistem penilaian dan penaksiran juga pada masa ini dinilai dan diteliti semula.

Kementerian pada masa ini mengkaji kesesuaian untuk mengurangkan bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam dan hanya menguji mata pelajaran tertentu di peringkat sekolah.

Kedua, kita juga melihat semula sistem penggal dan ada kemungkinan kita akan menggantikan dengan sistem semester.

Ketiga, kita mengubah cara kita menilai pencapaian pelajaran anak-anak kita di dalam pelajaran dengan perkembangan kehendak dunia. Dengan mengubah penekanan dalam peperiksaan awam supaya tidak terlalu berasaskan kandungan, *content based*. Sekiranya boleh, kita nak *shift* secara peringkat kepada satu sistem yang lebih berasaskan kemahiran, *skill based*.

Keempat, kita juga cari kaedah penaksiran yang mampu menggalakkan pembinaan karakter ataupun akhlak dalam mata pelajaran seperti pendidikan seni dan pendidikan jasmani. Kita juga cuba mengkaji balik, mengubah pendekatan pelajaran dan pembelajaran (P&P) misalnya dengan memperbanyakkan lagi pendekatan pengurusan projek.

Jadi kami harap bahawa dengan langkah-langkah ini kita dapat mengubah persepsi bahawa sistem pendidikan masa ini tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, Saya nak satu soalan boleh tak?

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah.

2. Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah pelaksanaan koridor-koridor pembangunan untuk negeri Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menubuhkan beberapa koridor pembangunan sebagai salah satu daripada pendekatan baru bagi memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah di negara ini.

Koridor-koridor tersebut ialah Koridor Selatan yang juga dikenali sebagai Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Koridor Utara, Koridor Timur, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Sarawak.

Objektif utama pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah dan Sarawak adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi di kedua-dua negeri tersebut.

Penubuhan kawasan Koridor Pembangunan Sabah dan Sarawak adalah merupakan satu perancangan yang strategik untuk merapatkan jurang pembangunan antara negeri dan wilayah. Kerajaan menjangka pembangunan di kedua-dua negeri ini akan dapat ditingkatkan khususnya di kawasan luar bandar yang akan dilengkapi dengan lebih banyak kemudahan infrastruktur yang akan memberi manfaat kepada semua lapisan penduduk di kedua-dua negeri tersebut.

Setakat ini pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah dan Sarawak masih di peringkat awal perancangan, lokasi sebenar dan sektor teras yang menerajui Koridor Pembangunan Sabah dan Sarawak akan bergantung kepada kajian yang akan dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi negeri Sabah dan Unit Perancang Ekonomi negeri Sarawak. Bagi kedua-dua koridor ini pihak kerajaan akan

mempelawa beberapa agensi dan syarikat berkaitan kerajaan di Sabah dan Sarawak untuk menerajui pembangunan koridor tersebut.

Kerajaan percaya dan yakin bahawa dengan pelbagai usaha dan strategi yang dirangka oleh Kerajaan Persekutuan dan juga negeri Sabah dan Sarawak akan terus membangun selaras dengan matlamat pembangunan nasional. Usaha pembangunan koridor ini adalah salah satu keutamaan kerajaan bagi memastikan manfaat pembangunan akan dapat dirasakan oleh semua rakyat di negeri ini secara adil dan saksama.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih atas jawapan. Oleh kerana ia masih lagi dalam peringkat awal ataupun peringkat perancangan, bolehkah Yang Berhormat memberi bayangan atau gambaran agaknya, bila perancangan ini dapat dimulakan? Adakah di pertengahan perancangan Malaysia kesembilan ataupun bagaimana?.

Apakah pendekatan dan kaedah yang dapat digunakan supaya dapat memastikan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak dapat menikmati dari sudut terlibat sebagai kontraktor dan bukan sebagai pemerhati kepada pembangunan-pembangunan yang bakal akan dimulakan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali berkenaan bila ianya akan dilaksanakan. Kita telah mengadakan beberapa perundingan dengan pihak Kerajaan Negeri dan yang terakhir sekali minggu lepas. Di mana, pihak unit perancang telah mengadakan perundingan dengan pihak Kerajaan Pusat.

■1020

Namun begitu, Sabah dan Sarawak merupakan negeri yang agak besar dan masalah-masalah yang dihadapi di antara lokasi-lokasi tertentu di sana juga adalah berlain. Sebab itu dalam kita hendak merealisasikan koridor ini, kita hendak pastikan bahawa manfaatnya akan di kecapi oleh rakyat disebabkan memang ada pihak-pihak yang mencadangkan sesuatu lokasi tetapi pada pandangan kita, bahawa ia tidak akan dapat manfaat kepada rakyat supaya kita semua dapat menyelesaikan masalah di Sabah. Kita tahu bahawa di Sabah, rakyat miskinnya adalah yang teramai. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita dapat kenal pasti.

Sebab itu dari segi perancangan, kita hendak memastikan bahawa masalah yang telah kita kenal pasti ini dapat kita tangani dengan sebaik mungkin berdasarkan kepada lokasi umpamanya masalah saiz keluarga, masalah ekonomi yang diteruskan oleh sebahagian kecil penduduk Sabah iaitu ekonomi secara tradisional dan ini juga mesti ditangani dan dikenal pasti agar masalah sosioekonomi ini dapat ditangani dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang sedang kerajaan laksanakan.

Namun begitu, dalam waktu yang sama juga sebagai makluman Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang yang bertanyakan soalan ini, Kerajaan Pusat bukan sahaja telah memperuntukkan berdasarkan kepada peruntukan asal yang lalu di mana sebagai makluman Dewan ini, kalau kita lihat bahawa siling peruntukan asal bagi negeri Sabah walaupun termasuk dalam golongan yang agak tinggi iaitu RM15 bilion lebih peruntukan pembangunan dan RM1.2 bilion untuk PFI tetapi sekarang

ini siling baru pula kita adakan bagi negeri Sabah di mana berdasarkan kepada keputusan terakhir pada bulan April yang lalu, untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan pembangunan telah kita tambah menjadi kepada RM18.3 bilion. Peruntukan PFI iaitu RM1.7 bilion. Ini adalah satu siling yang baru untuk memastikan bahawa kemudahan-kemudahan yang telah dikenal pasti kemudian dapat kita tangani dengan lebih baik lagi.

Kemudian perkara yang kedua yang ditanya oleh Yang Berhormat iaitu pendekatan. Yang Berhormat, memang tempoh masa yang saya hendak beritahu ini agak..., kalau saya beritahu misal kata enam bulan nanti pun jadi masalah juga sebab ia masih dalam peringkat perundingan. Namun begitu, ada syarikat-syarikat yang akan menerajui telah kita jemput tetapi beberapa syarikat yang berminat yang datang tetapi kita masih juga melihat bahawa ada kebolehan atau tidak syarikat-syarikat itu yang hendak menerajui bagi pembangunan ini. Inilah masalah-masalah yang dihadapi oleh kita di setiap peringkat perancangan kerana kita hendak perancangan ini pasti yang dapat manfaatnya ialah rakyat.

Bagi Sarawak, mereka telah melantik satu syarikat untuk membuat kajian dan insya-Allah dalam tempoh enam bulan, kajian ini akan selesai dan ia akan dikemukakan balik kepada kerajaan untuk memastikan sama ada pada pandangan kerajaan sesuai ataupun tidak apa yang dicadangkan itu akan berjaya.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah jenis-jenis pembangunan yang dirancang oleh kerajaan bagi koridor-koridor di Sabah dan Sarawak. Adakah kerajaan bercadang untuk menarik pelabur-pelabur dari luar negara untuk tujuan ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jawab tadi bahawa perkara pokok sekali di negeri Sabah dan Sarawak ini ialah kerana keluasan negeri. Pertama sekali ialah kita harus selesaikan ialah masalah infrastruktur kerana hanya ada infrastruktur sahajalah pelabur-pelabur akan..., ini pandangan awalan tetapi barangkali ada pandangan-pandangan lain yang kemudian boleh menyelesaikan masalah kita akan ambil kira, tetapi ini yang utama sekali iaitu kemudahan infrastruktur kerana melalui infrastruktur sahajalah pelabur-pelabur akan datang. Sudah pasti seperti mana pembangunan yang lain bahawa apabila persediaannya sudah mencukupi, kita akan menjemput pelabur-pelabur bagi Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelabur-pelabur di Sabah dan Sarawak ini bukan mereka hendak melabur di Sabah dan Sarawak sahaja bahkan di Wilayah Pembangunan Iskandar pun mereka sangat berminat. Ini menunjukkan bahawa di Sabah dan di Sarawak memang ada pelabur-pelabur yang kukuh sehingga mereka sanggup melabur di luar apatah lagi kalau di negeri Sarawak dan Sabah sendiri.

3. **Dato' Rhina Bhar** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah tindakan kerajaan dalam kes apabila seorang individu meminjam kenderaan individu yang lain lalu terlibat dalam kemalangan dan didapati beliau 100% cuai tetapi insurans kenderaan yang dipinjam tidak *liable* untuk membayar *award* kepada mangsa memandangkan peruntukan undang-undang insurans kenderaan sedia ada tidak melindungi mangsa dalam perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, seksyen 90, Akta Pengangkutan Jalan 1987 mewajibkan semua pengguna kenderaan bermotor di Malaysia mempunyai insurans kenderaan minimum yang melindungi kematian ataupun kecederaan kepada pihak ketiga berpunca daripada penggunaan kenderaan yang terbabit.

Dengan insurans kenderaan yang minimum ini, syarikat insurans akan membayar pampasan bagi kematian atau kecederaan bagi pihak ketiga akibat kemalangan yang berpunca daripada penggunaan sah kenderaan pemilik polisi. Sekiranya pemilik polisi mempunyai polisi insurans komprehensif ataupun *own damage*, selain melindungi kematian ataupun kecederaan kepada pihak ketiga, syarikat insurans juga akan membayar pampasan kerosakan kenderaan pihak ketiga dan kerosakan kenderaan pemilik polisi yang berpunca daripada pemanduan yang cuai.

Tentang insurans motor bagi kes kecelakaan jalan raya boleh dikategorikan seperti berikut:

- (i) tuntutan kematian dan kecederaan pihak ketiga; dan
- (ii) tuntutan kerosakan kenderaan pemilik polisi ataupun *own damage* dan pihak ketiga.

Berdasarkan maklumat tersebut, setiap mangsa kemalangan akan mendapat pampasan sekurang-kurangnya bagi kematian ataupun kecederaan. Walau bagaimanapun, penentuan pampasan akan bergantung kepada merit dan fakta berkenaan dalam sesebuah kes.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jikalau peminjam kenderaan sebagai pemandu, bukan agen atau pembantu pemilik sah kenderaan walaupun mendapat kebenaran untuk meminjam kenderaannya, dan kenderaan itu melanggar dengan lindungan insurans *third party* dengan izin, di bawah senario ini, walaupun mahkamah mendapati pemandu kenderaan itu bertanggungjawab 100% cuai, mahkamah memberi keputusan pemilik sah kenderaan itu tidak bertanggungjawab kerana pemandu kenderaan itu bukan agen atau pembantunya. Sebab itu insurans pemilik sah kenderaan itu tidak payah membayar kerugian am dan khas kepada mangsa kemalangan.

Sebagai peguam, pandangan saya ialah ini tidak adil. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan akan mengkaji untuk meminda undang-undang kontrak insurans untuk mengatasi masalah ini. Kedua, badan manakah yang akan bertanggungjawab atas kerugian mangsa kemalangan pada masa sekarang. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan di dalam ucapan saya tadi bahawa tiap-tiap insurans di bawah seksyen 90, Akta Pengangkutan Jalan 1987, tiap-tiap insurans tidak kira *third party* ataupun komprehensif, pampasan untuk mangsa iaitu

pihak ketiga dapat, tidak kira sama ada dia *third party* ataupun komprehensif, dia dapat. Itu memang termasuk di dalam seksyen 90 akta tersebut. Sudah ada dan tidak perlu buat pindaan. Memang *third party* memang dapat pampasan, kereta dia, kecederaan dan juga kematian.

Timbalan Yang di-Pertua: Kerajaan tidak ada cadangan untuk membuat pindaan pada ketika ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tidak perlu ada cadangan.

Dato' Rhina Bhar: Sekarang mahkamah tidak memberikan keputusan untuk membayar pampasan pasal dia bukan agen atau pembantu pemilik sah kenderaan. Terima kasih.

■ 1030

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya ingat ada *confused* sedikit di sini. Kereta yang kena langgar, dia dapat pampasan. *Third party* ataupun komprehensif dia dapat pampasan, tetapi kereta yang melanggar kalau *third party* dia tidak dapat *damage claim*, tetapi kalau dia komprehensif untuk kenderaan dia, dia dua-dua dapat. Yang kena langgar dan yang melanggar dapat pampasan untuk kerosakan kereta, tetapi untuk personal *injury* dia tidak dapat Tuan Yang di-Pertua. Dia kena ambil pula PA atau *Personal Accident Insurance*. Itu baru dia boleh *claim*. Ini dia *sum commission* dia.

Bermaknanya saya hendak ulang sekali lagi, bahawa kalau dia orang lain bawa kereta pun *third party* dapat. *Third party* maknanya yang kena langgar, dia dapat bayaran untuk pampasan kecederaan, kematian ataupun kereta dia pun dapat pampasan. Daripada kemudahan insurans itu kalau ada *first driver, second driver, third or all rider* terpulung. Dia merit daripada kes Tuan Yang di-Pertua. Jadi, untuk yang melanggar itu dia ada sedikit perbezaan, tetapi yang kena langgar, yang itu memang dapat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Pengerusi. Memang kita tahu bahawa apabila kita ambil insurans untuk kenderaan kita boleh masukkan *second driver* atau *third driver* ataupun *all drivers*, tetapi ini bukanlah disyaratkan. Ini mengikut kehendak ataupun keinginan pemandu. Apa yang saya hendak tanya, adakah kerajaan bercadang untuk mensyaratkan supaya semua kenderaan yang disyorkan itu memang disyaratkan supaya dimasukkan *all drivers* dalam insurans. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini cadangan barulah supaya dimestikan semua pemandu masukkan *all drivers*. Ini satu cadangan tambahan yang boleh dibawa kepada persatuan insurans Tuan Yang di-Pertua. Bermakna Tuan M. Munusamy mahu supaya bukan hanya *driver*, bukan hanya pemandu kedua, ketiga yang disyaratkan, tetapi semua *driver*. Ini mungkin perlukan tambahan premium contohnya, perlu dikaji oleh pihak insurans Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Hanya dua lagi Yang Berhormat yang bangun tadi adalah terdiri daripada peguam-peguam yang saya kira mahir dalam kes-kes kemalangan jalan raya. Saya cadangkan supaya kalau ada perkara-perkara yang lebih *detail*

berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan tadi kedua-dua Yang Berhormat tadi boleh berbincang dengan Yang Berhormat Parlimen di luar Dewan nanti. Terima kasih. Puan Heng Seai Kie.

4. Puan Heng Seai Kie minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan hukuman ke atas pelumba haram memandangkan aktiviti perlumbaan haram bukan sahaja mengganggu ketenteraman masyarakat malahan menggugat keselamatan orang awam.

10.34 pagi

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Senator Heng Seai Kei. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy pada 19 Julai 2007 bersama-sama dengan soalan ini kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji dan meneliti cadangan untuk melaksanakan hukuman berat ke atas pelumba haram memandangkan aktiviti tersebut mengganggu ketenteraman dan menggugat keselamatan masyarakat. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Pengangkutan masih di peringkat perbincangan awal mengenai cadangan tersebut dengan mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada jabatan dan agensi yang berkaitan.

Kajian yang teliti perlu dilakukan daripada aspek perundangan dan penguatkuasaan selain daripada tindakan-tindakan terbaik yang seharusnya diambil dalam menangani aktiviti-aktiviti lumba haram.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada statistik PDRM seramai 788 orang yang ditangkap di bawah seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dalam Operasi Lumba Haram yang diadakan iaitu 616 orang bagi tahun 2006 dan 172 orang bagi tahun 2007 iaitu Januari sehingga April. Tuan Yang di-Pertua, PDRM telah mengambil tindakan melalui perancangan yang teliti dan terancang dalam usaha membanteras kegiatan lumba haram. Tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) menangkap dan mendakwa penunggang motosikal yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987;
- (ii) mengambil tindakan saman ke atas pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan lalu lintas terutama penunggang motosikal;
- (iii) mengambil tindakan merampas dan menyita motosikal yang terlibat dalam kegiatan lumba haram;
- (iv) menahan penunggang-penunggang dan pembonceng yang disyaki mengambil dadah untuk ujian air kencing;

- (v) mendidik penunggang motosikal mematuhi undang-undang dan menjadikan mereka pengguna jalan raya yang lebih berhemah; dan
- (vi) mengambil tindakan ke atas penonton-penonton yang memberikan galakkan kepada pelumba haram.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Heng Seai Kie, selepas itu Puan Mumtaz.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan pelumba haram yang disabit kesalahan terutamanya mereka yang di bawah umur dan tidak berlesen memandu. Soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas ibu bapa yang bertanggungjawab sebagai penjaga dan juga pemilik kenderaan yang berkenaan iaitu orang yang telah membenarkan kenderaannya digunakan oleh seseorang yang tidak mempunyai lesen memandu? Sekian.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita dalam peruntukan sudah sedia ada. Kepada mereka-mereka yang meminjamkan motosikal mereka kepada mereka-mereka yang tidak ada lesen untuk menunggang. Dia ada undang-undang di mana kita boleh menggantung lesen pemilik motosikal itu. Seperti mana yang kita maklum bahawa memang banyak undang-undang yang kita ada, tetapi kadang-kadang kita tidak melaksanakan. Kadang-kadang apabila kita hendak melaksanakan sesuatu undang-undang itu akan mendapat tentangan daripada masyarakat dan sebagainya. Umpamanya, suatu ketika dulu berkenaan dengan undang-undang anak-anak hilang.

Kita tidak pernah melaksanakan peruntukan ini, tetapi apabila kita hendak laksanakan, apabila banyak kita dengar sungutan ada berbagai-bagai, orang kata apa pandangan daripada masyarakat. Walaupun, benda itu telah ada dalam peruntukan kita. So, saya berharap kepada masyarakat umumnya kepada *politician* dan sebagainya. Kalau sekiranya ada undang-undang peruntukan yang perlu kita laksanakan, kita biarlah undang-undang itu dilaksanakan. Janganlah orang kata apa, membuat andaian-andaian selepas sesuatu perkara itu yang akan kita laksanakan. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak polis ada mengambil tindakan kepada penganjur-penganjur lumba haram ini memandangkan kebanyakan perlumbaan haram ini dianjurkan ataupun ditaja oleh orang yang tertentu? Yang pertamanya dan yang kedua adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan dan meminda sebarang akta atau peraturan untuk mengarahkan mahkamah memberikan hukuman di samping denda dan penjara, juga membuat kerja sosial kepada pelumba-pelumba haram ini untuk memastikan mereka tidak akan mengulanginya di pada masa hadapan? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat hari ini saya belum pastilah berkenaan dengan penganjur-penganjur ini. Memang kita tahu ada penganjur-penganjur yang menganjur lumba-lumba haram ini, tetapi adalah sukar untuk kita mengesan mereka.

Walau bagaimanapun, sekiranya mereka kita dapati dikesan, mereka ini akan kita ambil tindakan undang-undang.

Berkenaan dengan pindaan kepada undang-undang ini, memang sekarang ini kita sedang buat pindaan kepada seksyen 42(1) iaitu berkenaan dengan undang-undang ini, di mana setakat ini kita tidak ada hukuman penjara mandatori. Sebab itu kita akan buat pindaan kepada seksyen ini untuk membolehkan hukuman sebat dilaksanakan.

■1040

Jadi selain daripada itu banyak lagi undang-undang yang melibatkan kesalahan lalu lintas ini sedang dikaji oleh pihak AG sendiri dan kita harap satu undang-undang yang tegas yang akan dapat membanteras lumba haram ini, akan dapat dilaksanakan secepat mungkin. Terima kasih.

5. **Dato' Ismail Kassim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah usaha dalam memajukan program berkaitan sektor bioteknologi serta sejauh manakah perolehan teknologi dan inovasi telah dicapai oleh negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih untuk Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bioteknologi adalah merupakan satu bidang multi disiplin dan multisektoral serta satu bidang yang mempunyai risiko yang agak tinggi dan memerlukan pelaburan yang tinggi. Selain daripada itu, bioteknologi juga adalah satu bidang yang memerlukan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan untuk melaksanakannya. Walaupun demikian, dengan kekuatan dan keupayaan negara yang merupakan salah sebuah daripada 12 buah negara yang kaya dengan biodiversiti, negara mempunyai kekuatan tersendiri untuk menceburi bidang bioteknologi.

Sehubungan dengan itu, bidang-bidang bioteknologi yang telah dikenal pasti oleh kerajaan ialah bioteknologi pertanian, kesihatan, industri makanan, ternakan, buah-buahan dan farmasi. Bagi menjayakan program bioteknologi ini, usaha yang telah dan akan terus dilaksanakan adalah seperti:

- (i) pelancaran Dasar Bioteknologi Negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 April 2005 yang mengandungi sembilan teras utama untuk menjayakan bioteknologi negara. Keberkesanan pelaksanaan polisi ini akan dipantau oleh Panel Penasihat Antarabangsa Bioteknologi dan Majlis Pelaksanaan Bioteknologi yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (ii) kita mempertingkatkan program bioteknologi sedia ada dengan memberi fokus kepada bidang penyelidikan yang menjadi tumpuan (*key-research*) dan teknologi pelantar ataupun dengan izin, *platform technologies* melalui penyediaan geran-geran penyelidikan, menyediakan dana modal teroka khusus untuk bioteknologi iaitu Malaysian Life Science Capital Fund (MLSCF) yang dikendalikan oleh MTDC;

- (iii) memberikan sokongan berterusan dalam membina keupayaan sumber manusia, kemudahan peralatan dan pengurusan bioteknologi melalui pemilihan tiga institut bioteknologi kebangsaan dan kerjasama pintar dengan institusi-institusi pendidikan ternama di luar negara seperti Stanford University, Massachusetts Institute of Technology atau MIT, dan John Craig Venter Institute dan lain-lain lagi;
- (iv) kita membangunkan program baru yang lebih inovatif bagi memastikan penemuan penyelidikan dapat diterjemahkan kepada aplikasi komersial dan membantu program ekonomi negara melalui penubuhan Perbadanan Bioteknologi Malaysia, *BiotechCorps* sebagai *One-Stop Centre*, pusat setempat dalam membangunkan dan menggalakkan pertumbuhan industri bioteknologi di Malaysia oleh pelabur dalam dan luar negara; dan
- (v) mewujudkan infrastruktur bagi tujuan penyelidikan, komersialisasi melalui perhubungan *cluster* dan jaringan bioteknologi melalui konsep *bioNexus*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sejauh manakah perolehan teknologi dan inovasi telah dicapai oleh negara kita, ingin dimaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak 47 projek bioteknologi telah dibiayai oleh Bahagian Bioteknologi Kebangsaan, MOSTI berjumlah RM102.9 juta dan dalam tempoh berkenaan sebanyak sembilan paten dalaman dan luar negara telah berjaya diperolehi dan 58 paten lagi masih dalam proses mendapatkan kelulusan.

Sepanjang lima tahun program ini, seramai 505 modal insan dapat dijanakan yang berkelulusan ijazah sarjana, master dan ijazah kedoktoran Ph.D termasuklah sembilan orang pasca doktoral, *post doctorate*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Ismail Kassim.

Dato' Ismail Kassim: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apakah perkembangan yang telah dicapai hasil daripada penubuhan *Technology Park* iaitu termasuk yang baru ataupun sedia ada, dari segi kemajuan penyelidikan, *research and development* atau R&D.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. *Technology Park Malaysia* ini satu daripada institusi R&D yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia. Jadi pada asanya *Technology Park Malaysia* adalah merupakan satu pusat *centre of excellent* ataupun pusat kecemerlangan dan juga latihan untuk membangunkan modal insan di dalam beberapa bidang seperti kejuruteraan, ICT dan juga beberapa fokus tertentu di dalam bidang bioteknologi. Setakat ini boleh dikatakan pencapaian yang terdapat dalam latihan dan juga program-program yang dilaksanakan di *Technology Park Malaysia* adalah sangat memuaskan dan ramai juga daripada rakyat tempatan telah pun mendapat latihan di sini yang mana mereka sama ada menceburkan diri dengan pihak-pihak swasta ataupun mereka juga mengikuti program *entrepreneurship* yang mana sebahagian besarnya mereka menjadi usahawan. Terima kasih.

6. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, berapa banyak kah PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) yang telah melaksanakan *One-Stop Centre*.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir secara serentak bersama soalan nombor 27 dari Ahli Yang Berhormat Tuan M. Munusamy bertarikh 24 Julai memandangkan soalan-soalan ini menyentuh perkara-perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. S. Subramaniam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua 95 pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia termasuk tiga di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya telah menubuhkan *one stop centre* atau pusat setempat. Fungsi *one stop centre* adalah seperti berikut iaitu:

- (i) untuk menyelaraskan dan memproses permohonan kebenaran merancang pelan pembangunan dan permohonan pembangunan tanah di bawah peruntukan seksyen 124A dan 204A Kanun Tanah Negara;
- (ii) untuk memaklumkan keputusan kelulusan bagi permohonan kebenaran merancang dan pelan pembangunan kepada pemohon;
- (iii) untuk membuat perakuan permohonan tanah kepada pejabat tanah; dan
- (iv) menyediakan laporan status permohonan.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Musa dan selepas itu, soalan Tuan M. Munusamy pun ada kaitan, jadi saya beri peluang kepada Tuan M. Munusamy, selepas Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak membincang dengan pihak kerajaan tempatan dan kerajaan negeri terlebih dahulu sebelum melancarkan *one-stop centre* ini? Adakah benar pihak kerajaan tempatan dan kerajaan negeri tidak setuju dengan penubuhan *one stop centre* ini? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kementerian membuat keputusan untuk mewujudkan *one stop centre*, perkara ini telah di bincang beberapa kali dengan beberapa pihak di kerajaan negeri termasuk pihak-pihak berkuasa tempatan kerajaan negeri. Selepas itu, perkara ini telah dibawa dan dibentangkan di MNKT iaitu Majlis Negara Kerajaan Tempatan, yang diwakili oleh semua negeri, di mana menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri serta pegawai-pegawai mereka menghadiri majlis itu dan selepas menerima keputusan daripada majlis ini, perkara ini dibawa pula ke Kabinet. Selepas menerima kelulusan daripada Kabinet maka dilaksanakan di pihak berkuasa tempatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, soal ada kerajaan negeri yang tidak setuju itu tidak timbul? Baik, Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya difahamkan bahawa OSC ini telah mengambil alih tugas jawatankuasa perancang dan pelan di setiap PBT. Adakah kementerian memberi garis panduan mengenai jangka masa bagi meluluskan pelan, bagi projek-projek kecil ataupun pelan-pelan perumahan khususnya renovasi ataupun pelan membina bangunan baru.

▪ 1050

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, *one-stop centre* dan cadangan untuk pembangunan ini permohonannya dibuat serentak untuk permohonan pembangunan tanah, permohonan perancangan dan permohonan bangunan dibuat sekali gus ialah satu perkara yang boleh dikatakan sebagai satu *miles stone* di dalam perkhidmatan *delivery system* di dalam negara kita. Mengapa kerajaan telah mengambil tindakan ini ialah selepas dikaji dan mengenal pasti bahawa kadang-kadang ada permohonan yang mengambil masa beberapa tahun mendapat kelulusan, kerana mulanya perkara ini dibuat berturut-turut iaitu proses permohonan tanah dan permohonan tanah, lepas mendapat kelulusan, proses perancangan, lepas mendapat kelulusan projek kelulusan pembangunan dan sebagainya. Ini sudah menjadi satu penghalang kepada kemajuan di negara kita di kalangan pelabur-pelabur di negara asing dan pelabur-pelabur dalaman. Maka kerajaan telah menghadapi satu situasi, kerajaan mesti membawa satu tindakan supaya proses-proses ini boleh dipercepatkan.

Inilah tujuan mengapa *one-stop centre* telah dibuat di semua pihak-pihak berkuasa tempatan dengan garis panduan yang teliti iaitu semua pihak yang terlibat diberi taklimat, kursus, seminar dan garis panduan. Buku panduan telah dikeluarkan yang mempunyai segala borang yang diperlukan, borang semakan, apa yang diperlukan, apa yang patut dibuat dan sebagainya. Tambahan pula Kerajaan Persekutuan telah mengambil pegawai-pegawai lebih kurang 500 orang lebih pegawai yang akan ditempatkan di pihak-pihak berkuasa tempatan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang-bidang teknikal supaya boleh membantu di dalam proses ini supaya sekurang-kurangnya di dalam projek-projek pelabur asing atau projek-projek yang mempunyai impak yang besar, projek-projek daripada kerajaan dan projek-projek bina kemudian dijual, projek perumahan.

Masa permohonan daripada permohonan sampai kelulusan ini boleh dipendekkan dalam empat bulan. Inilah tujuan dan hasrat kerajaan, melalui *one-stop centre* ini kita berharap perkara ini boleh dicapai. Terima kasih.

7. Dato' Omar bin Faudzar minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, berapakah jumlah kumpulan gengster yang wujud di negara ini sejak tahun 2005 dan 2006 dan apakah jenayah gengster yang paling ketara.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharom]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kumpulan gengster yang wujud dikenal pasti di negara ini semenjak tahun 2005 sehingga kini adalah tiga kumpulan. Yang pertama ialah Ang Bin Hoey - 122 kumpulan dan mempunyai keahlian 11,764 ahli. Yang kedua, Kumpulan Wah Kee - 40 kumpulan dengan keahlian 1,991 ahli. Yang ketiga, Kumpulan Thung Geng - 123 kumpulan dan keahlian 3,497 ahli.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan-kumpulan gengster ini pada kebiasaannya didapati melakukan jenayah yang berbentuk peras ugut, pergaduhan individu dan berkumpulan serta jenayah kekasaran dan lain-lain.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya cuma hendak memberitahu Yang Berhormat bahawa kegiatan kumpulan-kumpulan gengster ini amatlah menakutkan. Saya rasa bukan tiga sahaja kumpulan yang wujud, dia masih ada lagi G30, G2, G3 dan sebagainya. Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat lebih tahu lagi daripada kerajaan... *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat.

Dato' Omar bin Faudzar: Jadi Yang Berhormat ya, kegiatan yang menakutkan ini membuatkan orang ramai takut untuk keluar memberi laporan kepada pihak berkuasa. Seinggakan saksi-saksi sendiri pun takut atas perkara-perkara yang berlaku di depan matanya sendiri, sepertimana yang berlaku di suatu kawasan di Astaka Bukit Gedong di Pulau Pinang. Berlaku tetak-menetak di satu tempat makan, seorang saksi pun tidak berani hadir untuk memberi penerangan dan sebagainya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat adakah kumpulan-kumpulan ini diberi perlindungan oleh orang-orang kenamaan ataupun ahli-ahli perniagaan, seperti di kelab-kelab malam, kalau kita tengok ramai.

Itu satu Yang Berhormat, dan yang kedua ialah Yang Berhormat budaya *gengsterisme* ini sejauh manakah dia telah masuk ke sekolah-sekolah dan kumpulan-kumpulan gengster ini, saya hendak minta kepada Yang Berhormat kalau boleh diberikan mengikut kaum, yang dah wujud lama dan yang dah pun ditangkap kepala-kepalanya, tetapi adakah kumpulan ini masih lagi wujud?

Dato' Mohd. Johari bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat, iaitu berkenaan dengan kejadian-kejadian yang biasanya berlaku, tetapi tidak ramai yang sanggup memberi kerja sama kepada pihak polis untuk membuat siasatan dan sebagainya. Inilah yang menjadi masalah kepada pihak polis untuk membanteras jenayah ini kerana apabila berlaku sesuatu kejadian, sama ada mereka yang terlibat atau mereka yang melihat pun tidak berani untuk membuat laporan.

Jadi kalau sedemikian rupa, memanglah sukar bagi pihak polis untuk mengadakan tindakan kepada mereka ini. Namun demikian sekiranya kita tahu seseorang itu terlibat dengan jenayah yang melibatkan gengster dan sebagainya, kalau sekiranya kita tidak mempunyai bukti yang lengkap, bukti yang nyata tentang penglibatan mereka, mereka ini dicadangkan di bawah akta darurat di mana

mereka ini akan dihantar untuk pemulihan di Simpang Renggam dan ada di antara mereka ini yang dibuang daerah dan sebagainya. Ini adalah di antara tindakan-tindakan yang boleh kita laksanakan. Kalau sekiranya kita mempunyai laporan atau bukti-bukti yang lengkap, barulah kita boleh mendakwa mereka ini.

Berkenaan dengan kumpulan ini memanglah ini di antara yang besar. Saya tidak menyebut yang kecil-kecil, daripada anak syarikatnya lagi dan sebagainya, itu adalah *this is the big one*. Ini yang paling besar, jadi dia ada cabang-cabang lagi, dia macam syarikat *public listed* dia ada anak syarikat, tapi

Seorang Ahli: Ada rangkaian Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Johari bin Baharom: Dia ada rangkaian-rangkaiannya.

Berkenaan dengan gengster di sekolah ini memanglah pihak sekolah sentiasa kita lihat bahawa mereka ini tidak terlibat dengan kumpulan-kumpulan di luar ini. Ini hanya budak-budak nakal di peringkat sekolah sahaja. Setakat ini tidak ada bukti yang mereka ini terlibat dengan gengster di luar. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Pecahan mengikut suku kaum mana Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Johari bin Baharom: Berkenaan dengan suku kaum itu saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Saya tidak dapat menyebutnya di sini. Kalau hendak mengikut sejarah sampai Ghee Hin dengan Hai San terlalu banyak kalau kita hendak ambil. Jadi saya rasa yang penting sahajalah.

Datuk Yaakob bin Haji Muhammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau dilihat dari segi kes jenayah, memang digeruni pada peringkat ini. Tanggungjawab polis dengan angka 90,000 orang memang tidak mampu untuk menangani masalah terkini. Persoalan saya, apakah pihak kementerian mungkin boleh berbincang ataupun mencari jalan untuk memenuhi kekosongan polis yang begitu banyak, mungkin sekitar 10,000 sekarang ini dan kalau boleh untuk rekrut polis memakan masa, dengan situasi jenayah yang semakin meningkat dan kita simpati dengan tanggungjawab pihak polis iaitu PDRM. Apakah boleh sekiranya mencari jalan singkat untuk mengambil anggota polis daripada pihak tentera, mungkin 10 batalion diserapkan kepada PDRM untuk menangani masalah yang semakin meningkat. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memanglah kita ada beberapa pendekatan kita, yang pertama sekali ialah penubuhan rakan-rakan kop di mana kita melibatkan masyarakat umum berkenaan untuk membanteras jenayah ini.

■1100

Selain daripada itu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga kita Rukun Tetangga dan sebagainya. Itu di antara kerja-kerja dan usaha-usaha yang kita jalankan.

Mengenai sama ada kita hendak rekrut polis dan askar ini, saya belum ada cadangan di peringkat tahap itu lagilah, tetapi saya rasa keadaan di Malaysia sekarang ini masih terkawal. Hanya di beberapa tempat tertentu sahaja, di bandar-bandar besar melibatkan jenayah-jenayah seperti ini,

di Johor Bahru dan sebagainya. Sebab itu saya selalu turun ke bawah dan selalu bergaduh dengan pihak polis berkenaan dengan perkara-perkara seperti ini. Dalam soal ini saya selalu berkata dan menasihatkan mereka supaya langkah-langkah diambil dengan cepat, umpamanya macam Ketua Polis Negeri mestilah diisi secepat mungkin. Janganlah sampai lima, enam bulan kosong dan sebagainya. Itu di antara perkara-perkara yang perlu saya - Ahli-ahli Yang Berhormat tahulah kan. Kadang-kadang terpaksa cakap walaupun pahit dan sayalah kena jadi sasaran.

Walau bagaimanapun, perkara ini ia cukup rumit. Di Johor Bahru pun keadaan masih tidak berapa selesa. Namun demikian, saya berharaplah kepada Yang Berhormat dan juga kepada semua rakyat di Malaysia ini supaya membantu pihak polis. Kadang-kadang memang tidak cukup. Saya rasa kalau kita hendak ambil 10 batalion itu pun tidak cukup. Walau bagaimanapun, kita ada usaha lain sekarang ini dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kita akan memasang CCTV di semua pekan besar untuk mengenal pasti, terutama sekali tempat-tempat yang terlibat dengan jenayah dan sebagainya.

Berkenaan dengan jenayah ragut pun, kita rasa jenayah ragut ini berlaku di pekan. Sebenarnya ia berlaku di rumah. Kadang-kadang di kawasan perumahan. Baru-baru ini saya pergi Mesyuarat Wanita Bahagian Batu, salah seorang daripada ahli jawatankuasa wanitanya diragut dalam kawasan rumah dia sendiri. Dia masuk sampai dalam rumah. Mereka ini *desperate* sampai ke tahap itu. Jadi takkanlah kita hendak letak polis di tiap-tiap rumah, susah! Sebab itu perkara-perkara seperti ini ia kena melibatkan semua pihak.

Janganlah kita salahkan kepada pihak keselamatan polis sahaja, memang tidak cukup. Polis sekarang ini kita tambah dua ribu kereta peronda. Dua ribu kereta pun tidak cukup juga. Jadi sebenarnya membanteras jenayah ini ia melibatkan seluruh rakyat Malaysia. Jadi kita berharaplah sokongan daripada semua pihak untuk sama-sama membantu. Jangan kita hanya kritik dan hentam polis sahaja. Itu saya rasa kaedahnya tidak berapa sesuaialah. Saya tengok terutama sekali pihak pembangkanglah. Bila ada sesuatu perkara itu berlaku, dia macam pihak polis. Polis pun sedaya upaya mereka, mereka akan cuba menyelesaikan masalah ini secepat mungkin. Terima kasih.

8. Tuan Chua Kim Chuan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada golongan peniaga dan orang ramai berhubung jenis-jenis permohonan yang melibatkan bidang kuasa SSM.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menjalankan beberapa usaha mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatannya kepada golongan peniaga dan orang ramai seperti menambahbaikkan Piagam Pelanggan yang berkuasa pada 6 Mac 2007 berhubung jenis-jenis permohonan yang melibatkan bidang kuasa SSM.

Inisiatif teknologi-teknologi maklumat ICT SSM yang melibatkan perkhidmatan e-info yang telah diperkenalkan pada 12 Mei 2006. Perkhidmatan ini membolehkan orang awam berurusan dengan SSM secara dalam talian *online* tanpa perlu hadir ke kaunter SSM untuk membuat carian bagi mendapatkan maklumat-maklumat syarikat. Melalui perkhidmatan ini, pelanggan hanya perlu mendapatkan kad prabayar, *prepaid card*, dengan izin, dari SSM ataupun membuat bayaran melalui kad kredit untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

Di samping itu, SSM juga sedang membangunkan sistem *e-lodgment* yang akan membolehkan para pelanggannya memfailkan dan menyerah simpan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan syarikat dan perniagaan dengan SSM melalui *internet*. Bagi memudahkan orang ramai berurusan, SSM mempunyai 14 pejabat di setiap negeri di Malaysia dan dua pejabat cawangan di Miri, Sarawak dan Tawau di Sabah yang mula beroperasi sejak bulan Mac dan April 2006.

SSM juga telah membuka sebuah pusat perkhidmatan di Langkawi, Kedah pada awal 2007. SSM juga telah mengadakan kaunter pendaftaran perniagaan bergerak, *mobile business registration counter* (MBRC), dengan izin, di 170 lokasi di setiap daerah di seluruh negara untuk membantu para peniaga dan orang ramai membuat urusan berkaitan dengan perniagaan mereka dengan SSM. Dari semasa ke semasa, SSM mengatur dan menganjurkan sesi perjumpaan dan program penerangan berbentuk kesedaran dan pendidikan kepada pelanggan dan pihak yang berkepentingan, *stakeholders* yang sering berurusan dengan SSM bagi menerangkan tentang perubahan sistem perkhidmatan di samping mendapatkan sebarang maklum balas dan cadangan daripada mereka.

Untuk meningkatkan lagi prestasi dan mutu perkhidmatan penyampaiannya, SSM juga menyediakan talian *hotline* dan e-aduan bagi pelanggan yang ingin membuat sebarang aduan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh SSM. Senarai perkhidmatan aktiviti dan maklumat terkini tentang SSM boleh dilayari di laman web yang beralamat di www.ssm.com.my
Terima kasih.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sekiranya terdapat sesebuah syarikat menyalahgunakan status syarikat berdaftar untuk menjalankan kegiatan haram, bolehkah SSM mengambil tindakan seperti membatalkan pendaftarannya ataupun mengambil tindakan lain terhadap syarikat tersebut. Satu lagi, mengikut jawapan Yang Berhormat tadi menyatakan SSM ada menambahbaikkan Piagam Perkhidmatan Pelanggan, boleh tidak Yang Berhormat bagi sedikit keterangan, apakah perubahan terhadap Piagam Perkhidmatan Pelanggan? Sekian, terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chua Kim Chuan. Berkaitan dengan syarikat di mana mereka melanggar undang-undang syarikat, memang kita membawa mereka ke mahkamah dan mengambil tindakan. Jika perlu, kita juga boleh membatalkan surat kuasa yang telah disampaikan kepada mereka kerana melanggar undang-undang dan memang kita mengambil tindakan sedemikian.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat semua, SSM telah mengambil tindakan dan *compliance rate*, dengan izin, dahulu hanya hampir 40%, sekarang *compliance rate* adalah hampir 90%. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat mengambil tahu tentang peraturan dan mengikut peraturan-peraturan. Yang tidak mengikut peraturan memang kita ambil tindakan.

Untuk soalan yang kedua, iaitu berkaitan dengan Piagam Perkhidmatan Pelanggan SSM yang baru kita kenalkan mulai 6 Mac.

Jenis Perkhidmatan	Tempoh Proses (Dahulu/Hari)	Tempoh Proses (Sekarang/Hari)
Kelulusan nama syarikat	5	1
Perbadanan syarikat baru	5	1
Pertukaran taraf syarikat	1	1
Pertukaran nama syarikat	5	1
Pendaftaran gadaian	5	2
Pendaftaran prospektus	5	3
Bekalan maklumat syarikat melalui cetakan komputer (<i>e-info</i>)	1 jam	30 minit
Dokumen syarikat yang disahkan	3 jam	1 jam
Dokumen syarikat tanpa pengesahan	1 jam	30 minit

Bagi pendaftaran perniagaan pula, kelulusan nama perniagaan, dahulu tiga hari, sekarang satu jam kita boleh meluluskan sesuatu perniagaan. Jadi kemudahan-kemudahan ini disediakan demi kepentingan orang ramai. Terima kasih.

9. Tuan Maijol bin Mahap minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memenuhi hasrat kerajaan supaya keluarga di kampung berjaya melahirkan seorang graduan bagi setiap rumah.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Dato' Ismail Kassim yang dijadualkan pada 24 Julai 2007 kerana menyentuh perkara yang berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua: Disetujukan, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha mencapai matlamat melahirkan seorang graduan bagi setiap rumah dan seorang profesional bagi setiap keluarga, kementerian telah melaksanakan beberapa program yang terdiri daripada Program Pendidikan Awal Kanak-kanak iaitu Taska bagi kanak-kanak berumur empat tahun ke bawah dan Tabika bagi kanak-kanak berumur lima tahun dan enam tahun. Program ini diberi keutamaan kerana

pendidikan awal kanak-kanak mampu melahirkan kanak-kanak yang cerdas dan pintar bagi membolehkan mereka lebih berjaya dan cemerlang dalam persekolahan.

Pendidikan awal kanak-kanak boleh menggalakkan perkembangan emosi, fizikal, intelek dan rohani, di samping memupuk dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Kerajaan juga melancarkan kempen kesedaran di kalangan ibu bapa bagi menjayakan pelajaran kanak-kanak semenjak 27 Mei 2006 yang bertujuan menggalakkan ibu bapa dan juga penjaga mendampingi anak-anak mereka yang mengulang kaji pelajaran di rumah selama dua jam untuk anak-anak sekolah rendah dan tiga jam bagi anak-anak sekolah menengah.

■1110

Dorongan dan semangat ibu bapa adalah penting bagi membentuk tabiat dan amalan suka belajar di kalangan anak-anak mereka untuk mengulang kaji pelajaran bagi setiap hari. Sebagai usaha berterusan dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar luar bandar, kerajaan juga menganjurkan program motivasi dan kelas bimbingan dan juga tuisyen di pusat sumber Kemas di setiap negeri. Sasaran utama program ini ialah kepada golongan pelajar luar bandar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM. Langkah-langkah ini akan dapat membantu pelajar yang menduduki peperiksaan supaya berjaya dengan lebih cemerlang untuk terus melanjutkan pelajaran ke peringkat IPT.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, langkah-langkah yang dijalankan oleh kementerian adalah sebagai tambahan kepada program-program Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, institusi-institusi lain termasuk pihak swasta. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap dan selepas itu Dato' Gooi Hoe Hin.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah, adakah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan kolej seperti Kolej RISDA di kawasan luar bandar ataupun bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menubuhkan kolej komuniti, supaya belia-belia luar bandar dapat melanjutkan pelajaran dan berpeluang menerima pendidikan tinggi sekiranya mereka tidak diterima masuk ke IPTA.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat Maijol, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kementerian setakat ini sudah mempunyai beberapa institusi pengajian tinggi ataupun institusi untuk pengajian lanjutan iaitu Kolej RISDA yang baru sahaja ditukar nama kepada Pusat Latihan RISDA di Pahang. Dan kita juga mempunyai beberapa kolej yang dikendalikan oleh pihak FELCRA. Ini sudah berjalan beberapa tahun dan kita telah melahirkan banyak graduan dan anak-anak kita daripada kawasan luar bandar yang telah mahir dalam bidang-bidang tertentu khasnya bidang-bidang ICT, dan juga bidang-bidang yang ada berkaitan dengan pertanian dan juga perladangan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Gooi Hoe Hin. Sebelum pada itu oleh sebab soalan asal tadi juga dijawab bersama soalan Dato' Ismail Kassim pada 24 Julai, saya juga hendak beri peluang pada Dato' Ismail Kassim untuk tanya soalan tambahan selepas ini.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana Yang Berhormat Yang Berhormat sedia maklum kaum Orang Asli merupakan kaum di mana dalam belunggu kemiskinan dan 82% adalah kemiskinan tegar. Sama ada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang begitu luas tanggungjawabnya kerana memberi fokus kepada suku kaum minoriti, bercadang supaya tanggungjawab Jabatan Orang Asli ini kini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya lebih fokus kepada suku kaum minoriti ini, agar masalah-masalah kini yang dialami oleh kaum Orang Asli dapat diatasi dengan lebih fokus. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi. Ini terkeluar sedikit dari soalan asal, namun demikian saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa Jabatan Orang Asli pada mulanya dulu memang di bawah Jabatan Perdana Menteri. Selepas itu dipindahkan ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sehinggalah kepada tahun 2003. Pada tahun 2003, barulah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini dipindahkan ataupun diselia oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Jadi persoalannya sama ada JHEOA dan juga kementerian dapat atau tidak memberi tumpuan yang khusus kepada masyarakat Orang Asli ini, saya rasa perkara ini tidak timbul. Oleh sebab kementerian, JHEOA, bekerjasama dengan jabatan-jabatan lain dan kita mempunyai satu Majlis Pembangunan Masyarakat Orang Asli, di mana pihak-pihak tertentu dan juga pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas pembangunan masyarakat Orang Asli ini termasuk NGO, badan bukan kerajaan duduk di situ bersama dan kita bermesyuarat setiap tahun untuk membincangkan tentang perancangan, pembangunan dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Dewan juga, kementerian sukacita memaklumkan bahawa mulai dua, tiga tahun ini pihak ataupun masyarakat Orang Asli ini sudah menunjukkan banyak kemajuan khususnya bidang ekonomi dan juga pelajaran dan pembelajaran. Namun demikian, kita tidak putus asa dan kita akan terus berjuang untuk membela nasib masyarakat ini yang memang kita tahu masih lagi ketinggalan. Sekian.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, fokus ataupun pelaksanaan yang dibuat oleh kementerian setakat ini adalah lebih menjurus kepada anak-anak dan juga kepada pelajar-pelajar.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian untuk memastikan pelaksanaan satu graduan satu keluarga ataupun satu keluarga sekurang-kurangnya seorang profesional ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, kalau sekiranya kita lebih menumpukan kepada *parenting* ataupun kepada ibu bapa terutamanya ibu, sebab bapa ini kalau dalam kursus-kursus dia kurang sikit hadir kerana dia sibuk. Masyarakat luar bandar ini biasanya kalau kita lihat bapa ini sibuk bekerja ataupun dia sibuk melepak, tetapi fokus ini bagi kepada ibu kerana ibu ini dilihat lebih

bertanggungjawab dan lebih mempunyai *sense of responsibility* terhadap keluarga, dan merekalah lebih menginginkan supaya kejayaan anak-anak ini dapat dicapai. Jadi saya minta dalam *parenting skills* ini Kemas khususnya sebuah agensi yang telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan perkara ini dapat memfokuskan dan memberi peruntukan kepada perkara ini.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ismail Kassim, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang dalam usaha kita cuba melahirkan satu graduan satu keluarga ataupun satu profesional dalam satu rumah ini, kementerian tidak lupa peranan ibu bapa. Oleh sebab itu dalam jawapan tadi saya telah menyebut tentang kempen yang telah dilaksanakan pada bulan Mei tahun lepas, di mana kempen itu ditujukan khas atau khusus kepada ibu bapa khasnya kaum ibu. Oleh sebab di mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang kebanyakannya kaum ibulah yang bertanggungjawab ke atas menjaga anak-anak mereka termasuklah dalam segi pelajaran dan pembelajaran. Dan oleh sebab itu, kementerian sejak melaksanakan program kempen dua jam, tiga jam ini, kita setakat ini telah berjaya melibatkan tidak kurang daripada 65,074 peserta di kalangan ibu bapa, kebanyakannya kaum ibu yang telah menghadiri kempen ini. Sekian.

10. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tindakan susulan terhadap seminar *Dasar Sukan Negara*. Apakah cadangan yang praktikal demi membangunkan kecemerlangan sukan di Malaysia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seminar *Dasar Sukan Negara* yang telah dilaksanakan pada 12 Jun 2007 di Sri Kembangan dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan apabila 250 orang yang mewakili pelbagai agensi telah mengambil bahagian daripada hanya 200 yang disasarkan. Tindakan susulan daripada itu, satu laporan hasil seminar tersebut akan dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS).

■ 1120

Pihak kementerian turut bercadang untuk mengadakan beberapa lagi siri bengkel yang bertujuan untuk memperincikan lagi sama ada data, input, maklum balas, cadangan, idea serta komen sama ada untuk meminda atau menambah baik lagi Dasar Sukan Negara.

Antara cadangan praktikal yang dibincangkan semasa seminar tersebut ialah:

- (i) usaha memberi fokus kepada masyarakat di peringkat akar umbi agar menjadikan aktiviti bersukan sebagai satu budaya;
- (ii) memberi fokus kepada golongan wanita agar melibatkan diri secara aktif dalam bidang sukan memandangkan atlet wanita adalah antara penyumbang utama dalam pungutan pingat dalam temasya sukan contohnya Sukan Asia 2006 di Doha;

- (iii) memupuk kesedaran tentang peranan ibu bapa sebagai pendorong awal serta menggalak anak-anak mereka agar melibatkan diri dalam bidang sukan;
- (iv) usaha memantapkan lagi pengurusan organisasi sukan dan persatuan sukan; dan
- (v) penyelarasan sistematik antara pihak sekolah dan majlis sukan negeri serta penilaian terhadap prestasi atlet secara berterusan di peringkat awal lagi.

Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bola sepak bukan sekadar sukan, ia adalah sukan nombor satu dunia yang menjadi instrumen nasionalisme dan indeks untuk menilai maruah negara bangsa terutamanya ketika kita menyambut 50 tahun kemerdekaan. Oleh itu, saya ingin tahu apakah tindakan kementerian terhadap FAM yang sudah diberikan peruntukan begitu besar RM12 juta fasa pertama tetapi gagal melakukan pembangunan bola sepak negara dan saya ingin tahu juga apa rancangan kementerian sendiri sebenarnya untuk melakukan revolusi menyelamatkan bola sepak negara ini daripada kucing hingusan kembali kepada tahap Harimau Malaya supaya rasa marah rakyat ini dapat diubah kerana maruah kita yang tercalar ini.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Haji Puad yang mengemukakan soalan berhubung dengan bola sepak yang memang kita ambil perhatian. Seperti mana kita semua sedia maklum kerajaan amat komited terhadap sukan ini walaupun ia tidak memberi prestasi yang begitu baik tetapi kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan telah memutuskan bola sepak sebagai satu sukan teras dan memberi peruntukan yang besar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi RM12.3 juta dalam fasa pertama ini. Banyak tindakan telah diambil termasuk kita juga memutuskan supaya pasukan Bawah 20 tahun FAM akan diletakkan di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara di mana pasukan ini akan disediakan program latihan yang lebih komprehensif dengan segala khidmat sokongan yang perlu untuk membolehkan kita menyediakan pasukan ini. Dalam jangka masa yang pendek ini untuk menghadapi Sukan Asia Guangzhou 2010, Sukan SEA dan sebagainya.

Selain daripada itu kita juga memperkasakan sekolah sukan dalam bidang bola sepak ini kerana kita ada dua buah sekolah sukan dan kita akan tingkatkan prestasi dalam sekolah sukan dan kita juga hendak memperkasakan lagi akademi bola sepak di 14 akademi di seluruh negara. Saya rasa banyak lagi tindakan jangka panjang yang telah kita ambil termasuk *talent* ID, mengenal pasti lagi pemain-pemain bola sepak daripada peringkat awal lagi untuk memberi asuhan dan bimbingan kepada anak-anak kita melalui berbagai-bagai program di peringkat akar umbi.

Berhubung dengan pertanyaan apakah tindakan yang akan diambil terhadap FAM. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Belia dan Sukan memberi galakan kepada semua persatuan untuk menunjukkan prestasi yang tinggi. Oleh itu, untuk menggalakkan persatuan-persatuan bola sepak ataupun persatuan-persatuan yang lain menunjukkan prestasi yang baik kita

akan memberi *grading* kepada semua persatuan. So, apabila *grading* persatuan itu baik maka pengurusannya baik, mempunyai prestasi yang baik maka kerajaan akan memberi komitmen dan peruntukan yang lebih besar lebih daripada yang biasa. Ini sebagai satu galakan dan kita yakin apabila prestasinya kurang ia akan dapat *grading* yang kurang dan ini adalah satu penalti kepada persatuan tersebut tetapi ia bukan bertujuan untuk mana-mana persatuan. Ia adalah untuk menggalakkan persatuan-persatuan bergerak cergas untuk memajukan sukan untuk negara.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya hendak tanya adakah Kementerian telah memasukkan Persatuan Kavadi dan Persatuan Silambam yang dikuasai oleh belia India dalam seminar ini dan adakah kerajaan bercadang menyediakan pusat latihan khas kepada kedua-dua sukan ini.

Dato' Liow Tiong Lai: Cadangan ini telah pun saya rasa ada dalam seminar tersebut dan seperti saya telah nyatakan tadi Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan tujuh jawatankuasa kecil untuk memperincikan semua cadangan-cadangan ini dan kita akan memberi pertimbangan dan seterusnya membawa kepada Jawatankuasa Kabinet untuk di pertimbangkan. Terima kasih.

11. Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, tidakkah kementerian mempunyai peruntukan undang-undang untuk menghalang mana-mana pihak cuba mengambil alih tapak-tapak universiti dan tanah-tanah milik kerajaan seperti yang berlaku kepada Universiti Malaya baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tapak-tapak universiti dan tanah-tanah milik kerajaan seperti di Universiti Malaya adalah didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau IPTA yang berkenaan. Tapak bagi kampus Universiti Malaya adalah didaftarkan atas nama UM ataupun Universiti Malaya sendiri. Sebarang usaha untuk memindahkan tapak dan tanah yang didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ataupun PTP atau IPTA perlulah mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian dan pihak kementerian masing-masing.

Bagi cadangan untuk memindahkan tapak Universiti Malaya ini kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaya perlulah diperoleh sebelum cadangan ini dapat dilaksanakan. Sekiranya terdapat cadangan penswastaaan di kawasan tapak Universiti Malaya pada masa hadapan yang memerlukan tapak Universiti Malaya dipindahkan maka perkara ini perlu dibawa ke Unit Perancang Ekonomi dan perlu mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Oleh yang demikian, isu memindahkan tapak asal Universiti Malaya tidak akan timbul kerana kerajaan telah pun memberikan jaminan bahawa Universiti Malaya akan terus berada di tapak asalnya.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di United Kingdom, terdapat universiti-universiti yang kita panggil *red brick university* yang dibuat daripada batu-bata berwarna merah yang berusia lebih daripada 100 tahun ke atas. Universiti-universiti ini dikatakan dengan izin,

they grow with the vicinity. Begitu juga Universiti Malaya. Jadi saya ingin tahu apakah langkah-langkah selain daripada menggunakan peruntukan undang-undang, apakah langkah-langkah kementerian untuk mempertahankan rekod sejarah kita ini dan juga keutuhan menara gading kita. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan susulan ini sebab yang saya nampak soal keutuhan itu sebenarnya tak pernah jadi satu persoalan yang dipertikaikan.

▪ 1130

Apa yang berlaku baru-baru ini khususnya berikutan adanya liputan akhbar yang gembur-gemburkan soal kemungkinan pindahnya kampus Universiti Malaya setahu saya, saya sesudah didatangi oleh wakil syarikat yang terlibat dalam pertikaian itu iaitu Syarikat Guocoland (Malaysia) Berhad yang menyatakan bahawa tidak pernah mereka mengemukakan sebarang tawaran ataupun cadangan penswastan bagi tapak tanah yang berkenaan. Maka selesailah perkara ini sebab ianya tidak pernah berlaku, sekian.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

12. Tuan Tan Bon You minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, bilangan langgar lari yang berjaya dikesan oleh polis. Apakah tindakan pihak polis untuk mencegah kejadian langgar lari dan tindakan yang diambil terhadap pemandu kenderaan yang ditangkap atas kesalahan ini.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kadar penyelesaian kes langgar lari yang dilaporkan oleh PDRM adalah rendah memandangkan kebanyakan kes tidak ada saksi bebas yang melihat kejadian itu berlaku. Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha telah diambil oleh pihak polis termasuk membuat siaran melalui media cetak dan media elektronik dan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat, namun ia kurang mendapat kerjasama daripada orang awam untuk tampil memberi maklumat dan membuat untuk membantu siasatan. Jika pemandu yang terlibat dalam kemalangan jalan raya didapati bersalah dan gagal mematuhi Seksyen 52 Akta Pengangkutan Jalan 1987, maka ia boleh dikenakan hukuman. Bagi kesalahan yang pertama, denda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan. Bagi kesalahan kedua dan seterusnya dikenakan denda tidak melebihi RM4,000 dan dipenjarakan tidak melebihi 12 bulan atau keduanya sekali.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin memohon...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dengan kerjasama Yang Berhormat-Yang Berhormat sama ada barisan kerajaan atau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya bercadang untuk habiskan sehingga pertanyaan nombor 15, silakan Yang Berhormat.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bagi angka yang tepat tadi. Saya ingin memohon penjelasan selanjutnya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengikut rekod yang sedia ada, apakah sebab-sebab kes langgar lari ini boleh berlaku, adakah ia disebabkan oleh pemandu itu takut dipukul oleh orang ramai, ataupun pemandunya tidak berlesen ataupun pemandu itu mabuk atau khayal dengan dadah. Apakah pula tindakan polis terhadap kes langgar lari terutama dalam kes di mana pemandunya tidak dapat dikesan. Sekian terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat yang menanyakan soalan tadi. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu semua adalah merupakan di antara sebab-sebab yang berlaku langgar lari. Jadi berkenaan dengan tindakan yang diambil seperti mana yang saya sebutkan tadi, kerana sekiranya kita telah minta orang ramai untuk menghubungi pihak polis, biasanya apabila berlaku suatu kejadian, tetapi kadang-kadang kita tidak mendapat kerjasama daripada orang ramai mungkin kerana pada waktu kejadian itu tidak ada saksi-saksi yang boleh membantu untuk memberi keterangan mengenai kejadian tersebut.

13. Datuk Latiff bin Datuk Haji Thamby Chik minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah tindakan yang telah dan akan diambil kementerian bagi mengawal kualiti makanan ringan yang begitu banyak di pasaran serta amat digemari oleh kanak-kanak memandangkan makanan ini tidak memberi manfaat kesihatan atau pun tumbesaran kepada kanak-kanak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memantau premis pengeluar makanan supaya sentiasa bersih dan mengeluarkan produk yang selamat serta berkualiti dan mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Di samping itu kementerian juga telah mengambil sampel-sampel makanan di pasaran untuk dianalisis bagi memastikan produk tersebut hanya mengandungi bahan-bahan aktif makanan yang dibenarkan sahaja di dalam makanan tersebut. Tindakan mahkamah juga akan diambil ke atas pengeluar yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Makanan yang dikatakan tadi. Masyarakat terutamanya ibu bapa perlu mengambil berat dalam mengawal pengambilan makanan ringan atau *snack* kepada anak-anak kerana semua makanan ini tidak melanggar apa jua peraturan di bawah peraturan-peraturan makanan, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Latiff kemudian, Datuk Dr. Lee Chong Meng, kemudian Dato' Haji Tajul Urus.

Datuk Latiff bin Datuk Haji Thamby Chik: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah kementerian telah ambil tindakan kepada kilang atau pengeluar makanan ringan ini?

Dato' Lee Kah Choon: Seperti yang saya katakan tadi pengeluaran makanan ringan, ia tidak melanggar undang-undang cuma kalau mereka masukkan *additives* atau bahan tambahan yang tidak dibenarkan di bawah undang-undang yang sedia ada, sekian.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: *Brand-brand* yang dikeluarkan di TV selalu dapat fokus daripada anak-anak kita. Jadi kementerian mestilah jaga kualitinya. Lagipun minyak-minyak yang dipakai oleh kilang-kilang untuk mengeluarkan makanan ringan, adakah minyak itu baru atau terpakai? Kerana minyak terpakai boleh jadi *carcinogenic* atau *cancer causing agent*. Saya harap kementerian boleh fokus dengan isu ini, sekian terima kasih.

Dato' Lee Kah Choan: Terima kasih, berkaitan dengan makanan ini, makanan ringan dan makanan segera dia ada perbezaannya. Makanan ringan adalah *snack* dan makanan segera itu *is a fast food*. So, dari segi minyak kita memang memantau dan kita akan ambil maklum berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan 'Haji' Tajul Urus..., Dato' Tajul Urus. Susah Dato'- Dato' baru ini, lupa.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih. Tidakkah Kementerian Kesihatan bercadang untuk memberi garis panduan kepada pengusaha-pengusaha makanan ringan dan juga makan segera dari segi isi kandungan yang sihat dan boleh dijual kepada kanak-kanak khususnya kantin-kantin sekolah, terima kasih.

Dato' Lee Kah Choan: Terima kasih, Kementerian Kesihatan memang sentiasa mengambil maklum dan juga mencari jalan bagaimana kita dapat mempertingkatkan pendidikan kepada semua pihak termasuk kanak-kanak kita juga ibu bapa dan guru-guru kita dan juga pengusaha dan pengeluar makanan ini supaya mereka faham berkaitan dengan kepentingan untuk memasarkan makanan yang sihat untuk semua rakyat. Dari segi itu, Kementerian Kesihatan telah mengadakan beberapa program seperti program Kantin Sekolah Sihat di mana kita bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk mengadakan program ini di sekolah supaya kita dapat mengajar dan mendidik anak-anak kita dan juga guru-guru, pengendali kantin dan juga ibu bapa berkaitan dengan makanan yang sihat, bersih dan selamat yang boleh diambil oleh kanak-kanak kita.

14. Tuan Ir. Hiang A Li minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah strategi pencegahan banjir kilat daripada berlaku di bandar-bandar utama di negara ini seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin pada 19 Julai 2007.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan membenarkan untuk Puan Hajah Siti Rokiah satu pertanyaan tambahan.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila suatu kawasan dibangunkan di dalam projek-projek pembangunan seperti perumahan sekolah, kilang, jalan raya dan sebagainya, air hujan yang turun tidak dapat menyerap sepenuhnya ke dalam

tanah dan mengalir sebagai air larian permukaan, *surface run-off* dengan izin. Lebihan air ini mengalir dengan banyak dan lebih cepat ke longkang-longkang dan sungai-sungai yang menyebabkan banjir kilat di kawasan yang lebih rendah. Jabatan Pengairan dan Saliran atau JPS, telah memperkenalkan garis panduan saliran mesra alam atau lebih dikenali dengan MASMA yang berkonsepkan kaedah kawalan banjir pada punca, *control at source* dengan izin. Makna kawasan yang ingin dibangunkan tidak dibenarkan mengalir air yang lebih daripada kuantiti asal sesuatu tempat yang dibangunkan tersebut. Garis panduan ini telah diterima pakai di seluruh negara semenjak 1 Januari tahun 2001. Selain itu, pelan induk saliran bandar juga mengesyorkan untuk mengadakan perundangan atau mekanisme yang lebih berkesan bagi mengawal pembangunan yang memberi impak kepada alam sekitar terutamanya banjir.

■1140

Antara pembinaan yang telah dibuat untuk mengawal banjir kilat seperti di bandar-bandar besar ialah seperti Projek Terowong SMART, kolam-kolam takungan dan lencongan-lencongan sungai yang juga menjadi sebahagian daripada kaedah untuk mengurangkan banjir kilat di bandar-bandar besar tersebut. Terima kasih.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah saya hendak menarik perhatian bahawa kerajaan melalui JPS telah mewujudkan satu program iaitu *Flood Mitigation Programme* dengan izin, untuk mengelakkan banjir di kawasan-kawasan banjir di seluruh negara. Saya ingin tahu, adakah program ini masih diteruskan. Berapakah jumlah perbelanjaan sehingga hari ini dan sejauh mana program ini berjaya? Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. *Flood Mitigation Programme* dengan izin, atau Rancangan Tebatan Banjir sememangnya diadakan setiap tahun mengikut Rancangan Malaysia setiap lima tahun sekali dan ia berlaku berterusan sebabnya pembangunan tidak dapat dielakkan dan akan ada banjir. Walau bagaimanapun berapa banyak duit itu, kalau untuk yang lepas-lepas itu saya tidak ada rekod lagi dan sehingga tarikh bila, sebab kita sudah mula buat ini daripada tahun 70an lagi.

Kalau Yang Berhormat lebih spesifik untuk tahun ke tahun itu, boleh insya-Allah saya bagi, tetapi kalau sebelum merdeka lagi, susahlah saya hendak bagi. Jadi, *Flood Mitigation Programme* sememangnya ada pada setiap tahun. Cuma tumpuan kawasan, seperti yang berlaku di Johor baru-baru ini adalah di luar jangkaan kita. Jadi, kita terpaksa memasukkan wang peruntukan tambahan dimohon balik pada *midterm review* nanti sebanyak lebih kurang RM1.2 bilion. Jadi ini tambahan. Jadi maksudnya ini tidak akan berakhirlah selagi ada pembangunan, selagi ada hujan, selagi *global warming*, selagi kita bersikap tabiat tak apa, bumi kita binasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Siti Rokiah, kalau ada.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk membesarkan atau memperluaskan

perparitan yang ada sekarang ini, yang kita kira sudah tidak sesuai lagi untuk masa kini kerana pembangunan atau perumahan yang tumbuh macam cendawan tumbuh. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya saya hendak cerita sedikit berkenaan dengan saluran bandar ini. Saliran bandar ini sebenarnya terletak di bawah pihak berkuasa tempatan. Di pinggir bandar yang menghala ke sungai-sungai tersebut, terletak di bawah kawalan kita.

Sebenarnya dalam pembinaan longkang-longkang di dalam bandar, terdapat pelbagai *standard* yang kita ada, yang mengambil kira jumlah hujan yang turun, jumlah yang akan masuk ke longkang dan sebagainya. Masalahnya, bukan masalah longkang kecil Yang Berhormat. Masalahnya, kita yang membuang sampah ke dalam longkang yang menyekat air daripada mengalir terus ke dalam sungai yang membuatkan masalah banjir kilat.

Banjir kilat yang banyak berlaku di negara ini, di bandar-bandar besar adalah bukan sebab limpahan air sungai. Maksudnya bukan sebab limpahan sungai tidak dapat menampung air, tetapi oleh kerana air yang masuk ke longkang tersumbat yang menyebabkan banjir kilat. Sebab itu ia berlaku dalam masa dua, tiga jam sahaja sebab hendak pergi ke sungai itu tersekat.

Tuan Yang di-Pertua: Pernah Yang Berhormat menyatakan di dalam Dewan ini angka, berapa tan sehari sampah yang...

Dato' Sazmi bin Miah: Sungai Kelang sahaja Tuan Yang di-Pertua, 200 tan satu hari JPS angkat. Jadi ini masalah kita. Kita yang buang sampah. Jadi longkang kita yang tersumbat. Banjir kita juga yang dapat, tetapi JPS lah yang kena kata banjir itu...

Tuan Yang di-Pertua: 200 tan sehari itu, sama berat dengan konkrit yang membina parit itulah?

Dato' Sazmi bin Miah: 200 tan Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 150 buah kereta. Jadi, macam-macam sampahlah termasuk orang, bangkai dan sebagainya. Sampah yang botol plastik itu, tak usah kiralah. Jadi saya hendak akhiri...

Tuan Yang di-Pertua: Takkan orang sampah juga?... *[Ketawa]*

Dato' Sazmi bin Miah: Ada, Tuan Yang di-Pertua.... *[Ketawa]* Jadi saya hendak akhiri, kita kurangkanlah penggunaan plastik. Kita tanamlah banyak pokok dekat rumah kita. Terima kasih.

15. Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, tanggungjawab LPKP untuk mengatasi permasalahan pemandu-pemandu teksi yang tidak sopan serta mengenakan caj yang mahal dan cara pemanduan bas-bas ekspres di lebuhraya yang bukan sahaja berbahaya kepada penumpang-penumpangannya malah pengguna lebuhraya lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, umumnya tata kelakuan pemandu kenderaan pengangkutan awam seperti pemandu teksi yang tidak sopan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah perkhidmatan

awam iaitu Pelesenan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang 1959 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Pemanduan bas ekspres yang berbahaya dan melebihi had laju adalah tertakluk kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987. Pada 29 April 2005, kementerian telah mengeluarkan Kod Etika Pemanduan Perkhidmatan Awam yang merupakan garis panduan kepada semua pemandu.

Walau bagaimanapun, pemilik lesen adalah bertanggungjawab ke atas pengendalian kenderaannya dan pelanggaran undang-undang oleh pemandu kenderaan pengangkutan awam boleh dikenakan tindakan di bawah Akta LPKP 1987. Bagi kesalahan mengenakan kadar tambang yang melebihi kadar yang diwartakan, tindakan gantung atau batal lesen akan dikenakan. Mulai Januari 2007 hingga Jun 2007, sebanyak 87 kes tindakan penguatkuasaan gantung dan batal lesen telah diambil kepada pemilik lesen teksi. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Wan Nordin, Puan Nordiana dan Puan Hajah Wan Hazani. Minta maaf Datuk Yaakob, bagi peluang kepada wanita.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tidaklah saya memihak kepada mereka, tetapi sekali-sekala berilah peluang.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Persoalannya setiap peraturan dan undang-undang yang kita perkenalkan untuk membasmi budaya yang kurang sihat ini selalunya menghadapi kebuntuan. Oleh kerana perkara ini telah berterusan sekian lama, ia memerlukan seluruh anggota bukan setakat menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen dan ketua pengarahnya. Komitmen yang lebih tinggi diperlukan untuk menyelesaikan masalah ini supaya ia tidak menjadi satu budaya yang berterusan. Apakah rancangan kementerian bagi memastikan kita dapat mencapai sasaran dan tidak ada lagi budaya-budaya yang kurang sihat dalam masalah ini. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah dinyatakan sebentar tadi, beberapa peraturan pekeliling telah pun dikeluarkan dan begitu juga dengan pemantauan. Kita ada buka sistem talian panggilan telefon dan juga SMS aduan awam dan hasilnya kita mendapat beberapa maklum balas daripada orang awam mengenai tata kelakuan dan tindakan-tindakan para pemandu. Semua ini Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak lari daripada sikap manusia sebagai manusia. Macam mana peraturan yang telah digariskan, memang adalah berlaku pelanggaran.

Dari semasa ke semasa, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui LPKP sentiasa akan mengadakan kursus-kursus bagi pemohon-pemohon lesen yang baru, kursus-kursus bimbingan panduan malah pendedahan kepada usahawan itu sendiri. Ini membolehkan mereka melahirkan rasa kesedaran bahawa lesen yang diberi kepada mereka itu adalah untuk menjadikan mereka berdikari dan seterusnya menjadi usahawan yang berjaya pada masa akan datang. Semua

ini terserah kepada sikap masing-masing untuk menerima. Kementerian sedaya upaya cuba melakukan yang terbaik. Terima kasih.

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah pemantauan terhadap caj-caj yang dikenakan oleh teksi ini melibatkan juga teksi-teksi hotel. Umpamanya sebagai contoh, kalau kita naik teksi biasa datang ke Parlimen, hanya dikenakan RM10.00 dan pergi/balik RM20.00 lebih kurang, tetapi apabila kita naik teksi hotel, caj yang dikenakan ialah RM60.00 untuk datang sahaja dan pergi/balik ialah RM130.00. Terima kasih.

▪ 1150

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengadakan pemantauan dan melalui Sistem Aduan Orang Awam dan sekiranya ada aduan-aduan yang diterima dan didapati terbukti, maka serta-merta diambil tindakanlah. Antaranya termasuklah amaran, menggantung dan membatalkan lesen sekali. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna adakah caj yang dikenakan oleh kereta dari hotel tadi melanggar undang-undang?

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Termasuklah mengenakan kadar tambang yang lebih ini merupakan satu kesalahan dan sekiranya ini didapati, kementerian akan mengadakan tindakan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajah Wan Hazani, pertanyaan terakhir.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah caranya kementerian ataupun kita hendak mengambil tindakan ke atas bas-bas ekspres terutamanya yang memandu bas terlalu laju dengan keadaan yang membahayakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun pertanyaan asal ialah pertanyaan mengenai teksi tapi tak apalah, Yang Berhormat boleh jawab mengenai bas sama. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pengangkutan bas juga tertakluk dalam Akta Lembaga LPKP 1997 dan juga beberapa tindakan telah diambil ekoran daripada laporan-laporan daripada para penggunalah. Konsep yang sama kita guna pakai Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tindakan-tindakan susulan iaitu dari segi amaran, penggantungan lesen dan juga pembatalan lesen permit berkenaan. Sementara bagi lesen pemandu itu, kita serahkan kepada pihak JPJ dan juga pihak polis untuk mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya baik. Terima kasih Yang Berhormat.

Masa bagi Pertanyaan-Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada terima permintaan yang saya boleh benarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 13.(1)(k) iaitu Ucapan-ucapan takziah. Saya jemput Puan Mumtaz. Ucapan takziah itu tak panjang tau, ringkas.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana begitu prihatin terhadap perkara yang telah berlaku pada hari ini, yang sebenarnya merupakan satu cerita sedih, yang kita mengharapkan bahawa daripada kemalangan yang berlaku dan melibatkan Nuri itu akan ada orang yang terselamat, tapi alangkah sedihnya hati kita bila kita menerima khabar bahawa kesemua anggota tentera yang kita kasihi ini telah meninggal dunia dan dikira syahid dalam usaha mereka untuk mempertahankan negara dengan menggunakan kenderaan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Saya mohon izin dalam lima minit boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Cakap cukuplah, ucapan takziah dan kita akan rakamkan.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ucapkan takziah kepada semua ahli keluarga kepada mangsa-mangsa Nuri dan Insya-Allah perkara ini akan memberi satu impak kepada negara yang mana kita mengharapkan dengan meninggalnya mereka ini, kita boleh mendapat satu manfaat kepada perjuangan negara dan kita berharap bahawa pihak kerajaan akan menggantikan helikopter Nuri ini kepada yang lebih baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hah, hah! Itu bukan ucapan takziah hah! Ganti helikopter tidak termasuk dalam ucapan. Itu yang saya tak mahu benarkan. Jadi, Dewan Negara akan mengirinkan ucapan takziah Dewan kepada angkatan tentera. Silakan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.24 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, pengurusan sisa pepejal meliputi pelbagai aktiviti termasuk penstoran, pengangkutan, pengeluaran, pengitaran semula dan pelupusan. Ia adalah satu proses yang kompleks melibatkan pelbagai pihak termasuk pihak konsesi dan juga kontraktor-kontraktor yang berkaitan. Di samping itu, terdapat keperluan untuk menggubal dasar, strategi, pelan tindakan, undang-undang, peraturan dan garis panduan. Oleh yang demikian, amat perlu diwujudkan satu perbadanan yang dapat memberi tumpuan sepenuh masa kepada aktiviti harian pengurusan sisa pepejal dan memisahkan tanggungjawab menggubal dasar, strategi dan pelan tindakan kepada agensi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum mencadangkan untuk membentangkan rang undang-undang ini atau akan buat kemudian selepas huraian?

Dr S. Subramaniam: Selepas huraian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Stail dia lain sikit ya.

Dr S. Subramaniam: Dalam hal ini, perbadanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di cadang untuk diwujudkan bagi memastikan supaya pengurusan sisa pepejal di negara ini berjalan dengan lancar dan berkesan tanpa melibatkan diri dengan perkara-perkara dasar dan perancang secara terperinci. Perbadanan akan mengambil alih semua tanggungjawab mengenai pengurusan sisa pepejal daripada pihak berkuasa tempatan.

Susulan daripada perwujudan perbadanan ini kelak, PBT dapat memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti pembangunan dan kemasyarakatan lain yang memerlukan penglibatan PBT yang lebih aktif. Di samping itu, dengan wujudnya perbadanan ini, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang dicadangkan dapat menumpukan perhatian kepada penggubalan dasar, strategi dan pelan tindakan dan mengawal selia pengurusan sisa pepejal. Sehubungan dengan ini, pelan strategik bagi pengurusan sisa pepejal kebangsaan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 20 Julai 2005 juga menggariskan betapa pentingnya institusi-institusi baru diwujudkan bagi memastikan pengurusan sisa pepejal dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Teras Ketiga kepada dasar pengurusan sisa pepejal telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 13 September tahun yang lalu juga menetapkan supaya diwujudkan institusi baru selain undang-undang dan peraturan. Oleh yang demikian, di Dewan yang mulia ini, saya akan membentangkan rang undang-undang bernama suatu Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Rang undang-undang ini membolehkan sebuah agensi bernama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam diberi kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan percaya bahawa dengan tergubalnya Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ini dapat mewujudkan satu *institutional framework* atau rangka kerja institusi yang lengkap dengan keupayaan tenaga manusia yang terlatih dengan sumber-sumber kewangan dan teknikal yang mencukupi dan berkemampuan bagi menangani sebarang masalah dan isu yang timbul berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Kerajaan juga percaya sudah tiba masanya satu institusi yang *dedicated* atau berdedikasi diwujudkan di negara ini bagi memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dibuat secara bersepadu dan teratur. Pendekatan yang *structured* amat perlu jika kita ingin melihat negara ini mengamalkan pengurusan sisa pepejal yang lestari berbanding dengan pendekatan secara *ad-hock* yang sentiasa diambil pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 terpakai kepada seluruh Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan

Putrajaya dan Labuan. Rang undang-undang ini bertujuan untuk mewujudkan satu perbadanan untuk mentadbir dan menguatkuasakan Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Rang undang-undang ini terbahagi kepada enam bahagian. Antara peruntukan penting yang termaktub dalam bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut.

Bahagian I memperuntukkan tajuk ringkas pemakaian, permulaan kuat kuasa dan tafsiran;

Fasal 3 Bahagian II memperuntukkan penubuhan satu pertubuhan perbadanan dengan nama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Perbadanan ini adalah kekal, turun temurun dan hendaklah mempunyai satu meterai perbadanan;

Fasal 5 Bahagian II memperuntukkan perwujudan keanggotaan perbadanan yang dilantik oleh menteri dan terdiri daripada pengerusi, wakil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kewangan, Unit Perancangan Ekonomi, wakil Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan dan tidak lebih daripada tiga orang ahli yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang berkaitan.

■1200

Fasal 17 Bahagian III memperuntukkan fungsi perbadanan antara lain iaitu:-

- (i) untuk menjalankan fungsi yang dikenakan ke atasnya di bawah Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam;
- (ii) untuk mengesyorkan dasar perancangan dan strategi termasuk skim berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
- (iii) untuk melaksanakan dasar perancangan dan strategi termasuk skim yang telah diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (iv) untuk melaksanakan langkah-langkah yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memajukan mana-mana perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam yang sedia ada;
- (v) memberi cadangan tentang standard, spesifikasi dan tata amalan berkenaan apa-apa aspek perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam dan memastikan pematuhan terhadapnya; dan
- (vi) memastikan bahawa fungsi dan obligasi mana-mana orang yang menjalankan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal atau perkhidmatan pengurusan pembersihan awam, dijalankan dengan sepatutnya.

Bahagian IV memperuntukkan perkara-perkara berhubung dengan pegawai dan pekerja termasuklah pelantikan seorang ketua pegawai eksekutif.

Bahagian V memperuntukkan perkara-perkara berkaitan kewangan.

Fasal 27 memperuntukkan kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang ditadbir dan dikawal oleh perbadanan. Kumpulan wang ini mendapat sumber kewangannya antara lain daripada kerajaan dan

pendapatan khidmat perunding yang diberikan oleh perbadanan dan wang lain yang diterima secara sah oleh perbadanan.

Fasal 28 Bahagian V pula memperuntukkan tentang perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Antara lain kumpulan wang boleh digunakan untuk membiayai pengurusan dan aktiviti perbadanan seperti pembayaran emolumen, pemberian pinjaman dan biasiswa kepada pegawai dan pekerja-pekerja perbadanan, pembelian peralatan dan mesin dan secara amnya membayar apa-apa belanja bagi maksud pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam amnya dan melaksanakan peruntukkan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam khususnya.

Bahagian VI memperuntukkan perkara am mengenai perbadanan.

Fasal 43 Bahagian VI memberi perbadanan kuasa untuk mengambil khidmat dan membayar ejen dan penasihat teknikal untuk menguruskan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki untuk diuruskan atau dilakukan pada melaksanakan fungsi perbadanan atau bagi melaksanakan maksud akta dengan lebih baik.

Fasal 44 Bahagian VI memberi perbadanan kuasa untuk menubuhkan syarikat dengan kelulusan menteri dan persetujuan Menteri Kewangan untuk menjalankan dan mempunyai tanggungjawab perjalanan dan pengurusan bagi pihak perbadanan. Ini termasuklah perjalanan dan pengurusan apa-apa projek, skim atau perusahaan sebagaimana yang ditentukan oleh perbadanan dalam menunaikan fungsinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat dari barisan kerajaan hendak menyokong?

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Saya mohon menyokong

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta, untuk mengadakan peruntukkan bagi penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kekal berdiri sebentar sebab inti sari daripada perbahasan adalah lebih kurang dari semalam. Siapa telah berucap semalam saya kekalkan. Puan Mumtaz dahulu kemudian ketiga Dr. Puad, Datuk Ridzuan dan Tuan M. Munusamy, dua-dua telah berucap tapi saya benar selepas Dr. Puad. Silakan Puan Mumtaz binti Md. Nawi.

12.05 tgh.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut membenarkan saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Dalam membahaskan dalam rang undang-undang ini, saya memohon mencadangkan beberapa cadangan bagi memastikan hasrat kerajaan bagi menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam ini benar-benar efisien dan efektif.

Yang pertama, sebagaimana cadangan dan perkara yang telah pun dibuat oleh negara-negara Eropah berhubung dengan usaha mereka bagi menguruskan sisa pepejal. Di sana hampir kesemua negara-negara bersetuju dan mengamalkan dengan izin, *producer responsibility* iaitu tanggungjawab pembuat bagi memastikan pengurusan sisa pepejal ini diuruskan dan menjadi produk yang mesra alam. Peletakan tanggungjawab pengurangan 75% sisa pepejal dalam tempoh waktu tertentu telah memberikan *result* atau keputusan yang cukup baik kepada usaha kerajaan dalam menguruskan sisa pepejal.

Adalah dicadangkan agar pihak kerajaan mewajibkan semua kontrak yang hendak diberikan kepada mana-mana penender yang terlibat dengan kerajaan mahupun swasta, agar meletakkan satu terma bagi memastikan semua orang yang mendapat projek ataupun mengeluarkan produk di Malaysia, memastikan semua aktiviti yang dibuat oleh mereka akan menguruskan sisa pepejal ini dengan baik dan cadangannya agar perkara ini boleh disediakan oleh pihak AG dan dikawal serta disemak oleh kerajaan bagi memastikan hasrat kita, semua urusan sisa pepejal akan dipikul dengan cara kontrak oleh semua orang yang terlibat dengan projek-projek kerajaan mahupun swasta.

Yang kedua, saya mencadangkan insentif diberikan oleh kerajaan dalam bentuk *tax*, fi dan deposit di mana kita boleh menyarankan kepada mana-mana industri dalam usaha untuk memberikan satu pengecualian *tax* kepada mereka, turut sama menyumbang untuk membina dan meningkatkan semua infrastruktur kitar semula di negara kita.

Ketiga, antara langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Eropah yang telah pun mencapai kejayaan dari sudut pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal ini ialah mereka membuat satu polisi *prevention* bukan sekadar *reduction* dari segi sampah.

Jadi oleh itu, saya menyarankan agar pihak kerajaan sudah tiba masanya untuk memastikan semua produk-produk yang digunakan oleh kerajaan termasuk kertas adalah produk yang dikira sebagai *green product* atau *eco product* dalam semua aktiviti kerajaan. Kita sedar ini akan membabitkan kos yang tinggi dan bajet yang tinggi oleh pihak kerajaan, tetapi sebagaimana kita telah dan akan habiskan berbilion-bilion untuk menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam, adalah dicadangkan pihak kerajaan boleh memastikan semua peralatan yang digunakan kerajaan diletakkan label mesra alam dan juga kalau perkara itu ia boleh kita gunakan perkara yang *eco product* digunakan semua *eco product* termasuklah penggunaan kertas dan bahan-bahan yang lain.

Yang keempat, memastikan program bersepadu antara Kementerian Kesihatan iaitu bila mana disebut pengurusan sisa pepejal mungkin orang akan bayangkan hanya melibatkan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam kes ini, kita hendaklah meraikan dan memastikan rakyat memahami bahawa bila mana pengurusan sisa pepejal dapat dibuat dengan baik, ianya sebenarnya telah meninggikan taraf hidup.

Oleh yang demikian kerjasama sepadu dan *integrate* daripada Kementerian Kesihatan hendaklah dipastikan dalam semua aktiviti melibatkan pengurusan sisa pepejal bagi menerangkan kepada rakyat bahawa bila mereka boleh menguruskan sisa pepejal dengan baik, ertinya taraf kesihatan dan penyakit boleh dielakkan. Begitu juga dengan Kementerian Alam Sekitar. Ketiga-tiga kementerian ini hendaklah membuat program yang bersepadu agar hasrat kerajaan melahirkan program kitar semula ini bukan tinggal 5% walaupun setelah sembilan tahun dijalankan.

Jadi, sebagaimana kita sedar bahawa Allah Taala telah memberikan kita satu alam sekitar yang begini baik dan daripada alam sekitar kita dapat bahan mentah. Daripada bahan mentah ini kita proses, sama ada kita makan atau kita guna. Bila kita hendak buang balik kita kena ingat, dalam tubuh bila kita makan, kita akan kumuhkan balik.

■1210

Jadi, tidak sepatutnya mereka tidak menyedari bahawa bila mereka menggunakan sebarang produk ia akan menjadi satu bahan yang dilupuskan dan dilupuskan dengan cara yang mesra alam.

Kelima, menggalakkan penubuhan NGO-NGO dan pihak pelobi yang mesra di peringkat kebangsaan dan tempatan. Jadi penglibatan pihak NGO dalam memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta kitar semula ini hendaklah diberi galakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan hasrat kita itu menjadi kenyataan,

Keenam, pengenalan pendidikan ataupun latihan formal pengurusan sisa pepejal di universiti-universiti terpilih dalam negara sebagaimana langkah yang dibuat oleh University of Luton di United Kingdom dan Universiti Pertanian di Wageningen di Netherland, atau sekurang-kurangnya menghantar pelajar ke sana untuk mendapat latihan praktikal ataupun *internship*. Ataupun mengadakan pertukaran pelajar dan seterusnya mewajibkan pada suatu hari nanti dalam tempoh tertentu, mungkin lima ataupun sepuluh tahun, individu dalam perbadanan ini hendaklah orang yang mempunyai kemahiran formal dari segi pengurusan sisa pepejal. Ini kerana kita percaya perkara ini, kerajaan perlu memberikan biasiswa kepada beberapa golongan bagi menjadikan perkara ini satu kenyataan. Kita bimbang, kalaulah kita tidak mendapat orang yang benar-benar profesional dalam Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini akan menelan belanja yang berkali-kali ganda kerana kita perlu mendapatkan khidmat daripada tenaga asing.

Ketujuh, pelantikan dan pemilihan individu ataupun *public figure* ataupun selebriti tertentu sebagai Duta Hijau ataupun mesra alam untuk mempromosi dan bagi melihat kesinambungan kempen ini. Bila mana orang melihat wajah ini, orang akan ingat ini adalah Duta Hijau – ‘*go green*’ dengan wajahnya itu orang akan ingat jadi perkara ini mungkin lebih berjaya dan kita mengharapkan perkara ini akan menjadi kenyataan.

Kelapan, memastikan bahawa orang yang akan mengendalikan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini mengingati dan mempromosikan pihak rakyat dan juga pihak pentadbir sendiri bahawa pengurusan sisa pepejal ini adalah satu-satu *service* awam dan fungsi kesihatannya adalah amat besar. Ia bukannya badan yang akan mengambil untung, jadi betul-betul menunjukkan akauntabiliti mereka bahawa ini merupakan satu *service* awam.

Kesembilan, kategori untuk pengeluar sampah perniagaan mungkin pada suatu hari yang kita anggap mungkin tidak lama boleh dibuat dan dikenakan caj berdasarkan kepada *volume* sampah, tetapi untuk kesemua orang ramai yang menggunakan perkhidmatan ini boleh diadakan *flat fee* iaitu bagi memastikan tidak ada pihak yang terbeban kerana sampah yang dibuang oleh orang lain.

Kesepuluh, saya ingin mendapatkan berapakah kos yang dihabiskan untuk pihak kerajaan bagi membuat kajian. Ini kerana kita pasti bahawa untuk melahirkan kedua-dua akta ini pihak kerajaan telah pun menghabiskan banyak duit untuk mereka membuat kajian, khususnya kepada *Japan International Cooperation Agency* dalam menghasilkan tajuk *The Study of National Waste Minimization* di Malaysia ini berdasarkan kepakaran mereka dan adakah petugas-petugas yang terlibat dalam kajian ini juga melibatkan pakar-pakar *environment* kita daripada universiti tempatan. Kita mengharapkan pada masa depan akan dapat kajian secara efektif daripada pakar-pakar anak tempatan, kerana ini akan memberikan satu pulangan atau pun laporan yang lebih tepat dan lebih patriotik kepada kerajaan bagi melahirkan sebuah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan awam.

Terakhir, saya ingin juga mencadangkan di bawah seksyen 7 yang menyatakan bahawa mana-mana pengerusi atau anggota perbadanan yang dilantik ini boleh dilantik, tetapi tidak boleh dilantik selama tidak lebih daripada tiga tempoh berturut-turut, sepatutnya tidak lebih daripada tiga tempoh tanpa diletakkan berturut-turut. Ini kerana kita bimbang kalau tidak diletakkan tanpa berturut-turut ini orang yang sama akan berada dalam perbadanan ini daripada tahun ini sehinggalah mungkin sepanjang hayatnya dan mungkin dalam satu masa dia berhenti dan kemudian sambung balik. Jadi, ini merugikan orang ramai yang ramai juga layak, yang sama-sama boleh menyumbang dan akan menyebabkan akauntabiliti itu lebih tinggi bila mana mereka hanya tahu dan sedar bahawa mereka hanya boleh berkhidmat untuk Perbadanan ini dalam masa enam tahun sahaja sebagaimana tempoh seorang Senator berada di Dewan Negara. Jadi, saya rasa ini merupakan satu perkara yang baik kalau kita dapat laksanakan.

Seterusnya, walaupun ini berkaitan dengan rang undang-undang semalam, sebagaimana yang saya bangkitkan tentang perkataan 'bersuka-suka' itu saya rasa mungkin berkaitan dengan akta yang juga berkaitan dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini, perkataan yang sesuai itu kemungkinannya adalah "*leisure*" bukan "*leasure*". Itu mungkin satu kesilapan yang bagi saya agak besar dari segi undang-undang dan kita harap perkara ini tidak akan berulang sekali lagi.

Dengan ucapan itu saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi.

12.15 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya rang undang-undang ini, maka perbadanan ini akan mempunyai kuasa mentadbir dan penguatkuasaan. Ia bukan lagi di bawah PBT dalam soal mengurus sisa pepejal dan juga pembersihan awam. Ini juga membuktikan barangkali betapa lemahnya PBT sebelum daripada ini kerana gagal menyelesaikan masalah sisa pepejal ini.

Oleh itu dengan wujudnya perbadanan ini, saya mengharapkan bahawa tidak lagi wujud sebagai apa yang dikatakan sebagai *grey areas*, iaitu pertindihan yang menyebabkan kita nanti ada lagi tuduh-menuduh ataupun saling menuduh iaitu ini bukan bidang dia, bukan urusan dia, ini jabatan lain dan sebagainya. Ini kerana semuanya sekarang sudah diletakkan di bawah satu perbadanan yang tidak lagi boleh memberi alasan kepada sesiapa bahawa ini bukan tugas dia.

Oleh kerana itulah saya mengharapkan bahawa perbadanan ini memastikan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri semalam itu betul-betul dilaksanakan iaitu *integrated solution* ini, iaitu satu operator sahaja. Jangan macam sekarang ini *collection* orang lain buat, *treatment* pula orang lain yang buat tetapi sekarang ini maksudnya mestilah satu operator yang membuat *integrated solution* iaitu *collection* dia buat, *transportation* dia buat, *treatment* dia buat, *disposal* pun dia buat. Maksudnya dengan kata lain tidak wujud apa yang dikatakan *grey areas* tadi yang menyebabkan nanti wujud tuduh menuduh antara satu dengan yang lain.

Oleh itu saya ingin membangkitkan tentang fasal 17 iaitu Bahagian III ini di perkara (e) yang menyebut iaitu bahawa fungsi perbadanan ini ialah untuk menguasai pematuhan standard, spesifikasi dan juga tata amalan yang berhubungan dengan apa-apa aspek perkhidmatan pengurusan sisa pepejal. Maka di sini yang penting di dalam membangkitkan perkara ini ialah soal teknologi. Teknologi apa yang sebenarnya mahu kita gunakan? Sepatutnya sudah ada keputusan apakah teknologi yang terbaik untuk kita guna pakai dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini.

Semalam saya dengar perbahasan membangkitkan soal *incinerator*. Kita tahu *incinerator* adalah terlalu mahal ataupun dari segi *sustainability* nya adalah mahal sekali untuk kita menjaganya. Berdasarkan kajian yang telah dibuat, maka apa pun yang paling baik sekarang ini ialah kita masih perlu mengekalkan apa yang dipanggil *sanitary landfill*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Sanitary landfill* ini mestilah mengambil kira beberapa faktor, antaranya ialah mengambil kira faktor tempatan dan keduanya ialah *proven technology*; dan ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya setuju bahawa *proven technology* iaitu *design* nya adalah berasaskan kepada pengalaman

berpuluh tahun bukan dengan tujuan untuk mencuba sesuatu yang baru, tetapi *proven* berpuluh tahun. Ini yang dimaksudkan sebagai *proven technology*.

Yang paling penting juga ialah dari segi keberkesannya. Sebab itulah saya berharap bahawa Perbadanan ini merujuk kepada fasal 17, Bahagian III, perkara (e) ini tadi iaitu soal teknologi ini harus menjadi keutamaan supaya nanti dengan kata lain tidak berlaku kegagalan dari segi untuk mengurus sisa pepejal ini.

■1220

Teknologi ini mesti mampu untuk mengurus apa sahaja jenis *solid waste* ini, sama ada yang berbentuk domestik atau buangan komersial dan juga industri. Saya tak tahu sama ada ia juga melibatkan apa yang dipanggil sebagai *schedule waste* yang berbahaya.

Kesimpulannya dalam soal ini, apa yang penting ialah standard perkhidmatan yang bermutu. Perbadanan mestilah memastikan bahawa apa juga syarikat yang mendapat tawaran kontrak ataupun kerja mengurus sisa pepejal ini dia mesti mengguna pakai standard perkhidmatan yang bermutu dan efektif. Kemudian ia juga mesti memastikan pemuliharaan alam sekitar, apa teknologi yang diperkenalkan pemuliharaan alam sekitar mesti menjadi keutamaan. Termasuklah mengekalkan sumber semula jadi, maksudnya tidak berlaku kerosakan terhadap sumber semula jadi apabila ia membuka *landfill* itu.

Paling penting juga ialah *lifespan*, dengan izin, kepada *sanitary landfill* ini. Sekurang-kurangnya untuk 25 tahun, jangan nanti 10 tahun dah tak boleh pakai cari lagi tanah lain. Inilah yang sering menimbulkan masalah kepada pusat-pusat pelupusan sampah sekarang ini, sekejap berpindah ke tempat A kemudian berpindah ke B yang menyebabkan akhirnya tolak menolak dan berlaku demonstrasi di kalangan masyarakat kampung, yang tidak bersetuju pusat pelupusan sampah itu dibuat di kampungnya kerana memberi kesan dari segi bau dan sebagainya.

Sebab itu *lifespan* kepada *sanitary landfill* ini yang bagi saya adalah yang terbaik sebenarnya berbanding *incinerator*, yang terlalu mahal ialah mesti dalam tempoh yang cukup lama sekurang-kurangnya 25 tahun. Seperti mana yang saya sebut tadi mestilah dikendalikan oleh seorang operator.

Tuan Yang di-Pertua, perkara penting yang ingin saya bangkitkan di sini ialah tentang nasib pekerja yang ada sekarang ini. Sekarang sudah timbul seperti mana dalam perbincangan baru-baru ini di Kluang, saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu bahawa SWM, pekerja-pekerja mereka telah merasa kebimbangan tentang kekhawatiran nasib mereka selepas ini. Apabila ia diambil oleh Kerajaan Pusat dan barangkali memberikan kontrak itu kepada syarikat yang lain, bukan kepada syarikat yang sedia ada.

Jadi apakah mereka ini akan diterima kembali bekerja ataupun dibuang begitu sahaja dan kalau mereka mempunyai jawatan atau kedudukan *skill workers* berkemahiran ataupun pengurusan, apakah juga nasib kepada mereka? Sebab mungkin syarikat baru ini ia sudah ada orang-orang dia

sendiri yang akan bekerja di syarikat berkenaan. Jadi sebab itu saya rasa tidak adil jika sekiranya nasib pekerja ini tidak diberi perhatian oleh perbadanan itu nanti.

Kemudian saya juga tertanya iaitu rang undang-undang ini hanya terpakai di Semenanjung, Putrajaya dan Labuan, tidak di Sabah dan Sarawak. Saya tidak pasti sama ada di Sabah ini masalah pengurusan sisa pepejal ini sudah begitu efisien, dan canggih. Saya tahu di Kuching mereka menggunakan teknologi Jerman yang dikatakan terbaik sekarang ini, tetapi apakah sebenarnya mereka ini kalau timbul masalah nanti, maka kita tidak boleh membuat apa-apa tindakan jika timbul masalah terutamanya di Sabah dan Sarawak. Apakah semata-mata...

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat lupa agaknya kerana ianya menyentuh soal kuasa-kuasa negeri dan perlembagaan kita, kerana kita ini negara bersekutu dan status Sabah dan Sarawak diambil kuasa daripada pihak berkuasa tempatan. Jadi lain pendekatan. Adakah Yang Berhormat bersedia..

Dr. Haji Puad bin Zarkashi: Ya, saya faham Tuan Yang di-Pertua Perkara 20.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal pokok dalam perundangan bagi negara kita, bila nak buat undang-undang yang menyentuh kuasa-kuasa negeri dan tangani negeri-negeri di Semenanjung itu secara berlainan dengan ditangani negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Silakan.

Dr. Haji Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan ini kerana semasa membahaskan Rang Undang-undang Penswastaan Air dulu ada beberapa Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan - yang datang daripada Sabah dan Sarawak, kenapa tidak disekalikan Sabah dan Sarawak? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan tentang Kumpulan Wang Perbadanan ini. Sebenarnya Kumpulan Wang Perbadanan ini digunakan untuk apa? Apakah ia akan digunakan sebagai subsidi untuk syarikat-syarikat yang mendapat kontrak mengurus sisa pepejal ini ataupun boleh dimohon oleh PBT yang sebelum ini mengalami kerugian kerana mengurus sisa pepejal ini. Boleh tak, sebab saya tahu di Majlis Perbandaran Batu Pahat mereka menghadapi masalah seperti ini. Jadi bolehkah maksudnya majlis-majlis perbandaran ini memohon menggunakan juga Kumpulan Wang Perbadanan ini untuk membayar hutang?

Saya membangkitkan di sini juga tentang menubuhkan syarikat, di mana perbadanan ini berkuasa untuk menubuhkan syarikat. Apakah ini bermakna bahawa anak syarikat kepada perbadanan ini akan terlibat mengambil kontrak untuk mengurus sisa pepejal ini. Sekiranya dia juga mengambil kontrak, maka sudah tentu akan berlaku monopoli atau dengan kata lain, saya bimbang nanti soalnya ialah perbadanan ini akan kehilangan fokusnya dari segi mentadbir dan menguatkuasakan. Ini saya perlu penjelasan tentang menubuhkan anak syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat? Sebab kalau boleh sebelum kita tangguh pukul satu saya nak beri peluang kepada Dato' Ridzuan dan Tuan M. Munusamy.

Dr. Haji Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membangkitkan satu lagi ialah mengenai isu tanah. Isu tanah ialah isu yang sering menimbulkan masalah kepada

penduduk kampung dan dari segi ini apakah perbadanan ini nanti mempunyai kuasa untuk menentukan tanah mana yang mereka mahu, yang paling sesuai untuk dibuat ataupun dijadikan sebagai *sanitary landfill* ini.

Saya berharap perbadanan dalam memilih tanah ini biarlah jangan menimbulkan sebarang konflik kepada masyarakat kampung. Sebab itu saya kata tadi faktor tempatan harus diberi perhatian. Jangan nanti maksudnya, bila membuat sesuatu dalam keadaan mereka tidak faham teknologinya itu sebab mereka takut berulang masalah yang lama iaitu teknologi yang lemah, tidak berkualiti, membawa kesan bau dan sebagainya. Maka sebab itulah perbadanan bagi saya harus berhati-hati dalam soal tanah yang mahu dijadikan sebagai *sanitary landfill* ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal penguatkuasaan, dalam rang undang-undang ini menyebut bahawa PBT akan turut berperanan dalam segi penguatkuasaan. Saya tidak tahu bahawa apakah ini wajar sebab sekarang ini pun PBT gagal dari segi penguatkuasaan. Maksudnya kalau perbadanan ini juga menggunakan tenaga PBT saya tidak merasa ada jaminan dan segi penguatkuasaan nanti, bahawa pengurusan sisa pepejal ini berjalan dengan baik. Sekarang ini pun banyak kilang haram dan sebagainya yang tidak boleh dikendalikan oleh PBT. Apatah lagi kita tidak ada satu pindaan rang undang-undang tentang kakitangan PBT ini yang tak boleh kita tukar-tukarkan daripada satu negeri kepada negeri yang lain, akhirnya mereka menjadi satu 'mafia' di PBT berkenaan dan tidak boleh lagi diubahlah dari segi mental dan sebagainya. Ini yang banyak menimbulkan masalah sebenarnya.

Satu perkara lagi yang ingin saya bangkitkan ialah soal dana RM1 bilion yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri. RM1 bilion ini ialah untuk apa sebenarnya? Apakah RM1 bilion ini akan dimasukkan di dalam Kumpulan Wang Perbadanan yang saya sebutkan tadi, ataupun sebenarnya digunakan untuk membantu syarikat-syarikat ini untuk memulakan perniagaan, kalau mereka mendapat kontrak ini.

Sebab itulah saya mengatakan tadi bahawa biarlah syarikat ini adalah syarikat yang kukuh, yang kuat yang boleh menggunakan seperti PFI dan sebagainya tidak bergantung kepada subsidi kerajaan.

■ 1230

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah tentang cara memilih syarikat yang akan berperanan untuk mengendalikan ataupun menguruskan *sanitary landfill* ini. Saya berharap biarlah ia berlaku dengan telus dan pastikan bahawa mana-mana yang sebelum ini sudah pun diberi peranan tetapi gagal, jangan kita seolah-olah hendak bagi pertimbangan lagi kepada mereka. Biarlah tegas. Sebab itu saya katakan bahawa syarikat yang benar-benar berkeupayaan dan mempunyai *track record* yang baik. Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, lupa, ada satu lagi yang terakhir.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terkejut tadi bila Yang Berhormat ada menyebutkan ada mafia di PBT-PBT. Saya ingin bertanya di manakah ataupun di PBT manakah wujudnya mafia-mafia tersebut dan bagaimana hendak mengatasi kewujudan mafia. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Apa yang saya maksudkan mafia itu buka maksudnya gengster tetapi *mental block* pada pegawai tersebut sebab dia sudah duduk di situ selama 20 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Macam ungkapan *little Napoleon* lah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Betul Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sebab sudah *mental block*. Bukan lagi *mental block* jadi blok batu bata, terlampau keras dan sudah tidak boleh lagi apabila kita suruh buat ini dia tidak akan buat sebab dia sudah lama di situ tidak ada berubah angin maksud saya.

Sebab itulah kenapa saya kata bahawa kalau sekiranya PBT juga diberi tugas untuk penguatkuasaan saya rasa ragu-ragu sedikit kerana pengalaman kita dengan apa yang berlaku di PBT sekarang contohnya di Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Yang akhir sekali tentang caj ini. Kita tahu apabila dilakukan oleh satu operator sudah tentulah kalau saya lihat di Kuching itu dengan *garbage bin* nya yang memang moden, satu warna mesra alam maksudnya dengan sistem yang terurus sudah tentulah caj akan dikenakan kepada pengguna. Saya harapkan caj ini atau fi ini mestilah adil dan tidak membebankan.

Walau bagaimanapun kita setuju fi dikenakan sebab ini adalah tanggungjawab bersama oleh orang ramai untuk memastikan mereka mendapat perkhidmatan yang lebih baik dan saya mengharapkan perbadanan ini akan berjaya mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal ini kerana ini adalah tanda sebagai indeks untuk membuktikan bahawa negara kita adalah negara maju jika sekiranya kita boleh mengurus sisa pepejal dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

12.33 tgh.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Semalam kita telah membahaskan mengenai perkara yang sama iaitu Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, hari ini kita perlu membahaskan mengenai Rang Undang-undang Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 iaitu sebuah badan berkanun yang akan ditubuhkan untuk menguruskan sisa pepejal dan juga perbadanan awam ini dengan baik dan berjalan lancar dan juga mempunyai kuasa dalam menguatkuasakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Semalam itu *enabling law* atau ... [*Masalah sistem pembesar suara*] la membuka pintu bagi dibolehkan rang undang-undang hari ini dibentangkan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Sebab itu saya juga amat bersetuju kerana perbadanan ini akan mengambil alih tugas-tugas PBT bukan kita swasta kan atau pun tukarkan PBT itu menjadi perbadanan. Hanya sebahagian daripada pengurusan sisa pepejal yang dibuat oleh PBT itu dijadikan tugas dalam perbadanan.

Saya juga tadi dimaklumkan oleh Yang Berhormat bahawa selain daripada perbadanan, kita juga akan mewujudkan satu jabatan iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal yang semalam Yang

Berhormat Menteri telah memberitahu kita bahawa akan wujud banyak jawatan-jawatan baru dalam jabatan ini. Selain daripada itu saya suka hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini menyentuh mengenai beberapa fasal-fasal dan juga bahagian-bahagian yang telah tertera dalam rang undang-undang ini.

Saya amat bersetujulah dan saya kira baguslah kalau kita mewujudkan perbadanan ini dengan kaedah yang lebih efisien, yang lebih baik, yang lebih baru kerana selama ini pengurusan yang kita buat secara *ad hoc* kerana ini kita mengambil masa yang begitu lama sembilan tahun dan akhirnya kita mengambil keputusan untuk mewujudkan satu perbadanan.

Yang paling penting bagi saya sebuah perbadanan yang mempunyai keanggotaan pengurusan tertinggi dan pengurusan bawahan yang kita selalu sebut mereka inilah yang bertanggungjawab untuk memajukan dan menyelesaikan masalah yang berlaku di dalam sesebuah perbadanan. Kita telah mengalami masalah atau kita telah dengar beberapa perbadanan telah mengalami kemerosotan, mengalami kerugian dan akhirnya kerajaan terpaksa mengambil alih atau kerajaan terpaksa membayar hutang-hutang perbadanan tersebut.

Soal integriti, soal perjalanan dan ketelusan tugas-tugas ini saya percaya perlu ditekankan kerana dalam sini disebutkan setiap anggota pentadbiran ini sama ada pengerusi ataupun CEO nya akan dikehendaki untuk ada akaun berkanun. Ini bermakna mereka akan dikehendaki untuk mengangkat sumpah dan sebagainya supaya tidak ada kepentingan peribadi. Jika mereka ada kepentingan peribadi, mereka kena berbalik mengikut peraturan. Jika ada soal *conflict of interests* misalnya saudara mara mereka terlibat memasuki tender tersebut, mereka tidak perlu berada di tempat itu ataupun mereka haruslah mengisytiharkan kepentingan mereka.

Perkara seterusnya yang saya suka hendak sebut di sini, tadi Yang Berhormat Dr. Puad sudah sebut mengenai penubuhan syarikat. Yang lepas-lepas yang kita lihat di perbadanan negeri-negeri banyak mereka dibenarkan menubuhkan syarikat-syarikat sehingga terpaksa bersaing dengan kontraktor-kontraktor bumiputera dan kontraktor-kontraktor lain. Mereka tidak dapat cari makan kerana bila ada satu projek di dalam perbadanan itu, maka lebih cenderung atau lebih suka bagi kepada anak syarikat kerana mahu melihat anak syarikatnya hidup.

Di dalam Perbadanan Pembangunan Sisa Pepejal ini, saya fikir ia tidak akan berlaku kerana kalaulah perkara ini dibenarkan maka berbaliklah dengan masalah asal kita. Kalau hendak diswastakan atau hendak diberi sesuatu kerja, perlu diberi kepada syarikat konsesi. Bukannya kepada syarikat yang ditubuhkan oleh perbadanan. Tidak boleh perbadanan menubuhkan syarikat dan syarikat ini menguruskan apa yang diuruskan oleh syarikat konsesi.

Selain daripada itu apa yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dr. Puad tadi mengenai kewangan. Saya suka hendak sentuh kerana satu bilion dalam tempoh dua tahun. Saya percaya satu bilion ini akan diagih-agihkan kepada yang pertama untuk mentadbirkan perbadanan. Yang kedua untuk menguruskan beberapa cawangan di negeri-negeri. Saya difahamkan lebih kurang 40 hingga 50 akan dibuat cawangan di negeri-negeri.

Saya percaya selepas dua tahun ini kita tidak akan ada masalah lagi kerana dua tahun ini mungkin kita sudah mengalami masalah sembilan tahun yakni satu bilion untuk dua tahun. Kalaulah, ini duit rakyat satu bilion ini, sebab itu saya *concern*, saya prihatin mengenai ini. Kalau satu bilion ini dalam tempoh dua tahun kita tidak dapat menyelesaikan masalah yang telah lama iaitu sembilan tahun kita berhadapan dengan masalah ini, lepas itu satu bilion tidak selesai dalam masa dua tahun, kita akan menghadapi lagi dan kita tambah lagi satu bilion untuk dua tahun yang akan datang.

Ini suatu perkara yang amat tidak baik. Jadi saya fikir apabila tertubuhkan perbadanan ini kelak kita minta berhati-hatilah kalau kita hendak menentukan suatu perkara yang melibatkan kewangan. Dari segi pelaburan, kita juga tidak mahu menjadi suatu perbadanan yang bermasalah kerana hendak melabur biarlah pelaburan itu menguntungkan kerana seperti yang kita dengar umpamanya IWK misalnya dia dibagi tempat, satu tanah *oxidation pond* kawasan yang besar tetapi mereka hanya menggunakan kawasan yang kecil kerana teknik sekarang ini *oxidation* yang besar itu ditukar kepada mekanikal menjadi kawasan kecil.

▪ 1240

Kawasan yang selebihnya dibuat bangunan. Buat bangunan kemudian perkara tidak selesai. Bangunan mereka kaut keuntungan, tetapi akhirnya diserahkan balik kepada Khazanah. Tuan Yang di-Pertua, perkara perjawatan. Saya difahamkan bahawa akan dilantik seorang pengerusi yang mempunyai pengalaman dalam bidang ini dan juga seorang CEO yang mahir dalam bidang sisa pepejal dan pembersihan.

Saya lihat kalau kita perhati hari ini, trend hari ini mana-mana perbadanan atau syarikat GLC yang dipunyai, yang ada kaitan dengan kerajaan, mereka mengambil pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang hampir hendak bersara. Jadi, saya hendak mencadangkan di sini kalau bidang pengurusan sisa pepejal dan pengurusan ini memerlukan kelayakan dan juga pengetahuan teknikal kenapa kita hendak ambil orang sudah hampir hendak pencen? Kenapa kita tidak bagi tenaga muda yang umurnya...

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa Yang Berhormat paling kiri kanan tadi itu?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya dengar macam orang hendak bangun hendak bertanya. Jadi, kenapa kita tidak mahu ambil? Kita asyik-asyik fikir kalau ini saya percaya. Kalau berkaitan dengan Kementerian Perumahan dengan Kerajaan Tempatan mesti ambil bekas KSU. Betul tak? Tidak adakah orang lain? Saya percaya kalau diberi peluang kepada tenaga profesional ataupun dalam Dewan Negara ini banyak yang tenaga profesional. Yang bercakap semalam pun ada banyak yang tahu bidang ini.

Jadi, kenapa kita tidak bagi peluang kepada mereka ini kerana mereka lebih tahu. Mereka ini terlibat secara langsung. Bukan hanya pandai mentadbir. Kalau pandai mentadbir, dia pandai mentadbir tetapi kewangan dia tidak pandai. Akhirnya apabila tidak pandai kewangan, bila tender anak saudara dia masuk, adik-beradik dia masuk, itu disebut kepentingan peribadi.

Selain daripada itu kakitangan, saya lihat perbadanan mana-mana pun ataupun sesetengah jabatan ataupun PBT semuanya bersifat *closed service*. Apa yang membimbangkan saya ini pengalaman saya dalam Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Apabila kita ada satu perbadanan atau pihak PBT atau jabatan yang bersifat *closed service*, maka mereka ini duduk terperuk macam Dr. Puad kata tadi 25 tahun terperuk tidak boleh tukar ke tempat lain. Jadi, kalau boleh dipertimbangkan badan ini supaya kakitangannya apabila sampai masa ataupun tidak mempunyai prestasi yang baik harus ditukar ke tempat lain.

Perbadanan yang ada kaitan dengan jabatan, yang ada kaitan dengan Kementerian Perumahan seperti Jabatan Perumahan Negara atau pihak-pihak PBT yang di negeri-negeri. Mereka ini boleh ditukar. Jangan dia terperuk di perbadanan ini 20 tahun, dia tidak boleh tukar. Sebab itu dia bermaharajalela. Sebab itu dia boleh buat sesuka hati. Dia sudah tahu lubang-lubang semua perkara-perkara yang dia boleh fikir dia ingat bila dia pencen esok dia boleh buat duit. Inilah satu *attitude* yang tidak bagus kepada kakitangan kerajaan.

Saya percaya kita juga tidak mahu jadi macam apa yang terjadi di Jabatan Kastam, Tan Sri Hilal di BPR, kemudian di Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, Jabatan Perpaduan Negara. Ini perkara saya amat prihatin kerana apabila ambil orang luar, pegawai PTD misalnya ambil orang luar duduk di *closed service* ini, mula-mula mereka terima, ini di Jabatan Kastam. Lepas itu mereka fikir hendak naik pangkat susah, asyik-asyik orang luar. Mereka duduk 25 tahun di situ tidak dapat naik pangkat maka mereka buat hal, buat pakatan untuk menjatuhkan ketua.

Ini terjadi di Jabatan Kastam dan BPR dan apa yang berlaku di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, saya amat kesal kerana peraturan ataupun akta, ibu kota yang dibuat itu menteri tidak ada kuasa. *Zero* kuasa, hanya boleh menasihatkan. Yang berkuasa penuhnya Datuk Bandar. Nasib baik baru-baru ini, alhamdulillah kita telah pun membuat satu perubahan yang mana menteri telah pun mempunyai sedikit kuasa untuk mengarahkan Dewan Bandaraya keluar atau pun Datuk Bandar untuk melaksanakan satu tugas. Ini kalau dulu Datuk Bandar dengan menteri langsung tidak boleh bercakap. Langsung tidak boleh berpakat. Menteri arahkan bertulis tetapi Datuk Bandar ikut selamanya.

Jadi, kalau bolehlah hindarkanlah perkara-perkara ini supaya perbadanan ini bersifat perbadanan yang mantap yang boleh menyelesaikan masalah rakyat. Seterusnya, ini bagi yang terakhir, saya fikir tugas jabatan yang disebutkan tadi adakah tugas jabatan ini di atas atau mengarahkan perbadanan kerana tugas jabatan ini macam yang kita ada sekarang ini apabila diswastakan sesuatu jabatan jadi perbadanan, maka kita akan wujudkan benda baru iaitu jabatan. Jabatan ini akan menjadi pemantau.

Kita tidak mahu jadi macam apa yang berlaku sekarang apabila Alam Flora diberi konsesi untuk menguruskan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pengutipan sampah dan sebagainya, mereka tidak dapat menyelesaikan masalah. Semua perkara ini terpaksa di *refer* kepada Jabatan

Pembersihan Bandar. Jadi, masa musim perayaan yang saya sebut semalam, sampah bertaburan, tiga, empat hari orang balik kampung semua orang cuti.

Akhirnya, perkhidmatan Jabatan Pembersihan Bandar ini terpaksa terkantang-kanting untuk menyelesaikan masalah orang ramai. Jadi, kita tidak mahulah jadi jabatan ini tukang kambus benda busuk, tukang cuci najis yang dilakukan kesalahan, kesilapan yang dilakukan oleh perbadanan, jabatan ini pula akan menyelesaikan masalah. Jadi kalau boleh biarlah ianya menjadi jabatan yang *monitor* perbadanan dan menentukan kelancaran perbadanan di masa akan datang.

Selain daripada itu, yang saya rasalah, syarikat-syarikat konsesi yang bermasalah ini apakah jabatan yang bertanggungjawab untuk menarik balik lesen, ataupun hendak menamatkan kontrak ataupun perbadanan yang bertanggungjawab kerana kalau kuasa jabatan lebih tinggi daripada kuasa perbadanan, maka jabatan yang berhak, tetapi kalau perbadanan boleh menarik balik syarikat konsesi yang bermasalah tentang kontraknya, maka perbadanan yang melakukannya. Sikit lagi soalan mengenai, lupa hendak sebut tadi, mengenai CEO dan pengerusi ini.

Kalau ada satu perkara yang perlu diputuskan, apakah kuasa pengerusi ini mengatasi kuasa CEO kerana yang kita tahu sekarang kebanyakan pengerusi ini hebat-hebat belaka. Jadi apabila suatu perkara yang hendak diputuskan kena rujuk dengan pengerusi, tetapi CEOnya hanya buat laporan, yang akan meluluskan pengerusi kerana dia menjadi pengerusi kepada jawatankuasa perbadanan ini. Jadi keseluruhannya saya amat cukup puji dengan wujudnya rang undang-undang ini dan cukup baik dan saya amat berpuas hati dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Susah orang hendak dapat pujian dari Dato' Rizuan ini, tetapi sekarang ni puji di atas pembentangan rang undang-undang ini. Tuan Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk berucap panjang lebar, tetapi hanya beberapa perkara juga saya ingin mendapatkan keterangan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, sebelum itu saya ingin tahu siapa lagi hendak berucap? Pihak Timbalan Menteri pun hendak ambil maklum bila beliau boleh jawab. Siapakah lagi yang akan berucap lepas Tuan Munusamy? Yang Berhormat... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Untuk menjawab dan menggulung. Silakan Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara 11, perbadanan boleh menubuhkan jawatankuasa yang difikirkan perlu yang sesuai, manfaat dan untuk membantu pelaksanaan fungsinya. Perbadanan juga boleh melantik pengerusi dan juga boleh melantik mana-mana orang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.

■1250

Saya ingin tahu apakah fungsi jawatankuasa dan siapakah ahli-ahli yang boleh dilantik oleh perbadanan. Apakah kriteria bagi anggota-anggota yang dilantik dalam jawatankuasa-jawatankuasa

ini. Dalam fasal 17 iaitu fungsi perbadanan, (1)(f) ialah untuk melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal. Saya ingin mengetahui adakah pihak perbadanan mempunyai anggota yang cukup untuk menjalankan penguatkuasaan. Tadi Yang Berhormat Dr. Puad kata pihak PBT juga akan terlibat dalam penguatkuasaan ini.

Sebenarnya penguatkuasaan ini adalah menjadi satu masalah besar di semua peringkat khususnya di peringkat perbadanan dan saya berharap apabila tugas-tugas pelupusan ataupun pengurusan sisa pepejal diambil alih oleh perbadanan ini, penguatkuasaan akan diberi keutamaan supaya perkara-perkara yang menjadi masalah pada masa sekarang dapat diatasi. Oleh itu, saya mencadangkan supaya penguatkuasaan dari pihak perbadanan ini amat penting dan mereka perlulah mengambil kakitangan yang mencukupi dengan latihan yang mencukupi supaya mereka boleh menjalankan penguatkuasaan dengan efisien.

Fasal 17(1)(m) juga mengatakan berkenaan dengan menggalakkan, mempromosi, memudahkan dan merangsang pertumbuhan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal. Saya percaya ini juga termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan Program 3R iaitu *reduce*, *reuse* dan *recycle* untuk memberi kesedaran kepada rakyat tempatan berkenaan dengan penggunaan beg-beg plastik - untuk mengurangkan beg-beg plastik yang menjadi masalah besar. Saya bercadang supaya apabila program promosi ini dijalankan, ia melibatkan NGO-NGO di kawasan tempatan supaya mereka juga boleh menyertai dalam program-program yang dijalankan oleh pihak perbadanan dan juga pihak PBT.

Satu perkara lagi adalah berkaitan dengan fasal 17(1)(p) iaitu untuk menentukan dan mengenakan fi, caj atau bayaran lain bagi perkhidmatan yang diberikan oleh perbadanan. Saya cuma ingin tahu caj atau fi yang dikenakan oleh pihak perbadanan ini, siapa yang menentukan? Adakah ini pihak menteri akan meluluskan ataupun adakah perbincangan akan diadakan dengan pihak PBT dan juga pihak kerajaan sebelum caj dan fi dikenakan atau akan dinaikkan?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan.

Tuan M. Munusamy: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan, adakah nanti akan ada dua fi iaitu satu fi untuk PBT dan satu pula fi untuk perbadanan yang menjalankan kerja-kerja menguruskan sisa pepejal ini. Minta pandangan.

Tuan M. Munusamy: Saya percaya pihak kementerian boleh menjawab soalan ini. Ini sajalah satu, dua perkara. Saya percaya bahawa perbadanan ini yang akan menjadi satu badan nasional dengan beroperasi di seluruh negara demi kepentingan rakyat dan negara. Dengan pegawai-pegawai dan kakitangan baru atau yang diberi latihan semula, saya berharap perbadanan ini akan berfungsi dengan lebih efisien, dengan sistem *delivery* dan implementasi akan meningkat

sehingga rakyat tempatan akan berpuas hati dan alam sekitar negara kita akan bertambah baik. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah. 12.55 tgh.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut sama mengalu-alukan rang undang-undang ini dengan menyatakan lebih awal rasa syukur, terima kasih dan tahniah kepada kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana setelah mengalami beberapa masalah, kini telah mempelajari banyak masalah-masalah yang ada hubungannya dengan pengurusan pelupusan sisa pepejal dan pembersihan awam, kita telah dapat mengemukakan kepada Dewan ini dua rang undang-undang. Yang pertama ialah Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dan yang berhubung dengannya seperti yang sedang kita bahaskan ialah Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin Tuan Yang di-Pertua, kerja ini telah kita amanahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) tetapi oleh kerana masalah-masalah tertentu, ada dua tiga sebab yang disebut kelmarin yang pertama misalnya...

Tuan Yang di-Pertua: Saya dapat menghayati kelegaan yang dirasai oleh Yang Berhormat sebab sejarah PBT dalam negara kita atau dalam bahasa Inggerisnya, *has a checkered history*. Dalam sejarah kita [*Gangguan sistem pembesar suara*] Dianggotai oleh mereka yang dipilih [*Gangguan sistem pembesar suara*] Tetapi pada satu ketika kacau sangat [*Gangguan sistem pembesar suara*] Sangat. Kaedah itu ditinggalkan. Jadi bermakna dalam 50 tahun kita wujud sebagai negara, PBT ini paling tidak *has a checkered history*. Jadi saya dapat menghayati sentimen leganya dengan rang undang-undang yang dipertimbangkan ini.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya rasa sebahagian daripada pengalaman-pengalaman Yang Berhormat dalam jawatan-jawatan yang lalu memberi gambaran seperti apa yang disebutkan tadi. Walau bagaimanapun, oleh sebab masalah yang kita hadapi Tuan Yang di-Pertua ialah pengurusan pelupusan sisa pepejal dan membersihkan kawasan alam sekeliling kita, maka kita rasa perkara ini yang semakin mencabar sebenarnya. Semakin moden kedudukan kita, saya perhatikan semakin mencabar.

Sepatutnya semakin moden kehidupan kita, semakin berpendidikan rakyat kita, perkara ini dengan sendirinya terurus tetapi rupa-rupanya tidak. Manusia yang berpendidikan dan yang mempunyai pendapatan yang lebih baik tidak mengasihi alam ini. Ini perkara yang kita rasa satu hal yang mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu dalam bahasa kita sendiri ada perkataan cerdas, ada perkataan arif, sebab itu ada ungkapan, "*Cerdik tidak boleh menumpang, bodoh tidak boleh diajar*".

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Betul, saya bersetuju dengan apa Tuan Yang di-Pertua katakan itu, "*Cerdik tidak boleh menumpang, bodoh tidak boleh diajar*". Dalam bahasa Terengganu

biasa juga disebut, "*Bodoh sombong*". Sudahlah bodoh tetapi sombong. Ini masalah yang kita hadapi.

Jadi kerana itulah saya rasa kita semua Ahli-ahli Dewan ini mengalu-alukan dengan rasa gembira hadirnya rang undang-undang yang seumpama ini. Seperti sahabat-sahabat yang lain juga, saya tidak bercadang hendak menyentuh banyak. Apa yang saya hendak sebut hanya satu, dua perkara.

Yang pertama berhubung dengan penguatkuasaan. Jadi bila undang-undang yang telah kita luluskan kelmarin akan diberi untuk dikuatkuasakan oleh perbadanan yang rang undang-undang ini kita sedang pertimbangkan sekarang...

Tuan Yang di-Pertua: Masa ada beberapa saat sahaja lagi. Biarlah Yang Berhormat mula dengan ucapan di sebelah petang. Ahli-ahli Yang Berhormat masa cukup, Mesyuarat ditangguhkan. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang. Yang Berhormat boleh sambung semula ketika itu.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah untuk sambung ucapan.

2.32 ptg.

Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung bahas saya yang telah dimulakan pada sebelah pagi tadi, sukacita saya menegaskan bahawa Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang telah kita luluskan kelmarin, dapat kita sebutkan sebagai satu undang-undang yang komprehensif, yang saya kira mencukupi keperluan-keperluan semasa. Dan biasanya, seperti undang-undang yang lain juga dia tertakluk kepada pindaan-pindaan bila berjalan lima, enam tahun, sepuluh tahun dan sebagainya, untuk menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak yang timbul dari masa ke semasa.

Walau bagaimana bagus sekalipun undang-undang ini, tetapi pelaksanaan yang diterajui oleh perbadanan ini, itu yang mustahak. Tindakan dan tidak bertindak perbadanan ini dilihat oleh orang ramai, apatah lagi oleh kumpulan masyarakat yang ada kena mengena dengan pelaksanaan itu. Sama ada tindakan-tindakan atau ketidakbertindakan perbadanan ini, adil atau tidak adil, berlebihan atau mencukupi atau pun bagaimana.

Jadi dalam hal ini, satu aspek daripada pelaksanaan undang-undang ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua seperti Yang di-Pertua sedia maklum ialah penguatkuasaan. Kita berharap perbadanan ini akan mengambil tindakan yang wajar daripada segi pelaksanaan undang-undang atau penguatkuasaan, bila timbul sesuatu masalah. Dalam pemerhatian saya, semakin lama masalah itu dibiarkan, maka semakin rumitlah penyelesaiannya.

Seperti penyakit, Tuan Yang di-Pertua, bila kita biarkan, dia berlarutan walaupun telah dikenal pasti akan di *diagnosis* penyakit itu tetapi tidak segera diubati, ia akan sampai ke satu peringkat bahawa penyakit itu akan mengalami satu masalah iaitu tidak dapat diselesaikan ataupun penyelesaiannya memerlukan kos yang banyak.

Kadang-kadang kalau sesuatu agensi atau perbadanan tidak bernasib baik, kalau dalam menjalankan penguatkuasaannya, ia diturut campur oleh pihak-pihak yang lain. Mungkin barangkali sepintas lalu kita nampak yang akan turut campur ialah PBT itu sendiri, di mana dalam hal ini PBT mempunyai pengalaman yang banyak lebih daripada jabatan-jabatan yang lain. Dan Kerajaan Negeri itu sendiri, kita jangan lupa bahawa perbadanan ini adalah Perbadanan Kerajaan Persekutuan.

Kadang akan menjadi licin, tidak timbul masalah yang banyak kalau kebetulan sebuah negeri itu diperintah oleh parti yang sama seperti Kerajaan Persekutuan, tapi keadaan pada waktu-waktu tertentu akan menjadi rumit apabila Kerajaan Negeri diperintah oleh suatu parti, dan Kerajaan Persekutuan, diperintah oleh suatu parti.

Timbul masalah-masalah yang perlu diselesaikan dengan cara yang sebaik-baiknya, yang memerlukan diplomasi barang kali, supaya pertelingkahan tidak merugikan orang yang sepatutnya mendapat manfaat daripada penyelesaian masalah itu. Ini saya nampak yang perlu diambil ingatan baik-baik oleh perbadanan ini.

Perbadanan ini Pengerusinya, atau Ketua Eksekutifnya atau pegawai-pegawai juga tidaklah boleh berasa bangga kerana kebetulan ia sebuah Perbadanan Kerajaan Persekutuan yang kuasa-kuasa yang tertentu boleh mengatasi peraturan-peraturan yang dibuat oleh negeri atau pun peraturan-peraturan yang dibuat oleh PBT, yang mengatakan bahawa oleh kerana dia adalah Persekutuan, dia sepatutnya mendapat keutamaan, atau beberapa keutamaan ataupun kerana dia perbadanan yang ditunjang oleh Kerajaan Persekutuan maka kuasa-kuasa itu berlebihan.

Satu perkara lagi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah pelaksanaan atau pentadbiran menggunakan kuasa. Itu juga tidak kurang pentingnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya saya nak sebut berhubung dengan pemilihan tapak pelupusan sampah atau sisa pepejal ini. Seperti sahabat-sahabat yang lain juga, daripada hari kelmarin dan hari ini juga menyebut hal ini. Pemilihan ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mustahak.

Berdasarkan pengalaman Pihak Berkuasa Tempatan, dipilih satu tempat, tetapi oleh kerana pembangunan di kawasan itu pesat dan tidak dilihat oleh orang yang membuat rancangan dahulu, kita dapati projek-projek perumahan dan sebagainya datang menghampiri tempat pelupusan sampah ini. Dan akhirnya orang akan mengatakan bahawa yang salahnya, yang menjadikan *freak* nya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua ialah tempat membuat sampah itu. Dia sudah melupakan bahawa selama ini di sekitar kawasan itu tidak ada penduduk, tidak ada perumahan dan sebagainya. Jadi yang datang, datanglah ke tempat itu.

■ 1440

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, barangkali ingat kerana kita dari Terengganu, Yang Berhormat, satu kawasan kilang papan lapis, *plywood*, telah didirikan di satu tempat yang kemudiannya mengeluarkan asap hitam, menyusahkan, kadang-kadang melemaskan murid-murid di beberapa buah sekolah di sekeliling itu, sedangkan sekolah-sekolah ini didirikan kemudian, tetapi oleh kerana tempat di sekitar kilang papan lapis ini molek, sesuai dengan kawasan sekolah difikirkan, maka didirikan. Akhirnya yang disalahkan bukan pihak sekolah, bukan pihak pejabat pelajaran, tetapi yang disalahkan ialah kilang itu. Mereka mengharap kilang itu mestilah berusaha untuk mencari jalan supaya asap hitam itu tidak tersembur ataupun tidak sampai ke kawasan sekolah. Ini satu perkara yang payah hendak dibuat. Saya rasa pemilihan ini satu hal yang mustahak. Begitu juga halnya dengan pelupusan ini.

Satu lagi perkara yang ada hubungannya dengan tempat ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ialah teknik. Kerajaan Persekutuan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, khususnya baru-baru ini telah menyatakan kepada kita bahawa tempat hendak mendirikan *incinerator* di Borga atau di Broga, nama itu saya tidak tahu tepat.

Timbalan Yang di-Pertua: Di Broga.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Di Broga, terima kasih. Dibatalkan kerana harganya, kosnya terlalu tinggi, hampir-hampir RM2 bilion, tetapi sehari selepas itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor menyatakan Kerajaan Selangor akan mendirikan sebuah *incinerator*. Kerajaan Terengganu mempunyai pengalaman dalam hal *incinerator* ini.

Selepas daripada pertimbangan harga, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa menggunakan teknik *incinerator* ini pun satu perkara yang harus diberikan perhatian. Dalam negara kita, terutamanya negeri-negeri sedang membangun seperti Selangor ini, tanahnya semakin lama semakin sempit. Dalam erti kata, tanah-tanah yang boleh digunakan untuk pembangunan, mendirikan rumah, kilang-kilang dan sebagainya semakin hari semakin kurang.

Namun pembuangan sampah, pelupusan sisa pepejal harus dilakukan juga dan bertambah banyak dengan bertambah banyaknya kilang, bertambah banyaknya penduduk dan sebagainya. Mahu tidak mahu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah memberikan perhatian kepada kaedah-kaedah moden ini. Mungkin barangkali di tempat-tempat yang tertentu di mana tanah masih banyak, kita boleh mencari tempat-tempat pelupusan yang jauh daripada orang ramai walaupun kos untuk membawa sampah dan sebagainya ke tempat itu lebih mahal, tetapi kita memikirkan keselamatan dan kita berpandangan lebih jauh, jadi kita rasa tempat itulah yang lebih sesuai. Mungkin sekurang-kurangnya selama 25 tahun.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah baik pada hemat saya kepada perbadanan ini. Kepada perbadanan ini memikirkan juga teknik-teknik moden yang sesuai dengan kehidupan negara kita yang hari demi hari menuju ke arah pembangunan dan kehidupan moden. Apa salahnya kalau kita belajar daripada negara-negara maju. Apa salahnya perbadanan ini

menghantar pegawai-pegawainya untuk belajar, meninjau bagaimana negara-negara lain menyelesaikan dan menguruskan masalah ini, Tuan Yang di-Pertua. Itu harapan kita.

Walau bagaimanapun, walaupun Kerajaan Persekutuan membatalkan pembangunan ataupun penubuhan *incinerator*, sayalah secara peribadi mengalu-alukan semacam komitmen yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor untuk mewujudkan *incinerator*. Setidak-tidaknya boleh kita belajar walaupun mungkin *scale incinerator* yang hendak dibangunkan itu lebih kecil, harganya lebih murah, tetapi pada hakikatnya *incinerator* boleh kita cuba menyelesaikan masalah kita seperti apa yang disebut-sebut sedang dilaksanakan di Kuching.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong perbadanan ini mengenakan sesuatu fi atau bayaran tertentu. Kita tidak berniat mencadangkan supaya kerajaan, khususnya perbadanan seperti ini memberatkan rakyat, tetapi kita perlulah memberi kesedaran, dengan perkataan yang lebih tepat, mendidik rakyat kita supaya sama-sama memikul tanggungjawab menyelesaikan masalah ini, menguruskan dengan baik sisa pepejal dan menguruskan dengan baik pembersihan awam ini kerana kalau dihalusi dalam analisis yang terakhir, *the final analysis*, dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang mengotorkan tempat itu adalah rakyat, orang ramai. Kerana itu kerajaan terpaksa berbelanja untuk menyelesaikannya.

Seguni sampah tidak ada harganya. Mungkin barangkali harganya kalau pun ada mungkin hanya beberapa sen sahaja, tetapi menguruskan, membuang, melupuskan seguni sampah jauh lebih mahal daripada seguni sampah itu sendiri. Ini yang hendak kita tekankan kepada rakyat kita supaya sama-sama bertanggungjawab. Jadi untuk menunjukkan rasa tanggungjawab kita bersama, apa salahnya kita bayarlah sedikit sebanyak *fees* ataupun bayaran, tetapi apabila kita telah menyediakan rakyat dengan rasa tanggungjawab yang seumpama ini, janganlah sekali-kali perbadanan mengambil kesempatan mengenakan caj ataupun fi yang tidak patut ataupun dalam masa dua, tiga tahun, berkira-kira untuk menaikkan fi oleh kerana perbadanan ini tidak membuat untung dan sebagainya.

Kita tahu perbadanan seumpama ini bukanlah matlamatnya membuat untung. Matlamatnya yang pertama, yang penting ialah menguruskan masalah ini sebaik-baiknya, masalah yang kita telah pelajari daripada kegagalan sedikit sebanyak oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) kita. Saya tidak menyalahkan pihak berkuasa tempatan sebab kita tahu, kita perhatikan bahawa pihak berkuasa tempatan kita kekurangan kakitangan, kekurangan pengalaman, kekurangan kuasa-kuasa seperti yang akan diberikan oleh perbadanan ini. Sebenarnya kerja-kerja telah dijalankan sebaik-baiknya.

Pertanyaan kita, Tuan Yang di-Pertua, adakah perbadanan yang kita sedang timbang dalam rang undang-undang ini dengan kuasa undang-undang yang telah kita beri kelmarin, boleh berbuat sesuatu yang lebih baik kepada rakyat negara kita ini. Ini masalah yang hendak kita tekankan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita berharap perbadanan ini juga bersama-sama tentulah dengan badan-badan yang lain, dengan agensi yang lain, dengan jabatan yang lain, sama-sama terlibat secara aktif dalam pendidikan, khususnya dalam mencintai ataupun dengan secara yang lebih luas kita kata mencintai alam sekitar, mencintai sungai, mencintai tempat-

tempat awam, lapangan-lapangan hijau, kawasan perumahan, sekolah dan sebagainya. Mungkin barangkali satu subjek khusus mengenai mencintai alam sekeliling atau alam sekitar ini dapat dimasukkan ke dalam kurikulum pelajaran di sekolah kita tapi saya tidak tahulah hari ini, kerana baru-baru ini apabila dicadangkan supaya subjek yang ada hubungannya dengan rasuah hendak masukkan sekolah, Menteri Pelajaran kata "Sorry, tidak dapatlah dan tidak sesuai". Sebelum itu pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mencadangkan subjek sastera dimasukkan, Yang Berhormat Menteri Pelajaran kata "No way, mustahil untuk masukkan". Ertinya kokurikulum sudah begitu padat.

■1450

Walaupun bagaimanapun, kalau kurikulum itu sudah begitu padat, kokurikulum mungkin dapat memberi sedikit peluang di mana kegiatan-kegiatan yang bersifat pendidikan yang ada hubungannya dengan mencintai alam sekeliling ini dapat kita masukkan, ertinya dari awal lagi, dari tahun satu lagi, dari prasekolah lagi, dari tadika lagi subjek yang mustahak ini kita ajar kepada anak-anak kita. Bahawa mencintai alam sekeliling sama pentingnya dengan mencintai diri sendiri. Mengotori, mencemari alam sekeliling, mengotori, mencemari diri kita sendiri. Sampai kepada peringkat itu saya rasa, insya-Allah masalah-masalah yang selama ini kita hadapi dan kadang-kadang tenggelam punca kita hendak menyelesaikannya, boleh kita selesaikan dan kita dalam perjalanan untuk menjadi sebuah negara maju.

Perkara yang terakhir yang saya hendak sentuh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai perbadanan ini. Adakah ia merupakan satu perbadanan yang dalam beberapa hal dirujuk untuk mendapat sesuatu keputusan. Misalnya katakanlah sebagai contoh, sebuah syarikat hendak melaksanakan satu projek perumahan. Di antara jabatan-jabatan yang selama ini kita tahu dirujuk ialah Pejabat Tanah, Jabatan Alam Sekitar, TNB dan beberapa buah jabatan lain untuk mendapatkan tidak banyak, cuma dua patah perkataan sahaja, "tiada halangan". Kadang-kadang untuk mendapatkan dua patah perkataan "tiada halangan" ini, ia memerlukan mengambil masa bertahun-tahun.

Jadi dalam hal ini, adakah perbadanan ini akan dirujuk untuk mendapatkan perkataan "tiada halangan" pada mana-mana satu cadangan projek terutama yang ada hubungannya dengan perkara-perkara pelupusan ini dan sejauh mana mengikatnya, *binding* nya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "tiada halangan" yang diberi keputusannya oleh perbadanan ini atau ia hanya merupakan satu pandangan sahaja yang tidak mengikat. Ertinya bila-bila masa sahaja orang boleh melupakan pandangan yang diberikan oleh perbadanan ini. Saya tidak nampak ada dalam ini, mungkin ada barangkali... baca sepintas lalu di situ, tidak memberikan peluang kepada saya untuk pergi secara khusus kepada perkara yang seumpama ini.

Jadi, dengan pandangan-pandangan itu, saya mohon ikut sama menyokong rang undang-undang ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

2.54 ptg.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk sama-sama dalam rang undang-undang walaupun mungkin isu yang saya hendak timbulkan hanya sedikit sahaja. Pertama-tamanya izinkan saya mengucapkan takziah kepada keluarga anggota Tentera Udara Diraja Malaysia yang telah pun terkorban baru-baru ini. Mereka adalah merupakan wira kepada negara sebenarnya.

Saya juga ingin merakamkan tahniah kepada kementerian kerana pada saya rang undang-undang ini amat wajar dan munasabah. Rang undang-undang ini bertujuan untuk memberikan satu peruntukan untuk memperbadankan sebuah *corporation* bagi menangani sisa pepejal yang dibuang sama ada oleh pihak orang persendirian, syarikat ataupun dari industri.

Tuan Yang di-Pertua, semua tahu bahawa kesan sampah sarap inii menyebabkan penyakit. Ia juga antara faktor-faktor utama menyebabkan banjir kilat dan ia daripada sampah sarap ini jugalah boleh menjadikan seseorang itu kaya kerana bila di kitar semula, banyak jualan-jualan yang boleh dibuat daripada sampah sarap ini. Selain daripada itu, sampah sarap juga boleh mengancam keselamatan negara kita kerana berbagai-bagai penyeludupan boleh dibuat ke atas pembuangan-pembuangan sampah ini.

Merujuk kepada Bahagian III, saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya sistem ini lebih berkesan, Kementerian hendaklah memberi pengetahuan,, pendidikan, mengajar kepada pengguna. Saya mohon kepada kementerian, buat satu peraturan dan hendaklah dikuatkuasakan kepada pengguna supaya mereka tahu menggunakan, membuang sampah dengan cara yang lebih teratur. Saya juga ingin mencadangkan supaya diwujudkan satu sub stesen pembuangan sampah di setiap kawasan perumahan seperti yang dilakukan oleh TNB, maknanya tidak perlu hendak cari tempat dumping, tidak ada penggunaan lori yang kadang-kadang membawa sisa-sisa yang boleh membawakan bau busuk dan sebagainya kerana di Malaysia ini kebanyakan sisa-sisa kita ialah sisa-sisa yang berair kerana kita makan macam-macam, kari ada, asam pedas dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan supaya satu sub stesen hendaklah dibuat di setiap kawasan perumahan ataupun digabungkan kawasan-kawasan perumahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ingin ditimbulkan di sini ialah berhubung fasal 17(1)(l), perbadanan berfungsi untuk menggunakan semua harta alih dan tak alih perbadanan mengikut apa-apa cara sekalipun, apa cara yang difikirkan sesuai manfaat oleh perbadanan termasuklah menggadaikan harta itu bagi mendapatkan pinjaman. Berdasarkan peruntukan ini, pihak perbadanan boleh membuat pinjaman untuk menguruskan perbadanan malah segala harta alih dan tak alih milik perbadanan boleh digadaikan bagi tujuan pinjaman tersebut. Isunya apakah Kementerian Kewangan menetapkan satu garis panduan atau cara peminjaman itu dilakukan? Pendapat dan cadangan satu analisa yang menunjukkan bahawa pinjaman itu wajar, perlu dibentangkan dan mendapat kelulusan sebelum permohonan untuk pinjaman dilakukan oleh perbadanan. Ini bagi memastikan bahawa

perbadanan mempunyai pinjaman yang melebihi had keupayaan perbadanan untuk membayar balik dan bagi memastikan perbadanan tidak akan menanggung hutang yang banyak.

Saya juga ingin menyentuh fasal 20, perbadanan dikehendaki menyediakan penyata, laporan akaun dan maklumat. Peraturan ini adalah baik, munasabah dan wajar. Cadangan, walau bagaimanapun adalah wajar pihak kementerian menyediakan satu *dateline* dengan izin, untuk perbadanan menyerahkan penyata atau laporan akaun dan maklumat berkenaan dengan perbadanan secara berkala dalam tempoh tertentu contohnya tiga atau enam bulan selepas *year end* dengan izin, contohnya untuk syarikat-syarikat awam yang disenaraikan dalam bursa saham perlu menyerahkan akaun dan maklumat tertentu selepas tiga bulan akaun tahunan ditutup. Selain itu, format *report* juga hendaklah ditentukan dan perbadanan perlu menyerahkan *report* berdasarkan format yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, inilah dua fasal yang saya kira belum dibawa oleh rakan-rakan yang lain. Dan saya juga ingin mencadangkan bagi ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Datuk Rizuan bangun.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tiada laluan. Tiada laluan bukan tak nak, dah cukup. Datuk Rizuan dah banyak kali cakap, semalam cakap fasal PBT, hari ini hendak cakap fasal PBT, kacau lagi orang!

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Boleh tak, saya hendak betulkan sedikit tadi yang itu, boleh tak?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tidak boleh, tiada laluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya syarikat-syarikat yang dilantik untuk menguruskan sisa pepejal ini, yang dilantik oleh perbadanan ini dijadikan syarikat GLC bagi memastikan pengawalannya dengan lebih baik lagi perjalanan syarikat-syarikat berkenaan kerana hari ini, sebelum di perbadanan pun,, maknanya syarikat-syarikat yang menguruskan sisa pepejal ini, tidak dapat menjalankan tugas ataupun membuat kutipan sampah-sampah yang mana menjadi punca kepada banjir-banjir kilat yang berlaku di seluruh negara pada tahun ini.

■ 1500

Jadi kita harap dengan adanya pengawalan yang lebih teliti insya-Allah masalah-masalah sampah-sarap ini tak lagi kedengaran di mana-mana jua. Dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang bercadang untuk berbahas? Kalau tak ada saya minta pihak Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

3.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan tentang Akta Perbadanan

Pengurusan Sisa pepejal dan Pembersihan Awam. Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawli telah membangkitkan beberapa isu atau lebih baik kita katakan telah memberi beberapa cadangan yang boleh digunakan supaya tujuan dan harapan perbadanan ini dan tujuan dan harapan Akta Pengurusan Sisa Pepejal akan mencapai matlamat dan tujuannya.

Daripadanya ialah di mana pengeluaran sesuatu bahan diberi tanggungjawab supaya mereka boleh dipertanggungjawabkan, supaya 75% daripada bahan pengeluarannya boleh di kitar semula dan untuk mewujudkan atau mensyaratkan terma-terma tertentu semasa kerajaan beri kontrak atau kelulusan untuk sesuatu projek. Beliau pun telah mencadangkan supaya pengecualian atau kekurangan daripada bidang cukai diberi kepada pihak-pihak yang telah memberi bantuan atau ada lebih proaktif di dalam pengurusan sisa pepejal dan untuk memberi tekanan yang lebih banyak untuk bahan-bahan *eco-friendly* iaitu bahan-bahan *green*. Perkara-perkara ini semua akan diambil kira di dalam kementerian dan undang-undang daripada rang undang-undang yang telah dibahaskan semalam dan rang undang-undang yang telah dibentangkan pada hari ini memberi ruang dan kuasa untuk kerajaan untuk mengambil kira dan melaksanakan semua perkara yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Beliau juga telah mencadangkan bahawa kerjasama yang lebih erat mesti ada di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Perkara ini telah ditetapkan, dan perkara ini ialah satu perkara yang berlangsung pada masa sekarang pun di mana di dalam isu-isu berkenaan dengan sisa pepejal di dalam jawatankuasa teknikal dan jawatankuasa yang lain, kedua-dua kementerian ini mempunyai wakil-wakil mereka.

Tentang penggalakan diberi kepada NGO. Perkara ini juga ialah satu perkara yang sedang dibuat oleh kerajaan. Di bawah akta perbadanan ini ada syarat-syarat yang telah memberi kuasa kepada kementerian dan kepada perbadanan supaya mereka boleh menjalankan dan menggalakkan program-program untuk menambahkan kesedaran dan program-program menambahkan pengetahuan di kalangan rakyat supaya terlibat secara lebih baik di dalam bidang pengurusan sisa pepejal. Beliau juga telah mencadangkan bahawa pegawai-pegawai yang di dalam perbadanan ini diberi peluang untuk menjalankan latihan-latihan di universiti-universiti terkemuka supaya kita boleh mewujudkan satu kumpulan profesional yang mempunyai kemahiran yang lebih banyak di dalam hal ini. Perkara ini pun ada di dalam akta di mana akta telah memberi kuasa kepada perbadanan untuk memberi bantuan kepada latihan-latihan yang sedemikian.

Perkara mengenai caj yang akan dikenakan atau fi yang dikenakan untuk pembayaran sisa pepejal. Perkara ini walaupun konsep ada letak di bawah undang-undang, pada masa sekarang pihak kementerian tidak membuat apa-apa keputusan tentang cara mana pembayaran untuk perkara-perkara ini akan dibuat pada masa akan datang.

Satu soalan berkenaan dengan apakah jumlah yang telah dibelanjakan di dalam mengeluarkan atau menggubal undang-undang ini? Jawapannya ialah perkara ini dibuat di dalam

kementerian tanpa apa-apa perbelanjaan. Ada bantuan daripada pihak kami ada lah, tapi ini ialah bantuan daripada kerajaan ke kerajaan dan tidak mengenakan apa-apa perbelanjaan.

Untuk menjelaskan perkara tentang jangka masa yang satu orang satu anggota yang telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa boleh duduk di dalam jawatankuasa iaitu tiga tempoh itu, maksudnya ialah untuk memberi kuasa supaya satu orang secara berterusan tidak boleh jadi ahli jawatankuasa selebih dari enam tahun dan ada ruang kalau ada orang yang mempunyai kebolehan yang baik dan pada masa bila kalau di dalam pandangan kerajaan bantuan beliau masih diperlukan mungkin di masa akan datang beliau boleh masuk ke dalam jawatankuasa sekali lagi.

Untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tentang kemungkinan ada pertindihan di antara PBT dan perbadanan di dalam menjalankan pengurusan sisa pepejal ini, kita berharap perkara ini tidak akan berlaku. Ini kerana apa yang sudah berlaku melalui pemindahan akta ini ialah segala tugas tentang pengurusan sisa pepejal telah diambil alih oleh perbadanan, jabatan, Kerajaan Persekutuan dan akan diuruskan oleh perbadanan melalui pihak-pihak *concessionaire*.

Oleh itu, tugas PBT di dalam hal ini cuma adalah dalam bantu perbadanan, di dalam bidang penguatkuasaan dan tidak ada tugas secara langsung untuk membuat kerja-kerja pembersihan atau kerja-kerja pengurusan sisa pepejal...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan Yang Berhormat.

Dr. S. Subramaniam: Ya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya bukan maksudkan pertindihan antara perbadanan dengan PBT. Apa yang saya maksudkan pertindihan tadi ialah kalau kita tidak berikan penswastaan penuh maksudnya *transportation* orang lain, *collection* orang lain, *disposal* orang lain, maka ini pertindihan. Sebab itu saya kata mesti diberi pada satu operator sahaja dan dibuat semua.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. memang di dalam cadangan yang dibuat sekarang ialah *integrated solution*. Di mana satu pihak *concessionaire* akan diberi tanggungjawab daripada masa pungut sampah sampai dibawa kepada tapak pelupusan sampah. Satu pihak sahaja. Oleh itu isu orang-orang yang lain membuat kerja-kerja ini tidak akan wujud. Yang Berhormat juga ada membangkitkan tentang kegunaan teknologi di dalam bidang pengurusan sisa pepejal dan perkara ini telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Di dalam bidang pengurusan sisa pepejal adalah satu bidang yang paling aktif. Pada tiap-tiap hari, tiap-tiap minggu kementerian kita mendapat pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak swasta dan lain, daripada luar negeri dan dalam negeri dengan cadangan-cadangan dan teknologi-teknologi yang baru. Tugas untuk mengkaji cadangan-cadangan ini ialah satu tugas yang berterusan. Kita mempunyai jawatankuasa teknologi di dalam kementerian yang dianggotai oleh wakil-wakil bukan sahaja daripada kementerian, bahkan daripada universiti, daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Kesihatan yang secara berterusan telah mengkaji segala teknologi baru yang dicadangkan. Kita akan mengambil kira perkara-perkara ini untuk

memastikan bahawa teknologi-teknologi walaupun canggih, yang mempunyai *track record* yang baik, yang telah digunakan, yang telah menunjukkan bahawa perkara ini boleh digunakan akan diterima selepas kelulusan daripada jawatankuasa teknikal ini. Selepas sahaja diluluskan, supaya ia diguna di dalam negara kita.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, *incinerator* telah digunakan di merata-rata tempat di seluruh dunia. Di dalam negara kita, kita masih sekarang tidak berjaya untuk melaksanakan ini kerana satu ialah tentang kesedaran rakyat yang belum sedia terima ini.

■1510

Di mana-mana tempat cadangan telah dibuat untuk membina *incinerator*, ada halangan, ada bantahan daripada rakyat kerana ada rakyat belum sedar, belum boleh terima pandangan atau tidak mencukupi pengetahuan tentang *incinerator*. Oleh itu bila ada NGO atau sosial-sosial *activities* yang mempengaruhi pandangan mereka, mereka menerima pandangan ini lepas itu membuat bantahan. Kita tahu di negara-negara lain....

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat berpendapat yang lebih pejal di sini ialah minda atau *mindset* manusia, rakyat daripada sisa pepejal itu sendiri.

Dr. S. Subramaniam: Contohnya, saya ada diberitahu oleh rombongan kementerian kita yang pergi ke negeri Taiwan. Mereka pergi ke satu *incinerator* di tengah-tengah bandar, *housing estate* dan di atas *incinerator* ini ada satu *revolving restaurant* yang paling tinggi. Kalau you mahu makan di restoran ini you kena tempah awal beberapa minggu, kena tunggu sebelum boleh mendapat tempat untuk duduk di restoran untuk makan. So ,ini adalah fikiran yang berbeza di dalam satu masyarakat ada orang yang sudah terima benda ini kerana mereka telus. Ada *indicator-indicator* yang menunjukkan bahan pengeluaran daripada *incinerator* ini, udara yang keluar dari *incinerator* itu lebih bersih daripada udara yang sedia ada di sekitarnya.

Oleh itu teknologi sudah sampai ke satu tahap yang paling tinggi, tetapi kerana kekurangan pengetahuan, kekurangan kesedaran, rakyat Malaysia belum sedia untuk terima ini. Kita berharap lepas perkara-perkara yang dibuat pada masa sekarang sudah sampai dan dengan wujudnya kempen-kempen kesedaran, maka rakyat akan terima perkara-perkara ini dan kita boleh menggunakan kemudahan-kemudahan yang lebih moden di dalam menguruskan sisa pepejal.

Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu *sanitary landfill* dan pada masa sekarang kedudukan kementerian ialah semua *landfill*, tapak pelupusan yang digunakan adalah *sanitary landfill* yang baru, yang lama kita akan tukar kepada *sanitary landfill* dengan kaedah-kaedah yang baik dan *sanitary landfill* akan mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan baik dan tanah di situ pun akan senang untuk dipulihkan supaya diguna pada masa yang akan datang.

Tentang kebimbangan yang telah ditujukan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan pekerja-pekerja di dalam PBT, apa yang akan berlaku kepada mereka selepas perbadanan dan jabatan mengambil alih tugas mereka, pekerja-pekerja ini akan diberi pilihan, mereka boleh masuk ke

dalam perbadanan atau mereka masih boleh terus dengan PBT di dalam jawatan-jawatan yang lain, tetapi mereka masih akan bekerjalah di satu-satu tempat ikut pilihan mereka.

Kumpulan Wang Perbadanan, ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah bangkit perkara ini dan kumpulan ini adalah kumpulan wang yang disediakan untuk pengurusan perbadanan, untuk segala aktiviti pengurusan perbadanan dan segala aktiviti perbadanan untuk menambahkan lagi mutu pengurusan sisa pepejal, menambahkan lagi pengetahuan sisa pepejal, membuat penyelidikan, siasatan di dalam bidang sisa pepejal, untuk segala aktiviti ini perbadanan memerlukan wang dan pengurusan wang ini akan dibuat oleh Kumpulan Wang Perbadanan yang telah dimaksudkan itu.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang mengapa ada *clause* yang membenarkan perbadanan menubuhkan syarikat. Tujuan menubuhkan syarikat bukan untuk membuat *business* dan mendapat untung, ini bukan tujuan perbadanan. Tujuan perbadanan adalah untuk memberi satu perkhidmatan. Mana-mana syarikat yang akan ditubuhkan ini ada kaitan dengan perkhidmatan yang diberi. Misalnya ada syarikat perunding yang boleh memberi *consultancy* di dalam bidang itu, mungkin syarikat ada kaitan dengan pengurusan sisa pepejal - syarikat-syarikat macam itu. Bukan syarikat-syarikat yang akan bersaing dengan pihak swasta dengan tujuan untuk mendapat keuntungan. Ini bukan tujuan syarikat yang akan ditubuhkan di bawah perbadanan, kerana perbadanan ialah satu perbadanan yang tidak mempunyai tujuan mendapat untung, tetapi untuk memberi satu perkhidmatan di dalam bidang pengurusan sisa pepejal yang mempunyai satu tahap dan mutu yang tinggi. Itu tujuannya. Oleh itu ada sesiapa yang bimbang kerana perbadanan akan menubuhkan syarikat dan syarikat akan melabur di dalam perniagaan dan boleh menghadapi kerugian dan sebagainya, perkara ini tidak perlu wujud.

Berkenaan dengan tanah yang akan digunakan untuk membuat satu tapak pelupusan sampah, lagi sekali keputusan-keputusan macam ini dikaji dengan penuhnya oleh semua pihak yang terlibat dengan kerajaan negeri, dengan pihak berkuasa tempatan dengan Jabatan Alam Sekitar dan semua agensi lain yang sebelum kita buat keputusan. Masa itu kita mengambil kira pandangan oleh rakyat yang duduk di situ sahaja, ahli-ahli politik, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, memberi pandangan mereka dan selepas perkara ini semua sudah diambil kira, satu keputusan diambil supaya satu tapak pelupusan sampah di letak di satu-satu tempat.

Oleh itu masalah tentang membuat keputusan untuk menggunakan tanah yang tidak sesuai ini saya berharap tidak akan wujud. Tentang isu penguatkuasaan selepas perbadanan ambil kuasa, penguatkuasaan yang lebih besar, tanggungjawab ini letak di bawah perbadanan. Perbadanan akan mengambil pegawai-pegawai penguat kuasa dan mereka akan menjalankan tugas penguatkuasaan di seluruh negara dan hal ini mereka akan dibantu oleh penguat kuasa yang tersedia ada di PBT. So, PBT akan menjalankan satu tugas bantu tetapi perbadanan mempunyai penguat kuasa-penguat kuasa mereka sendiri, yang akan diberi latihan yang khusus, yang akan mempunyai kemahiran yang lebih banyak di dalam bidang ini supaya mereka boleh buat satu penguatkuasaan yang lebih efektif untuk memastikan segala harapan undang-undang ini boleh dicapai.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat. Tentang penguatkuasaan ini, Yang Berhormat maklumkan tadi bahawa perbadanan juga mempunyai pegawai-pegawai penguat kuasa. Dalam masa yang sama kita akan meminta bantuan daripada PBT. Sebab saya tadi ada menyebut bahawa PBT ini memang bermasalah dari segi penguatkuasaan, dan jika sekiranya dalam hal ini mereka tidak hendak dengar cakap perbadanan, dia buat tidak tahu sebab saya kata tadi mereka ini sudah jadi macam mafia. Jadi apakah perbadanan boleh ambil tindakan sebenarnya pada PBT ini, kalau dia tidak hendak dengar cakap, tidak mahu membantu, terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, selepas pemindaan akta-akta ini penguatkuasaan dibuat berasaskan kepada Rang Undang-undang Sisa Pepejal. PBT, kalau diminta pegawai mereka, kuasa adalah diberi kepada mereka, dipanjangkan kepada mereka untuk bantu di dalam melaksanakan undang-undang ini, walaupun secara langsung PBT tidak terlibat dengan undang-undang yang digubal sekarang. Oleh itu kalau pihak PBT tidak mahu bantu atau bekerjasama, pihak perbadanan ada kuasa supaya meneruskan tugas penguatkuasaan secara tersendiri oleh perbadanan juga dengan tidak menggunakan bantuan PBT. So, perkara ini boleh dibuat.

Selain daripada itu Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan telah membangkitkan pelbagai isu, saya telah jawab kebanyakan daripada isu-isu ini tentang RM1 bilion yang telah dihebahkan oleh

■1520

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan. Saya minta maaf Terima kasih Timbalan Menteri. Laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Cuma saya hendak pasti, apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Dr. Puad tadi. Sebenarnya benda ini memang betul berlaku. Maknanya kalau PBT tidak memberi kerjasama, adakah perbadanan boleh mengambil apa-apa tindakan kerana hari ini kita tahu antara punca sampah sarap yang berlaku hari ini adalah kerana syarikat yang mengendalikan sistem pepejal ini, umpamanya macam di Johor, SWM tidak dapat menjalankan kerja atau tugas dengan sempurna, tetapi PBT sendiri yang ada kuasa kerana tidak dapat memperbetulkan SWM ini. Ini kerana antara puncanya ialah, PBT itu sendiri gagal membayar wang kepada syarikat SWM ini. Terima kasih.

Dr S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat betul. Oleh sebab itulah mengapa kita memerlukan satu rang undang-undang baru, kerana isu-isu ini. PBT tidak membuat bayaran dan PBT tidak mengambil tindakan. Oleh itu memaksa Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih, bahawa PBT tidak mempunyai kuasa lagi untuk menguruskan sisa pepejal. Ini bukan kerana PBT salah tetapi kerana keadaan yang sudah wujud sekarang. Kos menguruskan sisa pepejal sudah jadi terlampau tinggi, di luar daripada kemampuan banyak PBT. Oleh itu, mereka tidak mampu buat perkara ini. So, Kerajaan Persekutuan dipaksa membuat satu keputusan di mana bantuan akan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui bantuan kewangan dan sebab itulah mengapa kita telah mengambil alih kuasa ini. Oleh itu,

semua keadaan yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah keadaan yang berlaku dahulu.

Sekarang, sebenarnya PBT tidak mempunyai kuasa di dalam hal ini, nombor satu. Nombor dua, pada masa sekarang dan masa dahulu pun, Kementerian Persekutuan secara langsung tidak mempunyai apa-apa kuasa ke atas pegawai yang telah dilantik oleh PBT pada masa sekarang pun. Seorang pegawai di PBT, penguat kuasa kah, pengarah kah, siapa yang tidak membuat kerja, selain daripada memberi nasihat, selain daripada meminta menteri besar atau pihak-pihak melalui Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Kita boleh bangkitkan hal ini dan mendapat pandangan mereka secara langsung. Kementerian atau perbadanan di peringkat Persekutuan tidak mempunyai kuasa ke atas pihak-pihak berkuasa tempatan. Tentang satu bilion..

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan sikit. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan rakan-rakan saya tadi tentang apabila PBT sisa pepejal ini diswastakan, PBT tidak dapat membayar kepada pihak swasta. Maka terjadilah perkhidmatan yang tidak baik. Kalau kita lihat pada hari ini melalui perbadanan ini kerajaan akan memberi satu bilion selama dua tahun. Daripada yang menteri bercakap kelmarin iaitu caj tidak akan dikenakan atau kenaikan caj, apa sahajalah.

Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat, dua tahun satu bilion. Selepas dua tahun, di manakah perbadanan ini akan mendapat kewangan? Kalaulah perbadanan tidak membayar kepada kontraktor-kontraktor ini, maka sudah tentu akan menjadi sebagaimana yang PBT dengan syarikat swasta? Bagaimana penjelasan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih tugas perkhidmatan dan pengurusan sisa pepejal dengan syarat Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa rakyat akan mendapat satu perkhidmatan yang baik daripada masa sekarang. Ini adalah satu janji daripada Kerajaan Persekutuan.

Punca kewangannya, PBT punca kewangan daripada cukai hasil tanah, *1 mean assessment* dan sebagainya sahaja cukai punca pendapatan tetapi Kerajaan Persekutuan memang punca pendapatannya akan berbeza dan ada beberapa perkara yang masih kita sedang bincang dan belum buat keputusan.

Satu ialah berapa banyak kerana PBT masih akan pungut *assessment*, cukai pintu. Daripada Cukai Pintu ini, sekarang lebih kurang PBT menggunakan lebih dari 30 atau 40% pungutan itu untuk menguruskan sisa pepejal.

So Kerajaan Persekutuan akan membuat keputusan daripadanya, berapa peratus akan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan supaya tugas pengurusan sisa pepejal ini akan dibuat? Selepas ini kalau ada lagi, adakah kita akan sampai satu masa di mana seperti yang telah diterangkan oleh menteri semalam, orang-orang, pihak-pihak yang mengeluarkan sisa pepejal yang lebih banyak dari orang biasa ini, mereka akan dikenakan bayaran caj kerana mengeluarkan sisa

pepejal yang paling banyak ini. So semua pungutan dari pelbagai sumber ini akan menjadi sumber, tabung yang akan digunakan untuk bayar balik *concessionaire*.

Oleh itu kita berharap dengan cadangan dan situasi yang baru yang saya telah terangkan, maka masalah kewangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak akan wujud pada masa sekarang...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Laluan...

Dr S. Subramaniam: Apa yang dibuat sekarang, apa yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan, ialah penyelesaian kepada masalah yang ada pada masa dahulu. So, dengan penyelesaian ini, kita berharap isu-isu yang ada pada masa dahulu tidak akan berbangkit lagi sekarang. Ada apa?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan. Terima kasih pihak kementerian. Saya ingin tahu, adakah perjanjian ataupun... macam mana saya hendak cakap ya? Maksud saya, adakah ianya berlaku macam mana perjanjian antara kerajaan dengan PLUS, tol? Maknanya hari ini, tadi kata pihak kementerian bahawa setelah habis duit yang dibekalkan oleh peruntukan kerajaan, mungkin dia akan kepada sesiapa yang lebih menggunakan, yang membuang sisa pepejal, adakah ia menjadi macam itu? Maknanya, hari ini pihak syarikat sentiasa mengatakan rugi, tak cukup, tak cukup, tak cukup. Jadi, maknanya ia akan ditanggung oleh pihak pengguna itu sendiri. Adakah ini akan berterusan macam mana perjanjian yang telah dibuat seperti mana saya kata tadi?

Dr S. Subramaniam: Tadi bila beberapa Ahli Yang Berhormat telah berbahas, mereka semua secara bersendirinya telah menyokong konsep bahawa cukai ataupun fi dikenakan kepada orang yang guna. Ini adalah cadangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi ini bukan fi cadangan yang diberi oleh kerajaan. Menteri telah menjawab perkara ini dengan jelas semalam semasa membentangkan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 bahawa walaupun di dalam undang-undang, ada ruang supaya cukai fi boleh dikenakan, pada masa sekarang kita tidak membuat apa-apa keputusan tentang hal ini. Kita tidak boleh membandingkan tol dengan pengurusan sisa pepejal kerana pengurusan sisa pepejal ialah satu perkara yang holistik di mana selain daripada untuk menguruskan sisa pepejal, kerajaan pun akan mengambil pelbagai jenis tindakan supaya mengurangkan sisa pepejal. Itu pun adalah satu daripada harapan kita semasa menyediakan sistem pengurusan yang baik.

Pada masa yang sama, kita berharap kita akan mengurangkan sisa pepejal dengan mengurangkan kegunaannya, mengurangkan pengeluarannya, menambahkan lagi kitar semula, menambahkan pengetahuan di kalangan rakyat supaya purata atau peratusan kitar semula akan bertambah. Kita berharap kita akan mencapai satu keadaan yang matang di mana pengeluaran ini sudah kurang. Kita semua lihat sudah naik sampai 25, 30, 35 peratus.

So, bilangan pengeluaran sisa pepejal yang pasti di uruskan itu sudah kurang. So, dalam hal ini kita berharap kita akan mencapai satu keadaan di dalam pengurusan sisa pepejal yang setaraf dengan apa yang dilakukan oleh negara-negara yang membangun. Terima kasih.

Dato' Yip Kum Fook: Yang Berhormat, di dalam rang undang-undang ini, kita ada dua perkara. Satu, sisa pepejal dan satu lagi pembersihan awam. Sangat kurang disentuh berkenaan dengan bagaimana hendak menjadikan pembersihan awam ini lebih baik. Adakah perbadanan akan membeli mesin yang lebih *high-tech* untuk membersihkan longkang-longkang di dalam bandaran dan memotong dahan-dahan pokok seperti yang diadakan di luar negara. Sekian terima kasih.

▪ 1530

Dr S. Subramaniam: Pandangan Ahli Yang Berhormat tepat kerana ini ialah harapan kerajaan tapi bukan perbadanan kerana perbadanan ialah pihak yang menyelaraskan. Pihak yang akan menjalankan pembersihan ialah pihak *concessionaire*. Pihak *concessionaire* kita berharap sebelum ini pihak *concessionaire* telah menghadapi pelbagai jenis isu. Satu daripada isu, mereka menandatangani *agreement* dengan pihak-pihak kerajaan tempatan tiap-tiap tahun, bukan secara berpanjangan. Mereka telah menghadapi masalah di dalam mendapat pinjaman dari bank, mendapat modal untuk perniagaan mereka. Oleh itu, mereka tidak boleh membeli alat-alat dan mesin-mesin canggih yang diterangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Berhormat. Kita berharap dengan apa yang akan berlaku bila menandatangani satu *concessionaire agreement* yang tetap *or permanent one*.

Dengan itu mereka ada kemampuan untuk menambahkan tabung mereka atau modal mereka dan dengan luas yang lebih iaitu pada masa sekarang, apa kerja yang dibuat di dalam satu kawasan PBT, tidak boleh keluar kepada satu kawasan yang lain kerana ia terhad di dalam kawasan pihak-pihak PBT. Ertinya tiap-tiap PBT ada menandatangani perjanjian yang berlainan. Sekarang mereka ada kawasan yang lebih luas. Dengan kawasan yang lebih luas daripada segi *economic feasibility*, mereka boleh melabur di dalam jentera-jentera yang lebih moden, lebih canggih kerana ini akan nampak *more cost effective* dan daripada segi itu saya berharap apa yang diharapkan oleh ahli Yang Berhormat akan berlaku selepas undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini RM1 bilion yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri ialah *the kick-off fund* untuk jabatan dan perbadanan untuk mula kerja mereka daripada masa sekarang kerana mahu wujudkan jabatan, mahu wujudkan jabatan perbadanan di tiap-tiap negeri dan mengambil pegawai-pegawai baru dan membayar *concessionaire* daripada segi ada PBT yang ada lagi tunggakan yang belum dibayar. Perkara-perkara ini semua akan diambil kira di dalam RM1 bilion yang telah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri. Itulah tujuan duit itu dan selain daripada itu, ada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara dengan *Chairman* dan CEO. Di dalam undang-undang, *Chairman* dilantik oleh menteri. CEO dilantik oleh menteri tetapi lepas menerima pandangan daripada Lembaga Jawatankuasa Perbadanan. Nampak *Chairman* mempunyai kuasa yang lebih tinggilah di atas kerana daripada segi dasarnya, walaupun CEO akan

menjalankan kerja-kerja harian perbadanan ini sebagai seorang yang diberi gaji dan segala fi, caj kalau dikenakan akan ditetapkan oleh kerajaan melalui jabatan, bukan oleh *concessionaire*. So, kerajaan yang mempunyai tanggungjawab untuk membuat apa-apa keputusan tentang fi, dan berapa banyak.

So, ini ialah tugas kerajaan dan lepas kerajaan menetapkan, bayaran dibuat kepada kerajaan bukan kepada *concessionaire* dan kerajaan yang akan membuat bayaran kepada *concessionaire*. Dan itulah sahaja isu-isu yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ingat saya dah jawab semua daripada isu-isu yang telah dibangkitkan ini dan dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua kerana mengambil bahagian dan memberi pandangan di dalam perbahasan di dalam Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dan saya mohon mencadangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

15.39 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan Yang Berhormat.

Dr S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah suatu akta bagi menyusun semula dan menyatukan undang-undang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Akta ini memberi kuasa kepada PBT untuk menjalankan kawalan jagaan am ke atas semua tempat dalam kawasan pihak berkuasa tempatan. Akta ini juga memberi kuasa kepada PBT untuk mengadakan, menyelenggarakan dan menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan kebersihan bagi membuang dan menghapuskan ataupun bagi menguruskan sampah, bangkai binatang dan segala jenis sampah sarap dan cecair buangan. Di samping itu, di bawah Akta ini pihak berkuasa tempatan boleh membuat, meminda atau membatalkan undang-undang kecil untuk mengadakan, menyelenggarakan dan memaksa penggunaan apa-apa perkhidmatan antara lain untuk membuang atau menguruskan sampah dan juga memelihara tempat-tempat awam supaya bersih dan bebas daripada kekotoran.

■1540

Sehubungan dengan itu di Dewan yang mulia ini pula, kerajaan baru sahaja membentang Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang telah dibahaskan oleh Ahli Yang Berhormat dan telah diluluskan.

Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam tersebut bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi dan mengawal selia sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam bagi maksud menyenggarakan kebersihan awam yang sepatutnya dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Undang-undang tersebut juga memberi kuasa eksekutif kepada Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Susulan daripada ini, sebarang peruntukan yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang wujud di bawah Akta Kerajaan Tempatan perlu dipinda untuk menghadkan kuasa pihak berkuasa tempatan kepada aktiviti pembersihan tertentu sahaja berikutan pengambilalihan perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Kerajaan Persekutuan.

Yang amat penting terutama di peringkat pelaksanaan supaya pihak-pihak yang tertentu terutama PBT dan agensi Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab melaksanakan dan menguatkuasakan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam mempunyai arahan yang jelas tentang bidang kuasa masing-masing. Ia juga memastikan tiada pertindihan kuasa di bawah undang-undang sedia ada supaya pihak yang berkaitan tidak akan menghadapi sebarang kekangan dan halangan ketika menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini Akta Kerajaan Tempatan perlu dipinda supaya kuasa pihak berkuasa tempatan dihadkan kepada aktiviti pembersihan tertentu sahaja. Dalam hal ini hanya dua seksyen sahaja yang terlibat.

Pertama ialah seksyen 72 di mana perenggan (a) kepada subseksyen 72(1) digantikan dengan perenggan yang berikut iaitu:

“Untuk mengadakan, menyenggarakan dan menjalankan apa-apa perkhidmatan kebersihan bagi menguruskan efluen.”

Seterusnya subperenggan (f)(ii) dipotong. Kedua ialah seksyen 73 di mana perenggan (a)(i) kepada seksyen 73(1) diganti dengan perenggan yang berikut iaitu:

“Untuk mengadakan, menyenggarakan dan memaksa penggunaan apa-apa perkhidmatan bagi menguruskan efluen dan untuk menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana premis untuk melaksanakan urusan itu dan untuk mengawal selia dan mengawal caranya.”

Manakala perenggan (a)(ii) pula hendaklah digantikan dengan perenggan berikut iaitu:

“Untuk memelihara tempat awam supaya berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada efluen dan untuk melarang air simbahannya atau cecair buangan lain dibuang, dijatuhkan, diletakkan atau dikeluarkan ke mana-mana anak sungai, saluran atau alur air lain dan menahan cecair itu daripada mengalir ke dalam mana-mana tempat itu dan untuk mengawal selia atau melarang orang, binatang atau benda daripada dimandikan atau dibasuh di mana-mana tempat itu.”

Seterusnya, perenggan (d)(iii) kepada subseksyen 73(1) juga dipotong. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Datuk Haji Rizuan dan selepas itu Dr. Haji Mohd. Puad.

3.44 ptg.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan. Ini juga berkaitan dengan dua akta sebelum ini.

Saya ada dua, tiga pandangan di sini. Yang pertama sekali, kalau saya lihat daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, undang-undang ini memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkara-perkara berhubung dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan, tetapi dalam rang undang-undang ini yang tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa dan perkara kedua akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan, Putrajaya. Tidak termasuk Labuan. Jadi apakah bercanggah, terlupa ataupun tertinggal perkataan Labuan ini.

Yang selain daripada itu, memanglah tadi saya hendak bagi... bukan hendak tegur Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah. Memang ini bidang saya, cuma ada sedikit... hendak sokong dia sebenarnya, tetapi kerana dia nampak bengis dan nampak garang sikit.

Sebenarnya, mungkin Yang Berhormat tidak jawab tadi. Untuk melancarkan kutipan sisa pepejal ini, sudah ada kaedah ini. Yang Berhormat cakap tadi macam misi buat substesen. Macam elektriklah di rumah ada substesen, selepas itu ada pelannya. Apa yang dipraktikkan oleh kita di bandar raya, pihak PBT, kita sudah ada rangkaian. Bermakna di rumah sudah ada tong sampah masing-masing, kemudian di tepi jalan besar sudah ada satu dipanggil *dragon bin*. Itu merupakan substesen.

Cuma yang saya lihat paling lemah sedikit tidak banyak *dragon bin* ini. Selepas itu menyukarkan dan kalau boleh untuk melancarkan kutipan ini supaya ia sampai cepat kepada tempat pembuangan pelupusan sampah, perlu ada *dragon bin* di tempat-tempat yang strategik.

Yang keduanya, saya suka juga ingin menyentuh mengenai perkara pindaan 72 dan 73. Ini juga berkaitan dengan masalah yang berlaku sekarang ini iaitu kalau kita lihat IWK misalnya, apabila sesuatu tempat yang dipanggil *septic tank*, ataupun *oxidation pond*. Ia akan mengeluarkan efluen. Efluen ini akan pergi ke longkang besar dan terus ke sungai. Mesti terus ke sungai dan sungai ini akan terus ke laut, tetapi sebelum sampai ke sungai, ia sampai ke longkang besar, hujan akan turun dengan lebat dan berlaku banjir besar macam berlaku di Kuala Lumpur.

Yang menjadi masalah ialah efluen yang berwarna biru akan menyebabkan penyakit berjangkit. Inilah yang kita minta kalau boleh bagi pusat rawatan sisa pepejal ini, ia tidak dipanggil *oxidation pond* mungkin ia dipanggil bahan cecair yang keluar itu atau *leachate* akan pergi ke *oxidation pond* dan akan diproses, kemudian barulah pergi ke sungai.

Jadi apa yang berlaku di Kuala Lumpur ini yang mana disebut Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tempoh hari, dia kata banjir di Kuala Lumpur ini sebab sampah sarap dan lumpur. Jadi kalau boleh pindahkanlah Kuala Lumpur ke tempat lain, bandar raya Kuala Lumpur ini supaya tukarkanlah nama Kuala Lumpur ini menjadi bandar tanpa lumpur.

Dia tidak ingat sejarah sudah membuktikan bahawa walaupun masalah Kuala Lumpur dilanda banjir, masalah Kuala Lumpur dilanda *jam, jam* memanjang, *jam* sesak jalan, *jam* di pejabat, *jam* di *supermarket*, inilah dikatakan bandar raya. Kalau dari segi agama saya hendak beritahu, Tuhan sudah beritahu macam dalam al-Quran disebut umat manusia yang tidak ikut perintah Tuhan akan dihukum dengan banjir besar seperti dalam cerita Nabi Noh.

■1550

Kemudian ditiup angin kencang dengan debu-debunya supaya hendak mengajar umat manusia ini berbuat baik. Sebab itulah di Kuala Lumpur ada orang yang tinggal di Kuala Lumpur dia tidak boleh pindah. Macam saya, tidak boleh pindah. Kalaulah bertukar ke bandar tanpa lumpur atau bandar baru sana itu, maknanya saya hendak buat apa di Kuala Lumpur ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Maksud Yang Berhormat ini ada lagilah orang di Kuala Lumpur ini yang buat kerja tidak baiklah?... *[Ketawa]*

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Betul. Itu yang saya maksudkan. Ini bermakna kejadian yang berlaku ini, banjir besar dan juga kemalangan jalan raya walaupun dengan sistematik, kita buat lampu isyarat, bermacam-macam penunjuk jalan tetapi tetap juga berlaku sebab Tuhan hendak beritahu dalam masyarakat kita ada orang yang buat tidak baik.

Ini lumrah. Jadi, tolonglah jangan sebut lagi pasal hendak tukar jadi bandar tanpa lumpur, kekalkan bandar Kuala Lumpur. Ini kita hendak sambut perayaan 50 tahun merdeka ini. Kalau boleh cadangan-cadangan untuk menyeksa orang Kuala Lumpur itu difikirkan betul-betullah.

Kedua, saya sebut tadi mengenai *efluen* ini. *Efluen* ini kalau kita lihat sistem yang sekarang ini ialah sistem *landfill* maknanya ia akan keluar cecair dan pergi ke tempat *oxidation pond* tetapi kalau kita pakai *incinerator*, tetapi *incinerator* ini ramai orang yang kata mahal. Saya fikir, saya belajar mengenai perkara ini, ada *incinerator* yang kecil, tidak mahal, betul tidak?

Kita boleh taruh *incinerator* yang kecil dalam lebih kurang RM300,000 ke RM400,000, bubuh bahan bakar, dan tidak perlu lagi *incinerator* yang besar, tetapi masyarakat kita, saya bersetuju dengan Yang Berhormat katakan tadi - masyarakat kita tidak boleh menerima. Dia tidak faham sebenarnya. Bila kita kata hendak buat *incinerator* dia ingat *incinerator* ini RM1.5 bilion? Dia kata yang besar. Tidak! Sebenarnya *incinerator* ini ada macam-macam. Macam orang juga, ada badan kecil, ada badan besar, ada badan gemuk dan barang pula ada yang mahal, ada yang murah.

Kalau boleh perkara ini, pengetahuan ini, harus diberitahu kepada rakyat. Sekarang ini rakyat tidak berapa faham. Jadi, bagaimana peranan kementerian untuk memberi kefahaman kepada rakyat supaya mereka benar-benar faham. Tidak semestinya kita pergi ke Broga, hendak kacau orang Broga, sebab itulah dia bantah tetapi kalau buat di Kuala Lumpur katakan di Pantai Dalam, letaklah satu *incinerator* di Pantai Dalam. Di depan rumah saya pun tidak apa, tidak ada masalah. Macam Yang Berhormat kata tadi, ada *incinerator*, atas *incinerator*, restoran pun di *booking* juga, penuh.

Budaya inilah yang tidak dapat sampai kepada rakyat Malaysia. Sebab itulah saya percaya, dengan tertubuhnya perbadanan ini macam-macam kita boleh buat. Macam-macam kita boleh kaji pemikiran rakyat, kenapa rakyat tidak boleh terima dan kenapa disebut sahaja *incinerator* sahaja, bantah, tidak mahu terima.

Saya berharaplah dengan adanya perbadanan ini perkara-perkara akan datang ini akan dapat diselesaikan dan masalah-masalah yang kita hadapi sekarang ini akan dapat dikurangkan.

Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Dr. Mohd. Puad.

3.53 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai dengan apabila kita meminda akta ini dan diambil alih oleh perbadanan, maka PBT hanya akan melakukan pembersihan kepada aktiviti pembersihan

tertentu sahaja. Oleh kerana maksudnya perbadanan akan mengambil alih pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, Majlis PBT akan melakukan aktiviti pembersihan yang tertentu sahaja. Jadi untuk mengelakkan koordinasi yang tidak baik, adakah wajar sekiranya wakil daripada perbadanan ini menjadi *ex officio* dalam majlis perbandaran - sebagai *ex officio* sahaja supaya tidak berlaku salah faham pertindihan dan sebagainya dan sekurang-kurangnya memudahkan dari segi penguatkuasaan. Ini sebab kita tahu tadi bahawa perbadanan juga akan meminta bantuan PBT untuk melakukan penguatkuasaan.

Cuma saya kurang jelas di sini, aktiviti tertentu sahaja ini maksudnya pembersihan yang bagaimana? Saya ambil contoh, katakanlah pembersihan gerai dan sebagainya ini tugas siapakah sebenarnya sekarang, adakah masih di bawah PBT ataupun tidak? Cuma yang paling penting bagi saya koordinasi tadi ialah untuk memudahkannya, barangkali sesuai jika sekiranya wakil perbadanan itu menjadi *ex-officio* dalam majlis perbandaran. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Puan Mumtaz dan selepas itu Puan Hajah Wan Hazani.

3.55 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Bila mana kita melihat kepada tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa, saya melihat satu perkara di bawah seksyen 1 subseksyen (3), perkataan “...*selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri..*” Jadi di sini, saya wakil daripada Kerajaan Kelantan melihat perkataan “...*selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri..*” Kita merasa lega, maknanya akan ada perundingan dari sudut Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dalam usaha untuk memastikan pengurusan sisa pepejal ini dapat dibuat dengan baik.

Walau bagaimanapun, bila kita mendengar dan melihat kepada pindaan seksyen 73, di bawah subseksyen (a)(i), Penggunaan perkataan “...*untuk mengadakan, menyenggarakan dan memaksa penggunaan apa-apa perkhidmatan bagi menguruskan efluen dan untuk menghendaki pemunya atau penduduk..*” Jadi di sini kita melihat satu perkara yang tidak seimbang dari segi satunya, berunding dan yang keduanya memaksa. Jadi saya pohon kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyatakan, apakah implikasi undang-undang kepada perkataan “...*selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri..*” dengan perkataan “...*memaksa*”?

Setakat manakah kuasa pihak berkuasa negeri dalam menentukan perkara ini boleh dibuat atau tidak boleh dibuat? Ataupun setakat mana kuasa yang ada untuk mereka memberikan pandangan dalam usaha untuk menguruskan sisa pepejal ini? Itu yang pertama.

Yang kedua ialah perkataan di bawah seksyen 1(3) meletakkan perkataan “...*menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan:*

- (a) *bagi permulaan berkuat kuasa Akta ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau bahagian-bahagian kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan.”*

Kenapakah perkara ini dikatakan mempunyai tarikh-tarikh yang berlainan? Kenapa ada perkataan “*berlainan*”? Adakah ini mempunyai agenda politik atau bagaimana? Kenapa tidak boleh buat sekali atau pun ada apa agenda di sebalik perkataan “...*tarikh-tarikh yang berlainan*” ini?

Bagi 1(3)(a), (b) dan (c) - untuk perbezaan antara tarikh-tarikh bagi (a), (b) dan (c) ini, apakah implikasi undang-undang dan kesannya kepada pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam seluruh negara kerana mempunyai tarikh kuat kuasa yang berbeza dan banyak perkara yang saya tengok perkataan “berlainan” dan “berbeza” di sini, apakah implikasinya dalam perkara ini?

Seterusnya bila kita meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 ini bagi menguruskan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini, bagaimana tentang impak kepada bacaan, kepada artikel ataupun Perlembagaan Malaysia yang menyebut kuasa bersama antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan? Adakah dengan ini keseluruhan kerajaan negeri kepada sistem pengurusan PBT sejak dia berkaitan dengan sisa pepejal ini akan dibuang akan dibuang keseluruhannya atau bagaimana dari segi implikasinya?

Untuk di bawah seksyen 1(5) (a) pula menulis perkataan “...*mengecualikan mana-mana bahagian mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan...*” Jadi, apa yang dimaksudkan dengan mengecualikan mana-mana bahagian? Adakah kita boleh memilih yang ini kita hendak bertanggungjawab atau yang ini kita tidak bertanggungjawab ataupun kita mengatakan bahawa yang ini perlu didenda atau macam mana? Atau apa yang dimaksudkan dengan mengecualikan mana-mana bahagian, mana-mana bahagian pihak berkuasa?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, dalam kes ini apabila kita meluluskan pindaan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 ini adakah PBT tidak lagi berkuasa untuk menegur atau berunding mengenai kontrak-kontrak syarikat konsesi ini kerana seolah-olah seluruh kuasa itu telah diletakkan di bawah Kerajaan Pusat? Adakah bermakna syarikat konsesi ini boleh bermaharajalela tanpa sebarang tindakan daripada PBT?

Aduan masyarakat boleh diabaikan begitu sahaja kerana yang penting ialah mereka mendapat konsesi jangka panjang yang tidak boleh dibatalkan.

■1600

Jika Kerajaan Pusat membatalkan konsesi ini ia akan menimbulkan kesulitan bagi kesemua pihak. Seterusnya dari segi kebimbangan kepada kontraktor-kontraktor yang telah pun sedang ataupun sedia ada menjalankan tugas perkhidmatan sisa pepejal di PBT masing-masing.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah mereka mengalami kehilangan pekerjaan di bawah akta baru ini atau mereka terpaksa menyertai syarikat konsesi dengan tawaran kerja murah kerana mereka sudah tahu konsesi yang terbabit yang boleh mengawal dan kontrol seluruh kerja-kerja yang terlibat di bawah negeri masing-masing .

Seterusnya, bila kita membincangkan dan membuat pindaan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 ini, adakah bermakna lebih banyak aset PBT dan kerajaan negeri akan diambil alih oleh Kerajaan Pusat? Adakah ini akan mengakibatkan imbalan PBT merosot dan adakah aset ini akan digunakan sebagai cagar untuk perbadanan untuk mendapat pinjaman dari mana-mana bank dalam atau luar negara atau sebagai sandaran bagi penerbitan bon-bon Kerajaan Pusat, kerana kita bimbang lambat laun, perkara sebegini mungkin tanah-tanah ini, mungkin akan terdagang tanpa kerajaan negeri atau pun PBT dapat melakukan apa-apa.

Seterusnya lagi, sudut akibat buruk subsidi silang. Bila mana PBT sudah kehilangan kuasa dalam usaha untuk menguruskan sisa pepejal dan pengurusan awam, adakah kemungkinan syarikat-syarikat konsesi akan menumpukan perhatian kepada kawasan bandar yang lumayan dan dengan kata lain akan mengabaikan kawasan luar bandar yang tidak menguntungkan malah negeri-negeri yang berkedudukan lebih tinggi diberi layanan istimewa berbanding dengan negeri-negeri lebih kecil dan tidak padat kependudukannya.

Wang yang digunakan untuk memberi perkhidmatan di kawasan-kawasan bandar tentulah lebih mahal kerana lebih banyak aduan di kawasan bandar. Oleh itu bagi membeli peralatan yang lebih canggih di kawasan bandar hasil mahsul daripada seluruh negeri termasuk kawasan miskin, mungkin akan terabai.

Jadi kita minta perkara ini diberikan penjelasan, kita tidak mahu bahawa akibat daripada kelulusan dan pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ini akan mengakibatkan mana-mana negeri ataupun kawasan miskin akan terabai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Puan Hajah Wan Hazani.

4.04 ptg.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007.

Saya memohon penjelasan, pertama bagi seksyen 1(5)(a) iaitu pihak berkuasa negeri boleh mengecualikan mana-mana bahagian kawasan pihak berkuasa tempatan daripada mana-mana atau kesemua peruntukan akta ini. Tuan Yang di-Pertua, apakah ini merujuk bahawa pihak kerajaan negeri masih lagi boleh memilih untuk tidak menerima pakai atau boleh menolak terus penggunaan akta ini.

Kedua, pindaan seksyen 72(1)(a) iaitu sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah mempunyai kuasa bagi melakukan untuk mengadakan penyelenggaraan dan menjalankan apa-apa perkhidmatan

kebersihan bagi menguruskan efluen. Bagi maksud seksyen ini, cecair buangan tidak termasuk kumbahan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya apakah rasionalnya sisa efluen ini hanya dihadkan pada buangan cecair sahaja dan apakah definisi buangan cecair mengikut undang-undang ini? Mengapakah sisa kumbahan tidak dimasukkan dan bagaimanakah pihak berkuasa akan dapat membezakan buangan cecair dengan sisa kumbahan dari kawasan pembangunan bercampur komersial seperti pasar, kilang-kilang, kedai makanan dan kawasan tempatan. Sebagai contoh, sekiranya berlaku pencemaran sungai atau efluen dan sisa kumbahan, pihak manakah pula yang akan bertanggungjawab untuk menguatkuasakan dan undang-undang manakah pula yang akan diguna pakai?

Menurut statistik pencemaran sungai di negara ini pada tahun 2000, antara punca utama pencemaran adalah berpunca dari kumbahan domestik 43% dan juga sisa kilang pembuatan 26.1%. Ini sedikit sebanyak telah menunjukkan bahawa pihak berkuasa tempatan sebelum ini kurang berjaya untuk menguruskan sisa cecair dan kumbahan di dalam kawasan mereka. Apakah rasionalnya pihak berkuasa tempatan masih lagi diberi peranan untuk menguruskan sisa cecair atau efluen ini? Apakah jaminan oleh kerajaan yang Perbadanan Pengurusan Sisa pepejal dan Pembersihan Awam yang akan ditubuhkan ini akan dapat menyelesaikan permasalahan pengurusan sisa pepejal yang berlaku sekarang.

Saya menyokong Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

4.06 ptg.

Dr S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007.

Untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Datuk' Haji Ridzuan, mengapa perkataan Labuan tidak disebut di dalam pindaan tersebut. Ini adalah kerana Labuan masih menggunakan Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah. Oleh itu pindaan ini kepada Akta Kerajaan Tempatan tidak terpakai di dalam Labuan. Pindaan yang dibuat hari ini adalah untuk Akta Kerajaan Tempatan kita sendiri, itu sebab Labuan tidak disebut di dalam pindaan yang dibuat pada masa sekarang.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu tentang yang *communal bin* yang digunakan lebih besar dan digunakan untuk pemungutan sisa pepejal. Perkara-perkara sedemikian itu boleh diambil kira oleh perbadanan baru dengan *concessionaire* dan kalau ini akan memberi satu kesan yang baik, kemungkinan besar ini boleh dipakai atau pun boleh jadi mereka akan mencadangkan kemudahan-kemudahan yang lebih baik daripada ini untuk menghadapi dan mengatasi isu pemungutan dan pengangkutan sisa pepejal.

Selain daripada itu kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tengok di dalam pindaan, apa perkara yang dikeluarkan ialah perkara berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal sahaja. So, sisa cecair ini masih jadi tanggungjawab PBT. Itu sebab pindaan telah menetapkan bahawa efluen-efluen itu maksud cecair. Segala jenis sisa cecair ini, pengurusannya tidak diambil alih oleh perbadanan atau *concessionaire*.

Bagi sisa cecair dan bahan-bahan kumbahan, yang sebelum ini telah di pertanggungjawabkan kepada IWK, adalah masih di bawah tanggungjawab IWK. Cuma cecair lain yang bukan di dalam IWK tetapi di dalam kawasan PBT masih di dalam tanggungjawab PBT. Itu yang maksud pindaan yang dibuat pada hari ini.

Daripada ini PBT masih bertanggungjawab untuk memastikan seperti efluen daripada IWK yang masuk ke dalam parit yang jadi tidak sihat ini, mungkin perkara ini PBT boleh ambil kira dan bincang dengan IWK dan mengambil tindakan terhadap IWK kerana membuat sedemikian. Kuasa ini masih ada di dalam pihak PBT.

Ahli Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi telah bertanya mengapa ada *clause* yang memberi hari-hari yang lain, tarikh yang berlainan untuk melaksanakan undang-undang ini. Penetapan tarikh kuat kuasa akta ini boleh dibuat pada tarikh yang berlainan mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan.

■1610

Akta ini berkuat kuasa sebagai undang-undang sedia ada akan terus berkuasa di kawasan tersebut sampai akta ini boleh dikuatkuasakan. Penetapan permulaan kuat kuasa bagi peruntukan yang berlainan ini bagi memberi ruang kepada menteri dan pihak berkuasa negeri bagi menetapkan hari-hari. Tiada halangan supaya semua orang mula pada hari yang sama, tetapi di dalam keadaan di mana tidak boleh dibuat sedemikian, akta memberi ruang supaya di dalam negeri-negeri yang lain, hari-hari yang lain boleh digunakan untuk memulakan kerja ini.

Selain daripada itu, berkenaan dengan pengecualian yang diberikan ini di dalam 5(a) dan (b) ini adalah di dalam akta asal dan tidak ada pindaan dibuat. Akta asal telah memberi kuasa kepada kerajaan negeri tetapi bila tugas menguruskan sisa pepejal sudah terkeluar daripada pihak berkuasa tempatan melalui pindaan di dalam akta ini. Kalau pihak berkuasa negeri tidak mahu menggunakan perkara ini, maka mereka tidak mempunyai kuasa untuk menguruskan sisa pepejal kerana tugas itu tidak ada di dalam pihak berkuasa tempatan kerana tugas sedemikian telah dikeluarkan daripada fungsi pihak berkuasa tempatan. Oleh itu, akta ini yang ada di dalam akta asal ini kerana tidak dipindahkan cuma dituliskan di sini sebagai *preamble* sahaja.

Itulah sahaja isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang beberapa perkara berkenaan dan beberapa pindaan-pindaan yang ada di sini. Selain daripada itu, PBT tidak mempunyai apa-apa perkaitan dengan *concessionaire*. Ini kerana *concessionaire* akan ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Lepas itu tugas *concessionaire* dan pencapaian *concessionaire* akan

dikaji dan akan dipantau oleh perbadanan. Oleh itu tiada tanggungjawab untuk PBT secara langsung dengan *concessionaire*.

Oleh itu, pihak kerja mengurus dengan *concessionaire*, memantau *concessionaire* untuk menetapkan bahawa mereka membuat satu kerja yang baik. Ini adalah kuasa di dalam Pihak Berkuasa Persekutuan. Oleh itu, PBT tiada perhubungan secara langsung dengan *concessionaire* dan bayaran pun bukan BPT akan bayar terus kepada *concessionaire*. Kalau ada apa-apa bayaran yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan, bayaran ini akan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan dan lepas itu Kerajaan Persekutuan melalui perbadanan akan membayar *concessionaire*.

Oleh itu, bayaran ini tidak akan dibayar, kawasan ini lebih atau kawasan itu kurang secara itu. Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang bahawa perkhidmatan yang diberikan ini akan berbeza dari setempat ke setempat yang lain. Ini adalah setaraf dan dibuat secara sama seimbang di semua tempat yang diuruskan oleh pihak *concessionaire*.

Itulah sahaja isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana berbincang, memberi pandangan dan menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dikemukakan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah Yang Berhormat kerana berjaya memandu rang undang-undang sehingga diluluskan oleh Dewan Negara.

RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.19 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila huraikan Yang Berhormat.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 adalah suatu akta berhubungan dengan jalan, parit dan bangunan dalam kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia. Di bawah akta ini terdapat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Sehubungan dengan itu, di Dewan Yang Mulia ini pula Yang Berhormat Menteri baru sahaja membentangkan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan telah diluluskan. Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam tersebut bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi dan mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam bagi maksud menyenggarakan kebersihan awam yang sepatutnya dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Undang-undang tersebut juga memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Susulan daripada ini sebarang peruntukan yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang wujud di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, perlu dipinda bagi memastikan keseragaman kuasa eksekutif yang diletakhakkan kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan kebersihan awam.

Adalah amat penting terutama di peringkat pelaksanaan supaya pihak-pihak yang tertentu terutama PBT dan agensi Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab melaksanakan dan menguatkuasakan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam mempunyai arahan yang jelas dan tiada pertindihan kuasa di bawah undang-undang sedia ada. Selanjutnya pihak yang berkaitan tidak akan menghadapi kekangan dan halangan dalam tugas yang akan dilaksanakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang terlibat dalam rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan pengambilalihan Kerajaan Persekutuan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam iaitu untuk mengehadakan kuasa-kuasa, kuasa Pihak Berkuasa Tempatan kepada aktiviti pembersihan tertentu sahaja.

Peruntukan-peruntukan yang dipinda adalah berkaitan dengan seksyen 133 dengan memotong perenggan 8 dan 9. Pemotongan perenggan-perenggan tersebut bermakna tersingkirnya kuasa sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan mengenai perkara yang berhubungan dengan penyelenggaraan, pembaikan dan peruntukan lubang abu, tong sampah dan bekas-bekas yang sepertinya.

■1620

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat dari barisan kerajaan masuk.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ini adalah satu lagi kuasa konsekuen legislatif untuk dibahaskan. Dr. Haji Mohd. Puad.

4.21 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit saja Tuan Yang di-Pertua, apabila kita meminda rang undang-undang ini tujuannya ialah untuk menyelaraskan supaya tidak berlaku pertindihan antara PBT dan juga perbadanan, khususnya dalam melakukan pembersihan terhadap parit sebagai contohnya. Saya rasa dengan adanya...

Tuan Yang di-Pertua: Lebih penting lagi, mungkinlah Yang Berhormat terlupa. Yang lebih penting lagi supaya tidak berlaku percanggahan dalam undang-undang negara.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, supaya tidak berlaku percanggahan. Cuma kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua ia juga menimbulkan percanggahan antara JPS dengan PBT. Saya harap dengan adanya pindaan ini, maka kuasa yang diambil oleh perbadanan ini akan banyak membantu dalam masalah ini. Saya mengambil satu contoh Tuan Yang di-Pertua, dalam kes pembinaan Taman Wawasan di Batu Pahat sepatutnya ia diuruskan oleh JPS untuk menyelenggarakan parit besar di kawasan tersebut, tetapi oleh kerana ada perjanjian dengan pemaju yang mengadakan satu persefahaman dengan PBT, maka dia diserahkan kepada PBT. Bayaran pampasan kepada penduduk di kawasan tersebut sudah pun dilakukan.

Akan tetapi akhirnya, PBT tidak melakukan apa-apa dan hujah yang sering kita dengar ialah JPS. Jadi sampai sekarang pun tidak diselesaikan isu tersebut, sebab itulah saya faham dengan adanya perbadanan ini, maka isu-isu seperti ini tidak akan lagi berbangkit. Saya berharap bahawa apa yang disebut tadi, iaitu tidak berlaku pertindihan dan ini akan dapat benar-benar dilaksanakan

dengan adanya pindaan ini. Itu saja Tuan Yang di-Pertua untuk saya mengingatkan tentang masalah yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya memperingati Yang Berhormat tadi sebab pemerintahan negara kita ditunjangi oleh *the rule of law*. Maka, kalau di bawah *the rule of law* tersebut terdapat percanggahan dalam undang-undang kita, maka sudah tentu tergugatlah, cacatlah pemerintahan negara kita. Maka dibawa rang undang-undang ini. Ada Yang Berhormat lagi? ... [*Menunggu kiranya ada Ahli Yang Berhormat bangun*] Tidak ada Yang Berhormat? Silakan, saya jemput Yang Berhormat jawab.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi yang telah turut membahaskan pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan taman yang disebutkan di Johor itu. Kita mengambil perhatian dan kita akan mendapatkan maklumat yang lebih lanjut lagi berkenaan dengan ini, dan lihat apa yang boleh kita lakukan.

Sebenarnya pindaan ini hanya untuk tujuan mengambil alih penyelenggaraan dan membaiki lubang abu, tong sampah dan bekas-bekas sepertinya daripada bidang kuasa PBT, sekarang ini akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Insya-Allah dengan pengambilalihan oleh Kerajaan Persekutuan ini segala masalah-masalah yang dahulunya timbul, menjadi rungutan dan aduan oleh pembayar-pembayar cukai di kawasan pihak berkuasa tempatan tidak akan timbul lagi, insya-Allah. Inilah harapan kita semua dan inilah harapan Kerajaan Persekutuan dan bagilah peluang kepada kita untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin.

Itu saja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ucap tahniah kerana memandu rang undang-undang dengan begitu ringkas.

Saya tekankan selalu perkataan “memandu” sebab saya katakan tadi bahawa seseorang ahli kerajaan, sebenarnya ialah untuk memandu. *Don't take it for granted, that you.... will pass..... You have ...[Gangguan sistem pembesar suara]* Terima kasih. Silakan.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.29 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila huraikan Yang Berhormat.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 adalah suatu akta bagi pengawalan dan pengawalseliaan yang sepatutnya mengenai perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia dan bagi maksud yang bersampingan dengannya. Pada ketika ini akta ini tidak mempunyai sebarang peruntukan bagi mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

■ 1630

Sehubungan dengan itu di Dewan yang mulia ini pula, Yang Berhormat Menteri baru sahaja membentangkan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan telah diluluskan. Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam tersebut bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi dan mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam, bagi maksud menyelenggarakan kebersihan awam yang sepatutnya dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Undang-undang tersebut juga memberi kuasa eksekutif kepada Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan, Putrajaya dan Labuan. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 adalah satu akta yang penting bagi memastikan sebarang aktiviti pembangunan dijalankan secara lestari. Pembangunan lestari adalah suatu pembangunan yang memberikan tumpuan yang adil dan saksama kepada pembangunan sosial, pertumbuhan ekonomi dan juga perlindungan alam sekitar.

Dalam hal ini berdasarkan peruntukan di dalam akta sedia ada, semasa menguruskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, pihak berkuasa tempatan atau PBT, hendaklah memberikan pertimbangan sewajarnya. Antara lain kepada peruntukan dalam rancangan pemajuan,

laporan cadangan pemajuan dan sebagainya. Oleh yang demikian dengan memasukkan peruntukan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ke dalam perkara yang perlu diberi pertimbangan semasa menguruskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, satu pendekatan yang menyeluruh atau holistik dapat diambil ke arah mencapai pembangunan lestari.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, [Akta 172] perlu dipinda supaya pihak berkuasa perancang tempatan dapat mengambil kira peruntukan dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 semasa menguruskan permohonan untuk kepastian merancang. Peruntukan yang perlu dipinda adalah seksyen 22(2) dengan memotong perkataan "dan" dalam perenggan (PB) dan selepas perenggan ini memasukkan perenggan baru (BC) iaitu peruntukan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Kemasukan perenggan ini bermakna dalam menguruskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang. Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah juga memberi pertimbangan kepada peruntukan dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Ini memastikan supaya isu-isu berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam diberikan perhatian serius dalam kebenaran merancang bagi menjamin kesejahteraan penduduk dan juga melindungi alam sekitar. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Dewan tidak ada masalah Yang Berhormat dengan apa Yang Berhormat katakan.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada apa-apa masalah yang ditimbulkan, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Dewan yang Mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ucap tahniah Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.37 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan Pindaan 2007 untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila huraikan Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk memperuntukkan pakej-pakej insentif yang telah diumumkan dalam bajet tahunan. Insentif ini penting dalam membantu menggalakkan pelaburan, memperkukuhkan daya saing negara dan membangunkan sumber pertumbuhan baru.

Insentif-insentif diperkenalkan bertujuan menggalakkan:

- (i) pembangunan industri dan pelaburan dalam pelbagai aktiviti;
- (ii) industri di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- (iii) pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan ataupun (R&D) dari institusi penyelidikan awam atau institusi pengajian tinggi awam di Malaysia; dan
- (iv) aktiviti sektor perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah pindaan kepada subseksyen 4(1), bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi persetujuan bertulis secara bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dengan Menteri Kewangan dalam menentukan aktiviti atau keluaran, digalakkan.

Seksyen baru 4D, 4E dan 4F bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menentukan aktiviti atau keluaran digalakkan untuk industri terpilih, industri model komponen automotif dan pelaburan semula bagi maksud pembesaran, pemodenan atau automasi.

Subseksyen baru 5(1DA), 5(1DB), 5(1DC), 5(1DD), 5(1DE), 5(1DF) dan 5(1DG), bertujuan mengadakan peruntukan untuk permohonan galakan taraf perintis bagi:

- (i) aktiviti pengetahuan intensif yang strategik;
 - (ii) aktiviti atau keluaran digalakkan dalam industri terpilih;
 - (iii) industri model komponen automotif;
- 1640
- (iv) pelaburan semula dalam aktiviti dan keluaran digalakkan yang sama bagi maksud pembesaran, pemodenan atau automasi;
 - (v) penambatan semula aktiviti pengilangan dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke kawasan digalakkan;
 - (vi) mengkomersialkan hasil R&D dari institusi penyelidikan awam atau institusi pengajian tinggi awam di Malaysia; dan
 - (vii) aktiviti berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia di luar kawasan *Cyber Cities*.

Pindaan kepada subseksyen 5(1E). Pindaan ini adalah pindaan berbangkit berikutan penambahan aktiviti atau keluaran digalakkan.

Subseksyen baru 6(1AD), 6(1AE), 6(1AF), 6(1AG), 6(1AH), 6(1AI) dan 6(1AJ) bertujuan memasukkan peruntukan bagi pemberian taraf perintis kepada aktiviti atau keluaran digalakkan yang telah dipohon di bawah seksyen 5.

Pindaan kepada subseksyen 7(1) bertujuan untuk melanjutkan tempoh permohonan bagi mendapatkan Sijil Perakuan Perintis dari 6 bulan kepada 24 bulan.

Seksyen baru 9A bertujuan untuk membolehkan syarikat menyerahkan taraf perintis untuk memohon elaun pelaburan semula atau atas sebab-sebab lain.

Mengeluarkan seksyen 12 bertujuan mengeluarkan seksyen 12 yang tidak lagi diguna pakai.

Pindaan kepada seksyen 14C. Pindaan ini bertujuan untuk melanjutkan tempoh pelepasan cukai selama lima tahun bagi industri terpilih, pelaburan semula dalam penggunaan *biomass* kelapa sawit untuk menghasilkan produk bernilai ditambah dan untuk aktiviti pengkomersialan hasil R&D.

Pindaan kepada subseksyen 18(7) bertujuan untuk memasukkan syarat bagi membolehkan elaun modal yang tidak diserap oleh syarikat perintis dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan perniagaan syarikat.

Pindaan kepada subseksyen 21A(4) bertujuan untuk menyeragamkan peruntukan tempoh halang kepada enam tahun bagi sekatan pendapatan yang dihitung dalam tempoh pelepasan cukai.

Seksyen baru 21BA, 21DA, 21G, 21H, 21I, 21J, 21K, 21L, 21M bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menetapkan kadar pengecualian cukai terhadap pendapatan berkanun bagi permohonan yang diluluskan di bawah seksyen 6.

Pindaan kepada subseksyen 24(1) bertujuan untuk menyeragamkan peruntukan tempoh halang kepada enam tahun bagi pelarasan pendapatan yang tersalah dikecualikan.

Pindaan kepada subseksyen 25. Pindaan ini adalah berbangkit dari kelulusan yang diberikan di bawah seksyen 6 dan bagi membolehkan kerugian terkumpul syarikat perintis di bawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan perniagaan syarikat.

Pindaan kepada subseksyen 26(3), 26B(3), 26C(2) dan 26F(3) bertujuan untuk menyeragamkan prosedur penyerahan taraf perintis bagi mendapatkan elaun cukai pelaburan dengan memberi notis bertulis kepada Menteri.

Pindaan kepada seksyen 26G bertujuan untuk memperluaskan galakan elaun cukai pelaburan kepada institusi pengajian tinggi swasta yang menyediakan kursus sains yang layak.

Seksyen baru 26H, 26I, 26J, 26K, 26L, 26M, 26N dan 26O. Seksyen baru ini bertujuan untuk menggalakkan peruntukan bagi permohonan elaun cukai pelaburan bagi:

- (a) aktiviti pengetahuan insentif yang strategik;
- (b) aktiviti atau keluaran dalam industri yang terpilih;
- (c) aktiviti atau keluaran dalam industri modal komponen automotif;
- (d) pelaburan semula dalam aktiviti dan keluaran digalakkan;
- (e) penambatan semula aktiviti pengilangan dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke kawasan digalakkan;
- (f) aktiviti pengeluaran makanan halal;
- (g) aktiviti penjimatan, penggunaan tenaga untuk kegunaan sendiri; dan
- (h) aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia di luar kawasan

Cyber Cities

Pindaan kepada seksyen 27 bertujuan mengadakan peruntukan bagi pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan untuk aktiviti baru yang diperkenalkan di bawah seksyen 26.

Seksyen baru 28A bertujuan mengadakan peruntukan untuk menyerahkan kelulusan elaun cukai pelaburan bagi mendapatkan elaun pelaburan semula.

Pindaan kepada seksyen 29 bertujuan mengadakan peruntukan untuk mengira elaun cukai pelaburan bagi kelulusan di bawah seksyen 27.

Seksyen baru 30A bertujuan mengadakan peruntukan untuk menarik balik elaun cukai pelaburan berhubung dengan aset yang dilupuskan dalam tempoh dua tahun dari tarikh pemerolehan aset tersebut.

Pemotongan seksyen 31A, 31B, 31C, 31D, 31E, 32, 33, 34, 35, 36, 36A, 37, 38, 39, 39A, 40 dan 40A. Pindaan ini bertujuan untuk memotong seksyen berkenaan kerana tidak lagi terpakai.

Pindaan kepada seksyen 41B. Pindaan ini adalah pindaan berbangkit bagi perbelanjaan modul yang layak dan bertujuan menaikkan kadar potongan elaun infrastruktur daripada 85% kepada 100%.

Pindaan-pindaan lain. Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga membuat pindaan kecil dan berbangkit seperti dalam fasal-fasal 2, 4, 17, 29 dan 39.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada kertas peperiksaan peguam mengenai akta ini dan kalau saya mengambilnya, tetap saya gagal kerana gagal sebut *citations*. Terima kasih. Ada Ahli Yang Berhormat yang hendak menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta untuk dibahaskan. Dato' Gooi Hoe Hin, kemudian Dr. Puad.

4.49 ptg.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sekali lagi saya diberi peluang untuk turut menyertai dalam perbahasan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang mana sebentar tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Dewan yang mulia ini.

■1650

Saya juga telah berkesempatan mendengar keterangan dan hujah-hujah dengan teliti tentang tujuannya serta maksudnya perlu pindaan-pindaan sedemikian. Dalam menyokong rang undang-undang ini, izinkan saya untuk memberi beberapa pandangan tentang perkara-perkara yang ada hubung kait dengan pelaburan.

Namun sebelum penelitian itu dibuat, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang sesuatu yang pada pandangan saya, mungkin saya kurang arif. Seperti Tuan Yang di-Pertua menyatakan kalau saya peguam, saya pun gagal, gagal dapat mungkin *minus*. Ataupun kekurangan pengetahuan lunas undang-undang di mana saya dapati kita perlu melakukan pindaan-pindaan dari tahun kebelakangan mulai tahun 2001, 2002, 2003, 2004 dan 2005. Ini bermakna lima tahun kebelakangan.

Ini saya kurang faham memandangkan pindaan-pindaan tertentu dalam huraian seperti dalam fasal 2 rang undang-undang ini di mana menerangkan Bajet 2001, 2002, 2003, 2004, 2005 dan 2006 dan pakej rangsangan ekonomi baru yang diumumkan pada 21 Mei 2003 agar perkara-perkara yang diluluskan dalam bajet-bajet atau belanjawan berkenaan kini dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan huraian tersebut saya terpaksa membuat rujukan terhadap bajet-bajet, belanjawan-belanjawan berkenaan barulah saya faham kerana saya mungkin sedikit tidak pandai. Larut malam saya kerja supaya bajet ini selaras dengan rang undang-undang ini. Saya pasang lilin. Saya tanya, "Oh, macam itu punya kah?" Saya tertanya-tanya, mungkin saya silap dan mungkin juga saya bukan seorang peguam, barangkali loyar buruk, saya kurang arif.

Oleh yang demikian, ingin saya mendapat penjelasan iaitu pindaan-pindaan ini merupakan suatu pindaan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *retrospective law*. Adakah itu betul atau salah pandangan saya? Maafkan saya jika saya tertanya-tanya perkara ini kerana dalam seksyen-seksyen yang tertentu sebagai misalannya, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga telah

membangkitkan terpaksa tolak, terpaksa campur, keliru saya. Jadi mungkin terdapat tiga jabatan iaitu MITI, Kementerian Kewangan dan Bank Negara. Kalau saya seorang pelabur diluluskan oleh Bajet 2001 seperti dalam perintis industri mesin dan peralatan mengikut bajet yang diumumkan pada 2001, bermakna saya layak dapat galakan pelaburan, saya pun memohon. Memohon tapi akta ini tidak dipinda.

Adakah itu dalam terma undang-undang? Adakah itu *ultra virus*? Itu yang saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini kerana seksyen-seksyen yang tertentu sebagai misalan terdapat tarikh-tarikh penentuan untuk permohonan dengan izin *cut-off point* 26H(1) 'pada atau selepas 21 September 2002' dan 26N 'pada atau selepas 1 Oktober 2005' dan lain-lain lagi yang saya tidak perlu bangkitkan. Pendek kata, pindaan ini merupakan suatu tindakan *rationalization exercise* dengan izin, atau penyesuaian tetapi tugas dan tanggungjawab saya di Dewan yang mulia ini hanya untuk mencari pasal. Tidak ada, jauh daripada niat saya...

Tuan Yang di-Pertua: Katalah, andai kata saya ini *billionaire* Rusia. Saya dengar khabar negara yang nama Malaysia ini mempunyai peluang pelaburan banyak, bagus dan negara pun hebat. Kemudian saya arahkan peguam saya, "You tolong tengok Akta Penggalakan Pelaburan mereka." *Russian* ini pun bacalah, esok dia lapor pada saya, "Sir, I cannot understand anything." Adakah itu mungkin?

Dato' Gooi Hoe Hin: Tuan Yang di-Pertua seorang peguam yang lebih arif, apabila tujukan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya bukan peguam, Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Doktor, pohon maaf.

Tuan Yang di-Pertua: / pernah jual *Panadol* dulu... [Ketawa]

Dato' Gooi Hoe Hin: Memang kalau seseorang *Russian* itu datang melabur tapi bukannya rujuk kepada akta ini, pindaan. Jadi saya terpaksa beralih kepada akta ibu iaitu Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Jadi saya katakan saya datang pada 2001 dan saya pun baca belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lalu yang menyatakan industri mesin dan peralatan telah ditafsirkan diberi berbagai-bagai insentif. Jadi si *Russian* itu baca itu dalam bajet tapi dia tidak baca itu Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Jadi dia pun datang, buatlah kilang dan buatlah mesin semua yang ada. Tiba-tiba dia pun memohon kepada MIDA. MIDA buat proses sampai ke MITI. MITI pun buat proses sampai ke Kementerian Kewangan. Lulus. Katakan lulus tapi akta tidak disebutkan.

■1700

Ini loyar buruk kata lulus, kata lulus. Katakan lulus tapi akta tak disebutkan. Loyar buruk yang cakaplah. Tidak disebutkan macam mana jadi macam ini. Perlu diluluskan atau tidak diluluskan. Katakan sudah lulus. Cukai pelepasan, pelbagai pelepasan sudah pun diberi, LHDN pun sudah bagi. Itu maksud saya. Terdapat *retrospective law*, itu saya maksudkan. Jadi kalau katakan tidak melibatkan kewangan, saya pun fikir-fikir, saya pun tengok-tengok undang-undang ini, andai kata

bermakna banyak industri dan kilang itu terpaksa apa yang diluluskan, apa yang tidak diluluskan, perlulah pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya kurang faham untuk menyenangkan para ini, menimbulkan, saya cadangkan supaya dalam akta ini, akta yang akan datang buatlah satu seksyen yang membolehkan *savvy clause* dalam undang-undang, yang membolehkan kuasa menteri untuk membuat peraturan, tak payah tukar akta mana-mana industri sebab pandangan saya ialah industri itu adalah dinamik. Sering kali ia ditukar. Kalau kita hendak tukar lagi kali ini, tahun ini, kita tahu angkasa sekarang satu industri yang cukup baik. Kita masuk dalam bajet bagi insentif-insentif tapi, dalam situ tak ada. Perlu datang ke Dewan pinda lagi. Jadi bermakna pendapat saya, enam tahun belajar dari kesalahan siapakah, itu bukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna perundangan itu satu proses yang dinamik, memang. Semuanya berubah. Industri dan perniagaan pun satu proses yang dinamik. Adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa dalam dua-dua proses yang dinamik ini tak mungkin proses perundangan ini mengejar proses perkembangan dalam perniagaan dan industri. Adakah itu hujah Yang Berhormat?

Dato' Gooi Hoe Hin: Memang betul! Bijaknya Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hanya hendak Yang Berhormat jelaskan hujah Yang Berhormat kepada majlis.

Dato' Gooi Hoe Hin: Jadi tidak apalah, walaupun lambat asalkan ianya selamat sejahtera. Itu sahaja maksud saya. Kembali kepada perkara asas iaitu penggalakan pelaburan yang saya harus rujuk kepada kata-kata Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, seorang menteri yang amat cekap, dinamik dan berwibawa. Seorang wanita juga yang mana saya berpendapat kita sama-sama di Dewan yang mulia ini merakamkan penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah sebagai wakil penjual utama, *top sells lady* negara kita yang sekian lama ini telah banyak menggalakkan pelaburan serta membawa pelaburan asing ke negara Malaysia yang kita semua cintai. Pujian dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz. Apabila saya cakap di Dewan yang mulia ini sekarang Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah sedang menjalankan urusan rasmi di Tokyo. Sibuk bawa orang-orang Jepun untuk buat lebih lagi kilang, buat lebih lagi pelaburan dan semua boleh menikmati.

Seperti mana Yang Berhormat Menteri menyatakan ini satu minggu yang lalu, sebelum Yang Berhormat Menteri pergi ke Tokyo. Yang Berhormat Menteri menyatakan dengan izin, *Malaysia's ability to attract foreign investment is largely due to continues effort in creating a more conducive institutional support and business operating environment*. Erti kata lain, iklim dan suasana haruslah bersesuaian, baik dan sempurna. Bagi saya pula yang asas dan yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah kestabilan politik. Kalau politik di negara ini kucar-kacir, pinda 10 kali pun akta ini hantu pun takut datang ke negara ini... [Ketawa]

Itu hakikat yang kita mesti ambil perhatian. Hakikat yang kita sama-sama di Dewan yang mulia ini...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak mahulah ganggu Yang Berhormat tapi yang saya hairan kes Thailand politik bergolak, bagaimana pun *baht* semakin kuat, pertumbuhan ekonomi hebat... yang saya sedikit ragu-ragu mengenai hujah Yang Berhormat tadi.

Dato' Gooi Hoe Hin: Mungkin saya terpaksa tanya Yang di-Pertua Persatuan Siam. Yang Berhormat Chun.

Beberapa Ahli: ...[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Dia Siam Malaysia bukan Siam Thailand.

Dato' Gooi Hoe Hin: ...[Ketawa] Tuan Yang di-Pertua. Thailand ini, walaupun dikatakan kucar-kacir tetapi di selatan sahaja. Kalau Tuan Yang di-Pertua rujuk kepada FDI ada, bukan Thailand, itu di masa Thaksin. Sekarang bukan hantu takut pergi ke Thailand, sekarang kurang sedikit daripada manusia. Boleh saya sambung?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat telah bercakap tentang kestabilan politik. Jadi hari ini kita tengok keselamatan negara kita. Memang keselamatan negara kita ini terjamin, tapi kadang-kadang media massa kita memainkan dan kadang-kadang jiran kita yang cemburu kepada kita sendiri yang memainkan bahawa keselamatan negara kita ini tidak terjamin dari segi kecurian, pembunuhan, rogol. Jadi bukankah ini sebagai satu taktik daripada jiran kita supaya pelabur-pelabur tidak datang ke negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Gooi Hoe Hin: Yang Berhormat Dato' Musa kawan saya dari Bukit Mertajam. Keselamatan sebulan yang lalu, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat Singapura, saya masih ingat dalam suatu seminar mungkin benar mungkin tidak benar, *fund manager* semuanya menyatakan bahawa negara Malaysia selamat kah? Dengan izin, *is Malaysia safe?* Dia pusing balikkah, dia pusing balik.

■1710

Bermakna mereka menyoalkan, mereka itu Yang Berhormat Dato' Musa fahamalah, jiran kita yang cukup kita sayangi, membuat satu syak-wasangka, satu isu keselamatan seolah-olah Malaysia ini kalau *you* jalan ke Chow Kit, *you* akan dibunuh. Seolah-olah rogol di sana rogol di sini, seolah-olah jalan tidak selamat. Mungkin itu satu cara di mana daya saing *competitiveness* dengan izin, negara kita yang kita sayangi, lebih berdaya saing kalau berbandung dengan negara jiran kita di selatan. Jadi mereka buat macam-macam tetapi Yang Berhormat Dato' Musa, rakyat kita, kepimpinan kita, yang seperti saya nyatakan dalam pertanyaan lisan saya pasal luar negara kita kedaulatan dan kepentingan ekonomi. Kita tahu, tetapi cara kita buat selalunya berbaik-baik dengan jiran, selalunya bekerjasama, pahala dengan baik.

Jadi saya yakin Yang Berhormat Dato' Musa, saya yakin dan saya percaya pelaburan itu akan terus masuk, jika sebagai rakyat Malaysia termasuk kitalah Yang Berhormat-Yang Berhormat sama-sama juga dibawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dikasihi, supaya teras utama dan peranan amat penting kita ialah mendukung dan memelihara unsur utama ini iaitu kestabilan politik supaya kekal selama-lamanya.

Jika kestabilan politik tergugat, apa-apa usaha Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz yang kita semua kasihi ataupun apa jua undang-undang yang digubal untuk menggalakkan pelaburan akan menjadi sia-sia sahaja. Kita harus berbangga dengan pencapaian sehingga masa kini yang mana mengikut Switzerland IMD Business School yang setiap tahun menerbitkan dengan izin, *World Competitiveness Year Book* atau WCY, meletakkan Malaysia seperti berikut; Malaysia menduduki tangga yang ke-23 dalam 55 ekonomi negara yang paling berdaya saing. Satu tangga yang cukup baik, Malaysia menduduki tangga yang ketujuh di antara 13 negara ekonomi Asia Pasifik. WCY juga meletakkan Malaysia kedudukan yang kesembilan dalam cara kita mentadbir dan mengurus perniagaan dalam mentadbir perniagaan dan dalam tangga 13 dalam unit perkembangan kos buruh.

Ini bermakna secara ringkasnya kita, Malaysia harus berbangga. Banyak kali Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah menyatakan ini semuanya hakikat, fakta-fakta yang kita berasa bangga. Secara ringkas juga atas usaha Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah, eksport perkilangan telah berkembang maju lebih dari 21 kali ganda dari hanya RM20.3 bilion pada tahun 1987. Mengapa saya pilih 1987? 20 tahun sahaja, dua dekad, kita telah meningkat eksport perkilangan kita kepada RM451.7 bilion pada akhir tahun 2006. Ini bukan senang. Jadi ini semuanya kita ucapkan syabas dan tahniah kepada MITI khususnya kepada Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah yang cukup saya sanjung tinggi. Banyak kali saya ikut dia ke luar negeri, banyak kali... *[Ketawa]*

Dato' Ismail Kassim: Yang Berhormat, pohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Tiba-tiba kewibawaan Yang Berhormat terjejas di sini...*[Ketawa]*

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Dato' Gooi.

Saya pun setuju dengan Tuan Yang di-Pertua setelah melihat kewibawaan Yang Berhormat berhujah, tiba-tiba benda itu terserlah. Yang Berhormat yang memuji terlalu banyak kerana dapat ikut lawatan ke luar negeri. Tidak apalah, tetapi Yang Berhormat, kita lihat sekarang ini usaha membawa masuk FDI ke negara kita telah dibuat dengan begitu baik dan saya seperti Yang Berhormat juga meletakkan pujian yang tinggi atas *effort* yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah yang bersungguh-sungguh menjual nama Malaysia sehingga kita dikenali hingga ke tahap sebagaimana yang kita nikmati pada hari ini.

Cuma saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat telah menunjukkan indeks-indeks pencapaian yang mengagumkan yang telah kita nikmati ini, tetapi kita lihat *effort* ini ia tidak akan berhasil, kalau sekiranya faktor keselamatan yang patut di bagi fokus

utama oleh negara kerana pelabur-pelabur besar seperti Jepun, Amerika Syarikat dan lain-lain, yang ini merupakan kriteria utama kalau mereka hendak membuat pelaburan di negara kita. Faktor keselamatan ini bukan sahaja terpikul usaha kerajaan berjaya menenteramkan keadaan negara menerusi kekuatan pasukan angkatan tentera, pasukan polis yang berjaya membina ketenteraman, tetapi juga terletak kepada satu lagi perkara yang kita selalu lupa iaitu pengawal-pengawal keselamatan kita.

Saya rasa di negara kita ini, kita sebenarnya belum ada pengawal-pengawal keselamatan yang cukup terlatih dan pegawai keselamatan kita pun macam mana Yang Berhormat bangkitkan tadi, seperti mana pekerja-pekerja kilang kita, kita banyak bawa masuk dari luar negara. Sekarang ini kita sudah bekerja kilang di kalangan rakyat tempatan sudah tidak ramai, kalau kita pergi ke Bayan Baru, Pulau Pinang pun kita nampak *Vietnamese*, kita nampak *Indonesian*, kita nampak lain-lain seolah-olah sekarang ini apabila banyak kilang, pekerja tempatan dia kurang, tetapi aspek keselamatannya... kerana FDI ini membawa masuk dan akan membuat barang-barang yang berharga yang memerlukan kawalan keselamatan yang cekap, rapi dan bersistematik.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya pihak kerajaan juga memfokuskan kepada agensi pengawal keselamatan ini dengan memberi latihan yang tertentu, yang tidak hanya ambil mereka-mereka yang berada di penghujung usia dan dari segi *element of trust* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kepercayaan. Ada pegawai keselamatan yang ambil duit syarikat, dia diamanahkan bawa duit, duit gaji pekerja tetapi duit itu dirompak menerusi cara-cara yang tertentu. Jadi kita hendak benda-benda yang macam ini, bagi meyakinkan bahawa usaha Dato' Seri Rafidah buat ini di peringkat kita, kita dengan kita bersedia menerima...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan lupa, Yang Berhormat hanya mencelah ya!...
[Ketawa]

Dato' Ismail Kassim: ...Apa pandangan Yang Berhormat? Ya, cuma Tuan Yang di-Pertua, saya dengar dari luar tadi ketika minum dengan kawan-kawan, Tuan Yang di-Pertua tanya Yang Berhormat, soal kenapa Thailand dia boleh menerima FDI dengan begitu banyak walaupun keadaan bergolak, pertukaran politik, Perdana Menteri yang tidak berhenti.

■1720

Saya nak tolong jawab bagi pihak Dato' Gooi sahaja Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan, kerana ikatan politik sistem di Thailand ini dia tidak kuat, yang kuat adalah sistem pentadbiran dan raja yang menguasai segala-galanya. Tukarlah Perdana Menteri seratus kali sehari pun, tetapi sistem pentadbiran Thailand berada dalam keadaan yang kukuh kerana mereka tidak bergantung pada sistem pilihan raya dan politik, yang itu boleh ada atau tidak ada pun tidak mengapa. Di bawah junta tentera pun, mereka masih menjadi sebuah negara yang mampu, mapan dan relevan, kerana *King* dan tentera mempunyai kuasa segala-galanya dalam urusan pentadbiran negara Thailand. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat ambil masa lebih dari saya? Silakan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Kerana menyentuh kewibawaan saya, sebab saya sentuh, saya ikut Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah ke luar negeri. Bukan saya ikut dia. Kebetulan dahulunya saya Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Perusahaan Utama. Jadi sama-sama juga saya bertugas untuk menarik pelaburan. Tentang keselamatan...

Tuan Yang di-Pertua: Kita kira tertebuslah kewibawaan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Itu maruahlah Yang Berhormat. Untuk keselamatan, senang sahaja saya jawab. Memang keselamatan masih terkawal, tetapi kalau banding dengan dahulu, dahulu lain, kini lain. Jadi, kita pagi ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah pun berhujah. PDRM telah bertungkus-lumus untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan. Bagilah masa. Saya yakin, keselamatan isu ini akan dibereskan. Boleh saya sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Banyak orang kacau saya, saya pun tak tahu. Mengikut tempoh masa, Pelan Induk Perindustrian, pelaburan perkilangan yang telah diluluskan mencapai IMP2 RM269.7 bilion melebihi sasaran RM250 bilion. Saya yakin dan saya percaya sasaran IMP3 2006 hingga ke 2020 untuk pelaburan perkilangan sebanyak RM362 bilion akan dapat dicapai, jika kita sama-sama bertekad untuk mewujudkan keadaan dan suasana kestabilan politik yang kukuh dan mampan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu kita di Dewan yang mulia ini menghuraikan setiap faktor-faktor utama lain. Saya percaya semua Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, selain daripada faktor kestabilan politik, yang menjadi tunjang bagi membolehkan pelaburan asing mengalir ke negara kita. Faktor-faktor lain seperti kemudahan infrastruktur yang maju, dasar mesra perniagaan, tenaga kerja mahir, sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di antara lain menjadi faktor-faktor utama. Ingin saya mengambil kesempatan di sini untuk merumuskan suatu perkara lagi yang pada hemah saya juga amat penting untuk menggalakkan pelaburan. Adalah diperhatikan, agensi-agensi yang melibatkan untuk menggalakkan pelaburan mahupun di luar atau dalam negeri ialah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri iaitu MITI, MIDA dan MATRADE. Saya dapati MITI menubuhkan pejabat-pejabat di luar negeri untuk kerjasama ekonomi dua hala di Geneva, di Brasil, di London, Tokyo, Washington DC, Beijing, New Delhi.

Tambahan pula pejabat untuk kerjasama ekonomi ASEAN di Jakarta, Manila, Bangkok dan Singapura. Untuk kerjasama ekonomi Asia Pasifik, di Singapura. MIDA pula ada pejabat-pejabat di Asia Pasifik seperti di Sydney, Tokyo, Taipei, Seoul, Osaka, Shanghai, dan di Eropah, Paris, Milan, Cologne, London, Stockholm, dan di Amerika Syarikat di Los Angeles, New York, Chicago, St. Jose dan Houston.

Tujuan utama saya memberitahu Dewan yang mulia adanya begitu ramai pejabat-pejabat MITI ataupun MIDA di luar negara supaya kita sama-sama dapat memahami akan pentingnya tugas dan tanggungjawab pejabat-pejabat berkenaan dalam urusannya untuk menjaga kepentingan negara dan menarik pelaburan asing ke negara kita.

Mengikut Yang Berhormat Menteri sendiri, bagi tahun 2006, tahun yang lepas; Jepun, Belanda, Australia, Amerika Syarikat dan Singapura, pelaburannya berjumlah RM14.6 bilion atau 72.3% keseluruhan pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2006. Saya dapati Tuan Yang di-Pertua, Indonesia yang telah dapat mengatasi Malaysia dalam menarik pelaburan. Pada tahun 2005, sebab saya tidak dapat 2006, Indonesia menerima RM19.46 bilion atau USD 5.26 bilion, sementara Malaysia RM14.69 bilion.

Bagi saya, dan saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, falsafah kita harus kita ingat ialah kita perlu berusaha lebih gigih lagi dalam alam persaingan yang begitu sengit ini. Khususnya dari negeri China sekarang, negeri India, Hong Kong, dan jiran kita yang kita kasihi, Singapura. Suka kah, duka kah, kita cinta.

Oleh itu, saya katakan, dahulu lain, kini lain. Pegawai-pegawai kita di luar negara mahupun dari MITI, MIDA dan MATRADE harus mengamalkan sikap lebih proaktif. Ini saya lihat sendiri bila saya keluar negeri. Mereka perlu dan harus tidak boleh mengamalkan sikap hanya tunggu dan lihat, tak boleh lagi. Bermakna tunggu di pejabat, tunggu pelabur asing datang, tak boleh jadi, sebab dahulu lain, kini lain, lain, lain... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung ucapan besok. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.